



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

NEGERI PERAK TAHUN 2003



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
<u>KATA PENDAHULUAN</u>	<u>iv</u>
<u>INTISARI LAPORAN</u>	<u>viii</u>
<u>BAHAGIAN I : PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>1</u>
<u>Pengesahan</u> Penyata Akaun Awam	<u>2</u>
<u>Analisis</u> Terhadap Penyata Akaun Awam	<u>3</u>
<u>Kemajuan</u> Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK 8	<u>19</u>
<u>Rumusan</u> Dan Syor Audit	<u>21</u>
<u>BAHAGIAN II : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>22</u>
<u>Pejabat</u> Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<u>24</u>
<u>Pengurusan</u> Kewangan Di Peringkat Jabatan	<u>48</u>
<u>Program</u> <i>Audit Presence</i>	<u>61</u>
<u>Program</u> Anak Angkat	<u>65</u>
<u>BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS</u>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>71</u>
<u>Unit Perancang</u> Ekonomi Negeri	<u>72</u>
Projek Penggalakan Pelancongan Desa Perlombongan Bijih Timah	

PERKARA

MUKASURAT

<u>Jabatan</u> Kerja Raya Projek Pembinaan Jalan Baru Di Bandar Baru Seri Iskandar	<u>94</u>
<u>Pejabat</u> Daerah Dan Tanah Manjung Pengurusan Perolehan Kerja	<u>118</u>
<u>Pejabat</u> Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Pengurusan Ubah Syarat Tanah	<u>139</u>

BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

<u>Pendahuluan</u>	<u>153</u>
<u>Pengauditan</u> Penyata Kewangan	<u>153</u>
<u>Kedudukan</u> Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri	<u>154</u>
<u>Persijilan</u> Penyata Kewangan	<u>155</u>
<u>Pembentangan</u> Penyata Kewangan	<u>156</u>
<u>Prestasi</u> Kewangan	<u>157</u>
<u>Rumusan</u> Dan Syor Audit	<u>161</u>
<u>Lembaga</u> Air Perak Pengurusan Kewangan	<u>162</u>
<u>Majlis</u> Daerah Kinta Selatan Pengurusan Kewangan	<u>181</u>
<u>Yayasan</u> Perak Pengurusan Pinjaman Pelajaran	<u>197</u>

PERKARA

MUKASURAT

<u>Majlis Daerah Lenggong</u> Projek Pembinaan Dewan Dan Chalet Di Kawasan Tasik Raban Fasa II	<u>219</u>
--	------------

BAHAGIAN V : PERKARA AM

<u>Pendahuluan</u>	<u>243</u>
<u>Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002</u>	<u>243</u>
<u>Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai</u>	<u>250</u>

<u>PENUTUP</u>	<u>253</u>
-----------------------	------------

LAMPIRAN

<u>I</u> <u>Sijil</u> Ketua Audit Negara	<u>254</u>
<u>II</u> <u>Ringkasan</u> Penyata Akaun Awam	<u>255</u>
<u>III</u> <u>Kedudukan</u> Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri Sehingga 31 Julai 2004	<u>258</u>
<u>IV</u> <u>Pembentangan</u> Penyata Kewangan Agensi Negeri Di Dewan Undangan Negeri Sehingga 31 Julai 2004	<u>259</u>

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2003 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2003 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003, pengauditan terhadap

sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di 7 pusat tanggungjawab bagi 7 Jabatan. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 969 baucar bayaran bernilai RM 174.92 juta, sebanyak 159 penyata pemungut bernilai RM239.54 juta dan 275 baucar jurnal bernilai RM145.12 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 9 Jabatan/Agensi Negeri dan 6 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan pembinaan, eko-pelancongan, perkhidmatan dan pendidikan.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaannya telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2002 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembedahan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaannya terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap; menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktiviti, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan; penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan masih berterusan berlaku.

5. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

5.1 Program Anak Angkat. Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat '*fault finder*' - hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental*'. Melalui program ini, 4 pejabat telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir bulan Julai 2004, dua daripada 4 telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan. Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

5.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer. Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

6. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

Bahagian I : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri

Bahagian III : Aktiviti Jabatan Dan Kajian Khas

Bahagian IV : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan

Bahagian V : Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
2 September 2004

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 2003 telah dapat disahkan kerana semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan juga Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Pada keseluruhannya Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Perak menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh berakhir 31 Disember 2003. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri didapati masih kukuh berasaskan aset terkumpul berjumlah RM751.33 juta berbanding tanggungan berjumlah RM150.80 juta.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

2. Pengurusan kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri masih menunjukkan kelemahan di peringkat kawalan hasil dan perbelanjaan. Bagaimanapun, pengurusan kewangan di 7 Jabatan Negeri yang diaudit menunjukkan terdapat peningkatan dari aspek kawalan hasil dan perbelanjaan. Namun begitu, kelemahan peringkat kawalan pengurusan, akaun deposit dan amanah serta pengurusan aset masih wujud. Sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Audit tahun lepas, punca kelemahan tersebut berlaku adalah penyeliaan yang lemah oleh pegawai yang bertanggungjawab dan ketidak perihatinan pegawai pelaksana terhadap semua peraturan berkaitan.

3. Program *Audit Presence* yang dilaksanakan di 28 pejabat menunjukkan kawalan hasil adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan melalui pemantauan Pegawai bertanggungjawab. Sebanyak 4 Jabatan/Agensi yang dipilih bagi Program Anak Angkat telah diberi bimbingan dalam penyelenggaraan rekod perakaunan bagi memantapkan pengurusan kewangan.

BAHAGIAN III - AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

Unit Perancang Ekonomi Negeri : Projek Penggalakan Pelancongan Desa Perlombongan Bijih Timah

4. Cadangan pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah bermula sejak tahun 1994. Walaupun begitu, sehingga pertengahan tahun 2002 hanya sebahagian daripada komponen dan konsep asal pembangunannya telah dilaksanakan. Kelewatan melantik pihak untuk menguruskan infrastruktur, bangunan dan kemudahan lain yang sudah dibina mengakibatkan lokasi projek terabai. Kerajaan Negeri perlu segera memutuskan pihak pengurusan yang sesuai bagi memastikan projek ini dapat mencapai matlamat pembangunannya untuk menjadi pusat sejarah perlombongan serta destinasi pelancongan yang menarik.

Jabatan Kerja Raya : Projek Pembinaan Jalan Baru Di Bandar Baru Seri Iskandar

5. Pada tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak Tengah Seri Iskandar telah melaksanakan 2 projek jalan iaitu jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit dan Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar. Peruntukan yang diluluskan sejumlah RM34.71 juta telah dibelanjakan kesemuanya untuk tujuan ini. Jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit telah dapat disiapkan seperti dirancang sementara Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar telah lewat disiapkan selama 9 bulan. Kelewatan ini berpunca daripada faktor cuaca, pengalihan kemudahan seperti paip air, kabel elektrik dan talian telefon serta terdapatnya batu besar di salah satu laluan yang tidak dapat dikesan pada peringkat awal. Dengan terbinaanya jalan ini terutama Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar telah dapat memberi kemudahan kepada penduduk setempat untuk berurusan dengan agensi Kerajaan yang berpusat di sini.

Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung : Pengurusan Perolehan Kerja

6. Pada umumnya pengurusan perolehan Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung dilaksanakan dengan baik dan mendatangkan faedah kepada orang awam dan kumpulan sasar serta mencapai matlamat perolehan berkenaan. Bagaimanapun,

Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung perlu berusaha meningkatkan tahap kecekapan pengurusan supaya tempoh masa pengurusan pelaksanaan dikurangkan dan kemajuan pelaksanaan perolehan dipantau secara terancang.

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri : Pengurusan Ubah Syarat Tanah

7. Secara keseluruhannya pengurusan ubah syarat tanah yang ditadbirkan oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri masih boleh dipertingkatkan. Walaupun masih wujud kelemahan seperti kelewatan memproses permohonan dan ketiadaan aktiviti penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri masih boleh memperbaiki kelemahan dengan mengambil tindakan segera supaya pengurusan ubah syarat tanah beserta aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap. Bagi mengatasi masalah ini, adalah disyorkan supaya proses kelulusan dapat dipercepatkan dan permohonan ubah syarat yang lama tertunggak diselesaikan dengan segera. Selain itu, penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat kegunaan tanah juga perlu diperketatkan bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan tanah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Lembaga Air Perak : Pengurusan Kewangan

8. Pengurusan kewangan di Lembaga Air Perak masih mempunyai kelemahan dari aspek kawalan hasil dan pengurusan aset. Kelemahan dari segi mematuhi peraturan kewangan, pemantauan oleh pihak pengurusan masih perlu dipertingkatkan. Tindakan yang lebih berkesan perlu diambil oleh pihak pengurusan Lembaga Air Perak supaya imej dan akauntabiliti awam dapat dipertingkatkan.

Majlis Daerah Kinta Selatan : Pengurusan Kewangan

9. Pengurusan kewangan di Majlis masih mempunyai kelemahan yang perlu dibaiki terutamanya aspek pematuhan peraturan kewangan bagi pengurusan hasil

dan perbelanjaan. Pihak Majlis perlu mengambil tindakan untuk meningkatkan penyeliaan terhadap penyelenggaraan rekod kewangan. Penglibatan secara khusus pegawai pengawal dalam pengurusan kewangan Majlis adalah penting bagi memastikan semua peraturan kewangan dipatuhi. Dengan adanya kerjasama daripada semua pihak, pihak Audit berpendapat Majlis berupaya menambahbaik prestasi pengurusan kewangannya dengan mengambil pelbagai langkah yang disyorkan.

Yayasan Perak : Pengurusan Pinjaman Pelajaran

10. Yayasan Perak telah menubuhkan Tabung Kumpulan Wang Kebajikan Dan Pelajaran Yayasan Perak untuk tujuan menguruskan pinjaman pelajaran bagi memenuhi fungsi Yayasan ke arah memperbaiki dan meningkatkan tahap pendidikan, sukan, sosial dan kebudayaan Negeri Perak. Pengurusan pinjaman pelajaran masih perlu diperkemaskan di peringkat pelaksanaan terutama keperluan tenaga manusia bagi tujuan menyelia pelaksanaan dan pemantauan bayaran balik pinjaman. Kekurangan sumber tenaga manusia menyebabkan pelaksanaan dan pemantauan yang kurang berkesan. Dengan adanya pengiktirafan Sijil ISO terhadap pengurusan pinjaman pelajaran diharapkan dapat mempertingkatkan tahap pengurusan pinjaman pelajaran Yayasan Perak.

Majlis Daerah Lenggong : Projek Pembinaan Dewan Dan Chalet Di Kawasan Tasik Raban Fasa II

11. Majlis Daerah Lenggong melaksanakan projek pembangunan di kawasan Tasik Raban selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan disamping menambahkan hasil Majlis. Bagaimanapun, matlamat projek masih belum tercapai kerana berlaku kelewatan pelaksanaan projek. Antara puncanya adalah masalah kontraktor dan pemantauan yang kurang berkesan. Majlis perlu berusaha untuk memperkukuhkan aspek pemantauan supaya projek pembinaan dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan agar dapat memberikan pulangan hasil seperti yang dirancangkan.

**BAHAGIAN I
PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

1. PENDAHULUAN

Penyata Akaun Awam yang berkembar bersama Laporan ini terdiri daripada Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum yang menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2003. Pihak Berkuasa Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam tersebut mengikut Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957 dan hendaklah mengemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit mengikut peruntukan Seksyen 9 Akta Audit 1957 dalam tempoh 7 bulan selepas berakhir sesuatu tahun kewangan. Pegawai Kewangan Negeri mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 kepada Jabatan Audit Negara pada **29 Julai 2004**.

Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Negeri adalah untuk mengesah dan memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Dalam menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, beberapa faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) sesuatu kesilapan dan juga keadaan yang menyebabkan sesuatu kesilapan tersebut berlaku. Kesilapan, ketinggalan dalam akaun dan ketiadaan dokumen sokongan yang *material* dilaporkan dalam **Bahagian ini**.

Kerajaan Negeri telah menganjurkan kursus pengurusan kewangan dan bengkel dalam usaha meningkatkan tahap kefahaman dan kecekapan kakitangan sokongan dan pegawai kanan di Sektor Awam. Semua kursus dan bengkel telah diadakan antara bulan Januari hingga Oktober 2003 iaitu kursus yang berkaitan dengan Pengurusan Kewangan, Pengurusan Perolehan Kerajaan, Pengurusan Hasil, Pengurusan Perbelanjaan dan Pembayaran, Pengurusan Aset Dan Stor serta Bengkel Bajet Diubahsuai bagi peringkat pegawai kanan dan kakitangan

sokongan. Selain itu, buat julung kalinya, Kerajaan Negeri Perak telah memperkenalkan Anugerah Pengurusan Kewangan Dan Akaun Jabatan Terbaik peringkat Negeri Perak. Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberi pengiktirafan secara formal kepada Jabatan Negeri Perak yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pengurusan kewangan.

Jabatan Audit Negara turut memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan prestasi pengurusan kewangannya. Pelbagai mesyuarat dan perbincangan telah diadakan di peringkat Negeri melalui 6 Jawatankuasa yang turut dianggotai oleh Jabatan Audit Negara. Jawatankuasa yang dimaksudkan ialah Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan Negeri, Majlis Pembangunan Negeri, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri, Jawatankuasa Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dan Jawatankuasa Anugerah Pengurusan Kewangan Negeri Perak. Sepanjang tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah memberi kursus dan latihan kepada Jabatan Negeri berkaitan dengan Pengurusan Kewangan, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah.

2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2003.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini hendaklah dikekalkan supaya sijil tanpa teguran masih dapat dikeluarkan

pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri

3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM

Analisis Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada akhir tahun 2003 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2002. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Kedua penyata ini memberikan gambaran berbeza di mana Lembaran Imbangan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang dan ke arah perakaunan asas akruan.

3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Kedudukan kewangan sesebuah negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada akhir Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Mengikut
Lembaran Imbangan

Bil	Butiran	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	595.10	595.21	0.11
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada:	145.27	76.83	(68.44)
	<i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(162.05)	(189.58)	(27.53)
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	65.89	64.63	(1.26)
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	102.11	65.58	(36.53)
	<i>iv) Deposit</i>	77.56	69.11	(8.45)
	<i>v) Akaun Kena Bayar</i>	61.76	67.09	5.33
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	46.75	79.29	32.54
	Jumlah	787.12	751.33	(35.79)

Sumber: Penyata Akaun Awam

Jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2003 adalah RM751.33 juta dan ditunjukkan sebagai aset yang berbentuk wang tunai sejumlah RM709.68 juta dan pelaburan sejumlah RM41.65 juta. Kumpulan Wang Disatukan itu mengalami penurunan sejumlah RM35.79 juta menjadi RM751.33 juta berbanding RM787.12 juta pada tahun 2002. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM68.44 juta yang terdiri daripada penurunan Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM27.53 juta, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM1.26 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam sejumlah RM36.53 juta dan Akaun Deposit sejumlah RM8.45 juta. Selain itu, Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan masing-masing menyumbang sejumlah RM0.11 juta dan RM32.54 juta.

Dari segi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2003 adalah baik kerana aset yang dimiliki berjumlah RM751.33 juta mampu menjelaskan Akaun Kena Bayar sejumlah RM67.09 juta, deposit sejumlah RM69.11 juta dan bayaran balik pinjaman sejumlah RM14.60 juta.

Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Aset Dan Tanggungan
Mengikut Kedudukan Penyata Akaun Memorandum

Bil.	Butiran	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	<u>Aset</u>			
	Pinjaman Boleh Dituntut	146.07	221.33	75.26
	Tunggakan Hasil	149.50	158.46	8.96
	Pelaburan	41.65	41.65	0.00
	Jumlah	337.22	421.44	84.22
2.	<u>Tanggungan</u> Hutang Kerajaan Negeri	279.26	347.33	68.07

Sumber: Penyata Akaun Awam

Jumlah aset yang ditunjuk dalam Penyata Akaun Memorandum adalah meningkat sejumlah RM84.22 juta menjadi RM421.44 juta pada akhir tahun 2003, berbanding RM337.22 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini berpunca terutamanya daripada peningkatan Pinjaman Boleh Dituntut sejumlah RM75.26 juta menjadi RM221.33 juta pada tahun 2003 berbanding RM146.07 juta pada tahun 2002. Selain Pinjaman Boleh Dituntut, aset ini juga terdiri daripada tunggakan hasil dan pelaburan yang masing-masing berjumlah RM 158.46 juta dan RM41.65 juta. Bagi tempoh jangka panjang, aset ini mampu menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM347.33 juta.

Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak berdasarkan Lembaran Imbangan adalah kukuh dengan baki aset sejumlah RM751.33 juta berbanding dengan tanggungan sejumlah RM150.80 juta. Penyata Akaun Memorandum pula menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak adalah terkawal, di mana aset yang dimiliki melebihi nilai hutang Kerajaan Negeri. Analisis lengkap berkenaan komponen Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum ditunjuk di perenggan berikutnya.

LEMBARAN IMBANGAN

3.2 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM0.12 juta menjadi RM595.22 juta pada tahun 2003 berbanding RM595.10 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disumbangkan oleh lebihan hasil berbanding perbelanjaan pada tahun 2003.

3.2.1 Hasil

Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berjumlah RM454.62 juta berbanding RM442.32 juta pada tahun 2002. Kedudukan ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM12.30 juta atau 2.8% berbanding dengan hasil tahun 2002. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 3**.

Jadual 3
Kedudukan Hasil Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2002 dan 2003

Bil	Kategori Hasil	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	147.19	171.93	24.74
2.	Hasil Bukan Cukai	172.52	181.41	8.89
3.	Penerimaan Bukan Hasil	122.61	101.28	(21.33)
Jumlah		442.32	454.62	12.30

Sumber: *Penyata Akaun Awam*

Pemeriksaan Audit terhadap 179 butiran hasil menunjukkan 97 butiran telah meningkat sejumlah RM67.34 juta manakala 82 butiran hasil menunjukkan penurunan berjumlah RM55.04 juta. Analisis terhadap sembilan butiran hasil yang dipilih mewakili peningkatan dan penurunan tersebut terdiri daripada lima butiran hasil berjumlah RM28.86 juta yang menunjukkan peningkatan hasil manakala empat butiran hasil berjumlah RM16.56 juta menunjukkan penurunan. Butiran hasil dan sebab peningkatan dan penurunan adalah seperti berikut:

i) Peningkatan Hasil Yang Ketara

a) Cukai Tanah Tahun Pertama

Kutipan Cukai Tanah Tahun Pertama meningkat sejumlah RM12.41 juta menjadi RM15.69 juta berbanding sejumlah RM3.28 juta pada tahun 2002. Peningkatan Cukai Tanah Tahun Pertama adalah disebabkan sebahagian Pejabat Tanah mengakaunkan pungutan terus kepada butiran hasil ini. Selain itu pelarasan pemindahan hasil berjumlah RM12.77 juta daripada Akaun Pertaruhan ke Akaun Hasil Cukai Tanah Tahun Pertama telah dibuat pada tahun 2003. Pelarasan ini adalah selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil. 1 Tahun 1998 yang menetapkan supaya Cukai Tanah Tahun Pertama di kredit terus kepada hasil. Pejabat Tanah Manjung mencatatkan peningkatan sejumlah RM0.90 juta manakala Pejabat Tanah Ipoh mencatatkan peningkatan yang paling ketara iaitu sejumlah RM11.28 juta menjadi RM14.07 juta berbanding RM2.79 juta pada tahun 2002.

b) Pemberian Bagi Projek Persekutuan Yang Dilaksanakan Oleh Negeri

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri Perak menerima sejumlah RM10.61 juta sebagai pemberian bagi projek Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Penerimaan ini merupakan bayaran perkhidmatan tahun 2002 bagi penglibatan kakitangan Negeri dalam melaksanakan pelbagai projek Kerajaan Persekutuan. Peningkatan ini disebabkan bayaran perkhidmatan tahun 2002 tidak diterima pada tahun tersebut tetapi hanya diterima pada tahun 2003. Semakan Audit mendapati pihak Perbendaharaan Negeri telah mengemukakan permohonan berjumlah RM14.05 juta sebagai bayaran perkhidmatan tahun 2003 pada bulan Januari 2004.

c) Bayaran Ganti Rugi Hutan

Bayaran Ganti Rugi Hutan meningkat sejumlah RM0.18 juta iaitu daripada RM0.31 juta pada tahun 2002 menjadi RM0.49 juta pada tahun 2003. Sebahagian besar peningkatan ini adalah hasil terimaan pampasan daripada Lembaga Air Perak. Pada tahun 2003, sejumlah RM0.25 juta diterima sebagai pampasan ganti rugi hasil pembalakan bagi membina Empangan Air Sungai Kinta. Perkiraan pampasan sejumlah RM0.50 juta telah mendapat kelulusan untuk pengurangan daripada Jawatankuasa Kehutanan yang dipengerusikan oleh Menteri Besar.

d) Deposit Tidak Dituntut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang telah mencapai maksudnya dan tidak dituntut selepas 12 bulan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit tersebut tidak dituntut dalam tempoh 3 bulan selepas pewartaan hendaklah dipindahkan ke hasil Kerajaan Negeri. Pada tahun 2003 sejumlah RM1.21 juta telah dipindahkan di bawah peraturan ini berbanding RM0.65 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan Jabatan mengambil tindakan mengemas kini rekod dan daftar deposit yang diselenggarakan. Pejabat Daerah Dan Tanah Larut Matang dan Selama menyumbang RM0.20 juta kepada jumlah ini manakala Jabatan Kerja Raya Negeri Perak menyumbang sejumlah RM1 juta.

e) Bayaran Pembangunan Tanah

Bayaran Pembangunan Tanah merupakan kos pembangunan pembukaan tanah untuk perkampungan tersusun. Pada tahun 2003 jumlah kutipan ini adalah RM0.85 juta berbanding RM0.84 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan Pejabat Tanah Ipoh telah membuka sejumlah 206 lot perkampungan tersusun pada tahun 2003 berbanding sejumlah 98 lot pada tahun 2002.

ii) Penurunan Hasil Yang Ketara

a) Lain-lain Terimaan Daripada Agensi Kerajaan

Hasil ini merupakan terimaan dari Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai perbelanjaan mengurus termasuk penyelenggaraan infrastruktur dan jalan raya. Pada tahun 2003, hasil ini mencatatkan penurunan sejumlah RM23.31 juta menjadi RM14.44 juta berbanding RM37.75 juta pada tahun 2002. Ini disebabkan pemindahan wang dari Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya pada tahun 2003 hanya berjumlah RM13.92 juta berbanding sejumlah RM37.13 juta yang telah dipindahkan pada tahun 2002.

b) Pemberian Pertambahan Hasil

Pemberian Pertambahan Hasil dari Kerajaan Persekutuan bertujuan menampung perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Pemberian Pertambahan Hasil telah menurun sejumlah RM8.32 juta berbanding dengan tiada penerimaan pada tahun 2003. Pemberian Pertambahan Hasil berjumlah RM11.73 juta untuk tahun 2003 hanya diterima oleh Kerajaan Negeri pada bulan Januari 2004.

c) Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun Negeri

Pada tahun 2003, bayaran balik pinjaman bagi 3 Badan Berkanun Negeri dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan telah menurun menjadi RM1.89 juta berbanding RM4.57 juta pada tahun 2002. Penurunan sejumlah RM2.68 juta adalah disebabkan agensi tersebut tidak menjelaskan bayaran balik pada masa yang ditetapkan. Sejumlah RM24.08 juta yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2003 tetapi hanya sejumlah RM1.89 juta telah dibayar balik.

d) Faedah Ke atas Pinjaman Badan Berkanun

Pada tahun 2003 sejumlah RM0.22 juta diperolehi dari Faedah Ke atas Pinjaman Badan Berkanun berbanding RM0.82 juta pada tahun sebelumnya. Pembayaran balik pinjaman yang tidak mengikut jadual turut membawa kesan

penurunan hasil faedah yang diterima terhadap pinjaman Badan Berkanun. Penurunan hasil sejumlah RM0.60 juta disebabkan pinjaman bayaran balik oleh Badan Berkanun yang tidak mematuhi jadual yang telah ditetapkan.

3.2.2 Perbelanjaan

Perbelanjaan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 meningkat sejumlah RM26.76 juta menjadi RM643.62 juta berbanding RM616.86 juta pada tahun 2002. Perbelanjaan ini terdiri daripada RM454.51 juta perbelanjaan mengurus dan RM189.11 juta perbelanjaan pembangunan.

i) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2003 telah meningkat sejumlah RM14.57 juta menjadi sejumlah RM454.51 juta berbanding RM439.94 juta pada tahun 2002. Daripada 5 butiran perbelanjaan mengurus yang disemak adalah didapati 4 butiran menunjukkan peningkatan manakala 1 butiran menunjukkan penurunan. Kedudukan butiran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2002 Dan 2003

Bil	Maksud Perbelanjaan	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Emolumen	143.65	145.25	1.60
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	102.10	107.89	5.79
3.	Aset	21.83	26.40	4.57
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	170.36	173.41	3.05
5.	Perbelanjaan Lain	2.00	1.56	(0.44)
Jumlah		439.94	454.51	14.57

Sumber : Penyata Akaun Awam

Pada tahun 2003, perbelanjaan emolumen telah meningkat sejumlah RM1.60 juta atau 1.1 % menjadi RM145.25 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh pembayaran bonus satu bulan gaji kepada 7,123 kakitangan pada bulan Jun dan November 2003. Perbelanjaan di bawah maksud Perkhidmatan Dan Bekalan juga meningkat sejumlah RM5.79 juta atau 5.7% menjadi RM107.89 juta berbanding RM102.10 juta pada tahun 2002. Kenaikan ini antara lain disebabkan oleh kerja selenggaraan kenderaan, pembaikan, perbelanjaan pejabat dan kos pengangkutan. Jabatan yang menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan ini ialah Jabatan Kerja Raya dengan jumlah RM1.97 juta, Jabatan Pengairan Dan Saliran dengan sejumlah RM0.76 juta, Jabatan Perhutanan dengan sejumlah RM0.56 juta dan Pejabat Kewangan Negeri sejumlah RM0.44 juta. Perbelanjaan Aset meningkat sejumlah RM4.57 juta atau 20.9% berbanding RM21.83 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan pembelian aset seperti bas dan kerja pembaikan bangunan yang dibuat oleh Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan sejumlah RM1.72 juta dan Jabatan Pengairan Dan Saliran sejumlah RM0.83 juta. Peningkatan berlaku bagi maksud Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap yang disebabkan oleh pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang meningkat sejumlah RM10 juta berbanding tahun 2002 dan bayaran Ganjaran Dan Pencen ADUN berjumlah RM3.10 juta. Bagi maksud Perbelanjaan Lain iaitu bayaran balik hasil dan hapus kira didapati menurun sejumlah RM0.44 juta menjadi RM1.56 juta berbanding RM2.00 juta pada tahun 2002.

3.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Pada tahun 2003, Perbendaharaan Negeri menguruskan 6 Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar berjumlah RM76.82 juta berbanding RM145.27 juta pada tahun 2002.

3.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Baki Defisit Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2003 meningkat sejumlah RM27.53 juta menjadi RM189.58 juta berbanding baki defisit sejumlah RM162.05 juta pada tahun 2002. Perbelanjaan sebenar tahun 2003 telah melebihi penerimaan sebenar Kumpulan Wang yang berjumlah RM161.58 juta dan menjadikan defisit semasa sejumlah RM27.53 juta. Peningkatan perbelanjaan pembangunan ini adalah disebabkan menyiapkan 238 daripada 460 projek yang dirancang. Butiran perbelanjaan pembangunan yang menunjukkan peningkatan yang ketara adalah projek menyiapkan Kompleks Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Rendah Syariah di bawah kawalan Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah berjumlah RM15.17 juta, projek kelolaan Jabatan Kerja Raya bagi Pembinaan Jalan Baru berjumlah RM19.21 juta dan Projek Memperelok/ Melebar Dan Menaikkan Taraf Jalan Sedia Ada berjumlah RM17.77 juta dan Projek Pelbagai Kerja Dan Perkhidmatan Luar Bandar berjumlah RM23.43 juta yang dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri.

3.3.2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini adalah merupakan Kumpulan Wang Pusingan. Sumber kewangan ini diperolehi daripada Peruntukan Kerajaan Negeri. Pada tahun 2003, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berkurang sejumlah RM1.26 juta menjadi RM64.63 juta

berbanding RM65.89 juta pada tahun 2002. Pengurangan ini disebabkan pelarasan Akaun Penyelesaian Cek Terbatal berjumlah RM1.01 juta daripada Penyata Deposit ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

3.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada 23 Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Enam daripada akaun amanah tersebut telah diwujudkan pada tahun 2003. Butiran akaun amanah adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Akaun Amanah Yang Diwujudkan Pada Tahun 2003

Bil	Kod	Akaun Amanah	Baki (RM Juta)
1.	65004	Tabung Khas Kemanusiaan Mangsa Peperangan Iraq	0.22
2.	65005	Keluarga Bahagia Nadi Kesejahteraan Negara	0.96
3.	65006	Pampasan 35 Keluarga di Temenggor	0.78
4.	65024	Pusat Pembangunan Usahawan Dan Kemahiran	4.18
5.	65061	Tabung Amanah Repositori	3.00
6.	65007	Sumbangan Tabung Nelayan Pesisiran Pantai Lekir	-
Jumlah			9.14

Sumber: Penyata Akaun Awam

Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2003 berkurang sejumlah RM36.53 juta menjadi RM65.58 juta berbanding RM102.11 juta pada tahun 2002. Ini adalah kerana 9 akaun dalam Kumpulan Wang Amanah ini menunjukkan pengurangan baki berjumlah RM48.46 juta berbanding kenaikan baki untuk 11 akaun yang lain berjumlah RM11.94 juta. Punca utama pengurangan ini adalah pelarasan dalam Akaun Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya sejumlah RM45.62 juta.

3.3.4 Kumpulan Wang Diraja

Kumpulan Wang Diraja ditubuhkan di bawah *Enactment Civil List 1958 (Civil List Reserve Fund)*. Sumber kewangan adalah baki peruntukan perbelanjaan mengurus bagi Peruntukan Diraja D.Y.M.M. Sultan yang tidak habis dibelanjakan. Peruntukan ini boleh juga dikeluarkan sekiranya peruntukan perbelanjaan mengurus tahunan tidak mencukupi. Pada tahun 2003, Kumpulan Wang Diraja dinyatakan dalam Kumpulan Wang Amanah Awam berbanding dengan tahun 2002, Kumpulan Wang ini dinyatakan secara berasingan dalam Kumpulan Wang Simpanan Diraja. Baki Kumpulan Wang ini berkurang sejumlah RM0.56 juta menjadi RM2.58 juta berbanding sejumlah RM3.14 juta pada tahun 2002. Pengurangan ini disebabkan sejumlah RM0.85 juta peruntukan dipindahkan daripada Kumpulan Wang ini sebagai peruntukan tambahan kepada perbelanjaan Istana dan Majlis.

3.3.5 Deposit

Wang deposit adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang akan dipegang untuk suatu jangka masa tertentu dan akan dibayar balik setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan ia tidak dituntut. Pada tahun 2003, baki deposit berkurang sejumlah RM8.46 juta menjadi RM69.10 juta berbanding RM77.56 juta pada tahun 2002. Antara sebab berlakunya pengurangan adalah seperti berikut:

- i) Akaun Penyelesaian Cek terbatal sejumlah RM1.01 juta telah dilaraskan kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan daripada Penyata Deposit.
- ii) Pelarasan pemindahan hasil sejumlah RM12.77 juta daripada Akaun Deposit Tanah kepada Akaun Hasil Cukai Tahun Pertama.

3.3.6 Akaun Kena Bayar

Akaun ini merupakan jumlah terhutang kepada pembekal barangan dan perkhidmatan dan kerja yang diperolehi oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun kewangan dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun kewangan berikutnya. Pada tahun 2003, jumlah Akaun Kena Bayar meningkat sejumlah RM5.33 juta menjadi RM67.09 juta berbanding RM61.76 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan perkara berikut:

- i)** Empat daripada 26 Jabatan yang meningkat perbelanjaan di bawah Akaun Kena Bayar berbanding tahun 2002 adalah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.14 juta, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan meningkat sebanyak RM4.58 juta, Jabatan Pengairan Dan Saliran meningkat sejumlah RM2.05 juta dan peningkatan bagi Jabatan Kerja Raya adalah sejumlah RM1.10 juta.
- ii)** Dua puluh lapan daripada 88 baucar yang disemak adalah baucar pembangunan bernilai RM8.16 juta merupakan bayaran projek untuk bulan Disember 2003.
- iii)** Tiga belas daripada 88 baucar yang disemak adalah baucar mengurus bernilai RM0.31 juta yang lewat dikemukakan untuk bayaran di antara tempoh bulan Ogos hingga November 2003.

3.4 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2003 meningkat sejumlah RM32.54 juta menjadi RM79.29 juta berbanding RM46.75 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini adalah disebabkan sejumlah RM100.86 juta pinjaman baru diterima pada tahun 2003 tetapi sejumlah RM68.32 juta telah dikeluarkan untuk pembiayaan Projek Bekalan Air dan Projek Perumahan Awam Kos Rendah.

3.4.1 Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri

Pada tahun 2003, baki pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM347.33 juta. Baki pinjaman meningkat sejumlah RM68.07 juta menjadi RM347.33 juta berbanding RM279.26 juta pada tahun 2002. Punca utama peningkatan baki pinjaman adalah disebabkan penerimaan pinjaman sejumlah RM102.86 juta bagi membiayai projek Rancangan Perumahan Awam dan Projek Bekalan Air Luar Bandar.

3.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi

Pada tahun 2003, baki pinjaman bertambah sejumlah RM75.26 juta menjadi RM221.33 juta berbanding sejumlah RM146.07 juta pada tahun 2002. Penambahan ini adalah merupakan pinjaman yang diberi dalam tahun 2003 berjumlah RM77.00 juta melalui pinjaman daripada Akaun Hasil sejumlah RM68.33 juta dan Kumpulan Wang Amanah sejumlah RM8.67 juta kepada 4 Agensi iaitu Majlis Perbandaran Manjung, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Majlis Daerah Kinta Selatan dan Lembaga Air Perak.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

3.5 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

Akaun ini menunjukkan baki pinjaman boleh dituntut daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri. Pada tahun 2003, Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM7.22 juta menjadi RM24.09 juta berbanding sejumlah RM16.87 juta pada tahun 2002. Peningkatan disebabkan bayaran balik pinjaman yang tidak dijelaskan mengikut jadual yang ditetapkan. Bayaran balik yang tidak mengikut jadual adalah bagi tempoh tahun 1999 sehingga tahun 2003. Agensi yang tidak menepati jadual yang ditetapkan dan baki pinjaman boleh dituntut sehingga tahun 2003 adalah Yayasan Perak dengan sejumlah RM3.98 juta, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak sejumlah RM15.95 juta, Majlis Daerah Perak Tengah sejumlah RM1.24 juta dan Pinjaman Sistem Saraan

Baru bagi 4 Majlis Daerah iaitu Majlis Daerah Gerik, Majlis Daerah Lenggong, Majlis Daerah Selama dan Majlis Daerah Tapah berjumlah RM0.30 juta.

3.6 PELABURAN

Lebih daripada Kumpulan Wang Disatukan akan dilaburkan bertujuan mendapat pulangan kepada Kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2003, pelaburan Kerajaan Negeri dalam Akaun Simpanan Tetap berjumlah RM649.57 juta dan pelaburan saham syarikat awam berjumlah RM41.55 juta. Jumlah Simpanan Tetap berkurangan sejumlah RM81.10 juta menjadi RM649.57 juta berbanding sejumlah RM730.67 juta bagi tahun 2002. Pada tahun 2003, pelaburan dalam simpanan tetap dinyatakan di bawah Wang Tunai Dalam Bank.

3.7 TUNGGAKAN HASIL

Pada akhir tahun 2003, tunggakan hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM8.95 juta menjadi RM158.45 juta berbanding sejumlah RM149.50 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh faktor kekurangan penyeliaan, pengawasan serta tenaga kerja untuk melaksanakan kutipan hasil dengan lebih cekap. Pejabat pemungut hasil perlu tegas dalam melaksanakan tindakan terhadap penghutang terlibat agar dapat mengurangkan tunggakan hasil tahunan. Analisis Audit terhadap laporan Tunggakan Hasil mendapati sejumlah RM117.03 juta adalah tunggakan cukai tanah bagi 16 Pejabat Tanah. Tunggakan cukai tanah meningkat sejumlah RM5.43 juta iaitu dari RM111.60 juta pada tahun 2002 menjadi RM117.03 juta pada tahun 2003. Kedudukan tunggakan hasil pada tahun 2002 dan 2003 adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Kedudukan Tunggakan Hasil
Bagi Tahun 2002 Dan 2003

Bil.	Jenis Hasil	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	111.60	117.03	5.43
2.	Ansuran Sewa Beli Rancangan Perumahan Awam	24.14	25.55	1.41
3.	Pelbagai Hasil Lain	13.76	15.87	2.11
Jumlah		149.50	158.45	8.95

Sumber: Laporan Tunggakan Hasil

3.8 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Baki hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2003 meningkat sejumlah RM71.41 juta menjadi RM325.39 juta berbanding RM253.98 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan ada sejumlah RM102.86 juta pinjaman yang diterima bagi 2 projek. Sejumlah RM11.23 juta bayaran balik pinjaman telah dilunaskan oleh agensi manakala satu pelarasan dibuat terhadap baki pinjaman bagi 2 pinjaman projek bekalan air yang diterima pada tahun 1995 dan 1997 berjumlah RM20.23 juta. Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2002 dan 2003 adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri
Pada Tahun 2002 Dan 2003

Bil.	Jenis Hutang	Hutang	
		2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)
1.	Rancangan Perumahan Awam	64.35	60.44
2.	Rancangan Pembangunan Perusahaan	13.86	11.66
3.	Rancangan Pembinaan Kedai Dan Lain-lain	44.35	41.33
4.	Projek Skim Pertapakan Dan Kemudahan	2.31	2.21
5.	Projek Air Luar Bandar	129.11	209.75
Jumlah		253.98	325.39

Sumber: Penyata Akaun Awam

4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (RMK8)

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) meliputi tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2001 dan akan berakhir pada tahun 2005. Bagi menjayakan RMK8, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM589.20 juta bagi menjalankan pelbagai projek pembangunan Negeri Perak. Setakat tahun 2003, sejumlah RM527.26 juta atau 89.5% telah dibelanjakan. Analisis menunjukkan empat perbelanjaan yang terbesar adalah untuk projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya berjumlah RM189.41 juta, projek pelbagai berjumlah RM86.38 juta di bawah penyelarasan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, projek perkhidmatan masyarakat dan luar bandar berjumlah RM69.43 juta yang dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Perak dan projek membina bangunan sekolah agama, masjid dan bangunan pejabat di bawah kawalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam berjumlah RM37.37 juta. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 8**.

Jadual 8
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK8

Bil.	Nama Kementerian/Jabatan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2003 (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
1.	Jabatan Kerja Raya	193.00	189.41	98.1
2.	Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar	75.70	69.43	91.7
3.	Pejabat Tanah Dan Galian	2.70	2.54	94.1
4.	Pejabat Pengairan Dan Saliran	36.10	33.76	93.5
5.	Jabatan Pertanian	25.74	24.78	96.3
6.	Bahagian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Awam	24.08	20.37	84.6
7.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	16.64	16.56	99.5
8.	Jabatan Perhutanan	17.94	17.19	95.8
9.	Pelbagai	112.74	86.38	76.6
10.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	43.66	37.37	85.6
11.	Wang Cadangan Tambahan	0.60	0.00	0.0
12.	Mahkamah Syariah	40.30	29.47	73.1
Jumlah		589.20	527.26	89.5

Sumber : Penyata Akaun Awam

Pada tahun 2003, sejumlah 460 projek telah dirancang di bawah RMK8 yang mana 238 projek telah dapat dilaksanakan manakala 222 projek lagi masih belum dimulakan. Antara sebab projek belum dimulakan adalah kerana masih dalam proses pengambilan tanah, penyediaan dan kelulusan reka bentuk pelan dan pelantikan juruperunding. Butiran terperinci mengenai status pelaksanaan RMK8 setakat akhir tahun 2003 adalah seperti **Jadual 9**.

Jadual 9

Status Pelaksanaan Projek RMK8 Setakat 31 Disember 2003

Bil.	Nama Kementerian/Jabatan	Bil. Projek	Status Pelaksanaan		
			Siap	Sedang Laksana	Belum Mula
1.	Jabatan Kerja Raya	385	138	31	216
2.	Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar	7	-	7	-
3.	Pejabat Tanah Dan Galian	1	1	-	-
4.	Pejabat Pengairan Dan Saliran	14	-	14	-
5.	Jabatan Pertanian	12	-	12	-
6.	Bahagian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Awam	4	-	4	-
7.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	14	-	14	-
8.	Jabatan Perhutanan	6	6	-	-
9.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	9	4	2	3
10.	Mahkamah Syariah	8	3	2	3
Jumlah		460	152	86	222

Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Negeri

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah stabil. Baki Akaun Hasil Yang Disatukan pada 31 Disember 2003 berjumlah RM595.21 juta. Selain itu, kedudukan aset mengikut Penyata Akaun Memorandum adalah melebihi tanggungan yang menunjukkan bebanan hutang Kerajaan Negeri adalah terkawal. Bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri perlu mengekalkan perbelanjaan berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat.

BAHAGIAN II PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

6. PENDAHULUAN

Prestasi pengurusan kewangan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta Jabatan Negeri adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal terutama dalam menentukan wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangannya. Bagi menilai sejauh mana akauntabiliti awam dilaksanakan oleh Pegawai Pengawal, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan. Tujuannya adalah untuk menentukan sama ada pungutan hasil, perbelanjaan, pinjaman, akaun amanah dan pengurusan aset diurus mengikut peraturan kewangan dan semua rekod diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Pejabat Kewangan Dan Bendahari Negeri dan 7 Jabatan Negeri. Jabatan Negeri yang terlibat terdiri daripada Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri, Jabatan Mufti Negeri, Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar, Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian.

Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara memperkenalkan Program Anak Angkat sebagai langkah yang lebih sistematik untuk membantu Jabatan/Agensi memantapkan pengurusan kewangan dengan cara memberi bimbingan dan nasihat bagi memperbaiki segala kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan. Sebagai permulaan, pada tahun 2003 sebanyak 4 pejabat telah dijadikan anak angkat iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Ipoh, Jabatan Kehakiman Syariah Perak, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dan Majlis Daerah Tapah.

Selain daripada Program Anak Angkat, Jabatan Audit Negara juga melaksanakan Program *Audit Presence*. Tujuan Program *Audit Presence* ini

secara umumnya adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan di samping mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Jabatan terhadap pentingnya mengurus kewangan dan harta benda dengan cermat dan berhemat. Melalui program ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemeriksaan terhadap Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan dan Program Anak Angkat pada tahun ini. Pada tahun 2003, sebanyak 10 Jabatan yang mengandungi 28 Pejabat telah dipilih iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Agama, Jabatan Kehakiman Syariah, Pejabat Daerah, Pejabat Tanah serta Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri.

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI

7. LATAR BELAKANG

Pejabat Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kewangan Kerajaan Negeri Perak mengikut peraturan dan prinsip kewangan yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Tanggungjawab tersebut meliputi penyediaan belanjawan, kawalan hasil, perbelanjaan, wang amanah serta mengurus pelaburan dan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Di samping berperanan merancang dan mengawal perbelanjaan Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Bendahari Negeri, Perbendaharaan Negeri juga bertanggungjawab untuk menentukan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dan rekod kewangan semua Jabatan diselenggara dengan teratur dan mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan.

Struktur organisasi Perbendaharaan Negeri dibahagikan kepada 2 pejabat iaitu Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Bendahari Negeri yang mengandungi 86 perjawatan yang diluluskan. Perjawatan adalah terdiri daripada satu jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, enam jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 79 jawatan Kumpulan Sokongan. Sejumlah 82 daripada 86 perjawatan telah diisi manakala 4 jawatan masih kosong.

Pegawai Kewangan Negeri menjadi pengerusi kepada 30 jawatankuasa. Daripada 30 jawatankuasa itu, hanya 2 jawatankuasa yang melibatkan kewangan iaitu Jawatankuasa Kerja Kepada Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri peringkat negeri.

Pada awal tahun 2003, Perbendaharaan Negeri masih menggunakan Sistem Perakaunan Negeri Perak bagi mengurus hal ehwal kewangannya. Bagaimanapun pada pertengahan bulan Februari tahun 2003, sistem ini telah diganti dengan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri secara berperingkat bagi mengurus kewangannya. Mulai bulan Februari tahun 2003 semua transaksi urus niaga Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 menggunakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri. Sistem ini antara

lain bertujuan melicinkan dan meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan kewangan serta menyediakan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik.

8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada kawalan dalaman yang berkesan diwujudkan, peraturan kewangan dipatuhi, penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini serta menilai sejauh mana Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Bendahari Negeri melaksanakan tanggungjawabnya sebagai agensi pengawal kewangan. Skop pemeriksaan Audit adalah meliputi pemeriksaan rekod kewangan secara pensampelan terhadap baucar bayaran, baucar jurnal, akaun tunai bulanan dan penyata penyesuaian bank bagi tahun 2003. Pengauditan dijalankan di Pejabat Kewangan Dan Bendahari Negeri. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga diadakan.

9. PENEMUAN AUDIT

9.1 KAWALAN BAJET

Mengikut Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2002, cadangan perbelanjaan bagi tahun 2003 hendaklah disedia berpandukan kepada garis panduan dalam pekeliling ini. Cadangan anggaran bajet ini hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri pada atau sebelum akhir bulan April 2002. Berdasarkan kepada cadangan bajet tahun 2003 Anggaran Hasil dijangka dipungut berjumlah RM461.76 juta, Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM461.48 juta dan Perbelanjaan Pembangunan sejumlah RM198 juta. Belanjawan Asal Negeri Perak bagi tahun 2003 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan November tahun 2002 dan Waran Perbelanjaan telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada akhir bulan Disember tahun 2002. Bagaimanapun pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah meluluskan 4 Waran Khas berjumlah RM13.37 juta di bawah maksud Perbelanjaan Tanggungan iaitu Peruntukan Diraja, Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran ADUN, Tuan Speaker dan maksud Perbelanjaan Bekalan iaitu Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi

menampung perbelanjaan tambahan pada tahun 2003. Anggaran Tambahan ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri mengalami Belanjawan Defisit sejumlah RM12.84 juta pada tahun 2003.

Pada pendapat Audit, Bajet 2003 telah dirangka selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk berbelanja mengikut kemampuan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi Negeri yang dijangka bertambah baik.

9.2 KAWALAN HASIL

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan hasil sejumlah RM461.76 juta manakala kutipan hasil sebenar berjumlah RM454.62 juta. Pencapaian kutipan hasil ini merupakan 98.4 % daripada jumlah anggaran hasil yang telah disasarkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Sumber utama hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada cukai tanah, premium tanah dan hasil perhutanan. Perakaunan hasil yang cekap akan memastikan hasil dapat dikutip tepat pada masanya. Pengeluaran resit, penyelenggaraan dan serahan Buku Tunai, serahan wang tunai ke bank, pengesahan dan penyesuaian laporan bulanan serta pemeriksaan harian oleh pegawai yang bertanggungjawab adalah antara kawalan dalaman yang penting dalam perakaunan hasil. Semakan Audit terhadap perakaunan hasil mendapati perkara berikut:

9.2.1 Penyerahan Kira-kira Tunai

Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Kira-kira Tunai yang sempurna ke Pejabat Bendahari Negeri dalam tempoh 15 hari selepas akaun ditutup seperti yang dinyatakan dalam Arahan Bendahari Negeri Perak Bil. 2 Tahun 1994. Bagaimanapun, peraturan ini masih tidak dipatuhi sepenuhnya oleh kebanyakan pemungut hasil walaupun perkara ini telah berulang kali dilaporkan. Pada tahun 2003, hanya 52 daripada 161 pemungut hasil mengemukakan semua Kira-kira Tunai dalam tempoh 15 hari selepas akaun ditutup manakala 109 yang lain tidak mematuhi peraturan tersebut. Jabatan yang ketara lewat mengemukakan Kira-kira Tunai ialah Pejabat Tanah Taiping. Sebanyak 7 daripada

12 Kira-kira Tunai yang lewat dikemukakan adalah antara tempoh 8 hingga 59 hari. Pejabat Bendahari Negeri telahpun mengambil tindakan seperti menghantar surat peringatan kepada semua pemungut yang tidak mengemukakan Kira-kira Tunai. Selain itu, Pejabat Bendahari Negeri telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut di 4 daerah melibatkan 10 pejabat. Bagaimanapun, tindakan yang diambil masih kurang berkesan.

9.2.2 Penyata Pemungut Dan Resit Perbendaharaan

Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memastikan semua penyata pemungut dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan kerana penyata pemungut adalah dokumen yang disediakan oleh pemungut hasil bagi merekod kutipan hasil yang dibankkan. Satu salinan penyata pemungut yang telah diakui terima akan dikemukakan oleh pihak bank ke Perbendaharaan Negeri pada setiap minggu dan resit rasmi akan dikeluarkan kepada Jabatan Pemungut Hasil dalam tempoh 10 hari oleh Perbendaharaan Negeri. Pengauditan telah dijalankan terhadap 504 sampel penyata pemungut bernilai RM239.54 juta bagi bulan Januari hingga Disember 2003. Sebanyak 175 daripada 504 penyata pemungut dikemukakan mengikut tempoh manakala sejumlah 329 lewat dikemukakan oleh Bank antara tempoh 8 hingga 20 hari selepas pungutan dibankkan. Bagaimanapun, tempoh kelewatan mengemukakan 26 penyata pemungut telah dapat dikurangkan antara tempoh 8 hingga 15 hari ekoran daripada pemantauan dan perbincangan yang sering diadakan dengan pihak bank. Analisis Audit terhadap 504 sampel tersebut mendapati semua resit Perbendaharaan telah dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

9.2.3 Penyerahan Kutipan Hasil Ke Bank

Mengikut Arahan Perbendaharaan 78(a), semua pungutan wang tunai melebihi RM500 atau melebihi RM2,000 jika termasuk cek dan lain-lain hendaklah dibankkan pada hari kutipan dibuat. Jika

pungutan lewat diterima, kutipan ini hendaklah dibankkan pada hari kerja berikutnya. Bagi pungutan hasil menerusi cek, ia hendaklah dibankkan tidak lewat dari seminggu selepas diterima. Semakan Audit mendapati 18 daripada 504 penyata pemungut yang melibatkan 3 pejabat menunjukkan kemasukan wang ke bank lewat dilakukan antara tempoh 8 hingga 61 hari. Pejabat tersebut ialah Pejabat Tanah Seri Iskandar, Pejabat Haiwan Kuala Kangsar dan Pejabat Pendaftar Hakmilik Ipoh.

9.2.4 Laporan Hasil Bulanan Dan Penyata Penyesuaian Hasil

Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 1994 menghendaki setiap pemungut hasil mengemas kini rekod hasil serta menyesuaikan dengan laporan hasil bulanan Perbendaharaan Negeri. Sijil pengesahan hendaklah dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 2 minggu dari tarikh laporan hasil bulanan diterima. Sekiranya ada perbezaan, penyata penyesuaian hendaklah disediakan. Pada tahun 2003, sejumlah 1,916 laporan hasil bulanan dihantar oleh Perbendaharaan Negeri kepada 155 pemungut hasil. Daripada jumlah tersebut hanya 583 penyata pengesahan diterima dalam tempoh yang ditetapkan manakala 1,285 lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan antara tempoh 8 hingga 408 hari. Sementara itu, pengesahan terhadap 48 laporan hasil bagi 6 pemungut hasil masih belum diterima. Jabatan yang tidak mengemukakan penyata pengesahan bagi keseluruhan tahun 2003 ialah Pejabat Tadbir Agama Taiping. Di peringkat Perbendaharaan Negeri, berlaku kelewatan dalam penghantaran Laporan Urusniaga Akaun Hasil ke Pejabat Pemungut Hasil. Laporan Urusniaga Hasil bagi bulan Ogos tahun 2003 hanya dihantar pada bulan Januari tahun 2004.

9.2.5 Penyata Penyesuaian Bank

Arahan Perbendaharaan 146 menghendaki Penyata Penyesuaian Bank disedia pada akhir setiap bulan bagi mengenal pasti urusan yang belum diambil kira sama ada oleh Perbendaharaan Negeri atau pihak Bank. Penyata penyesuaian ini perlu

dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh 2 minggu selepas berakhir sesuatu bulan. Walaupun begitu, kemajuan penyerahan Penyata Penyesuaian Bank bagi tahun 2003 adalah merosot berbanding tahun 2002. Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan bagi bulan Januari hingga Disember 2003 diterima dalam tempoh bulan Mac 2003 hingga September 2004. Kelewatan ini berpunca daripada masalah yang timbul semasa peralihan kepada Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS).

9.2.6 Wang Tunai Dalam Perjalanan

Sejumlah RM8.48 juta adalah Wang Tunai Dalam Perjalanan yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam Buku Tunai berjumlah RM7.71 juta dan Wang Tunai Belum Dibankkan berjumlah RM0.77 juta. Sejumlah RM0.27 juta tidak disokong dengan resit Perbendaharaan Negeri kerana Penyata Pemungut yang berkaitan tidak dapat dikesan untuk dikemukakan kepada pihak Audit.

9.2.7 Cek Tidak Laku

Cek Tidak Laku merupakan cek terimaan yang dikembalikan oleh bank atas sebab tertentu seperti akaun bank pembayar telah di tutup, baki akaun bank pembayar tidak mencukupi, tandatangan berbeza dengan contoh tandatangan di Bank, amaun dalam angka dan perkataan berbeza dan sebagainya. Tindakan untuk melaraskan semula hasil yang berkaitan dan mendapatkan cek gantian hendaklah dilakukan oleh pemungut yang berkenaan supaya hasil dapat diakaunkan dengan tepat. Pada tahun 2003, Perbendaharaan Negeri telah menerima sejumlah 153 keping cek bernilai RM1.47 juta yang telah dikembalikan oleh bank. Sebanyak 115 daripada 153 keping cek yang bernilai RM1.36 juta belum diganti oleh 18 Jabatan yang terlibat. Pejabat Tanah Slim River menerima 3 keping cek yang bernilai RM1.12 juta yang belum diganti sehingga akhir tahun 2003. Semakan Audit terhadap Daftar

Cek Tidak Laku yang diselenggarakan mendapati Daftar tersebut adalah teratur dan kemas kini. Jumlah baki Cek Tidak Laku di Daftar adalah sama dengan baki akaun.

9.2.8 Kawalan Di peringkat Pemungut Hasil

Bendahari Negeri bertanggungjawab mengawal dan memantau Pemungut Hasil di peringkat Negeri. Antara pemantauan dan kawalan terhadap Pemungut Hasil adalah melalui semakan Kira-kira Tunai yang dikemukakan kepada Bendahari Negeri. Sekiranya ada kelemahan mengakaunkan kutipan hasil ia akan dibangkitkan dengan Pejabat Pemungut Hasil yang terlibat. Sepanjang tahun 2003, Bendahari Negeri telah menjalankan pemeriksaan terhadap 10 buah Pejabat Pemungut Hasil. Berikut adalah kelemahan yang dibangkitkan hasil daripada pemeriksaan yang telah dijalankan:

- i) Pemeriksaan Mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh 6 bulan.
- ii) Kelewatan menyerahkan Kira-kira Tunai kepada Pejabat Bendahari Negeri.
- iii) Semakan harian terhadap buku tunai tidak dibuat oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan.
- iv) Semakan tidak dilakukan terhadap penyata pemungut dengan amaun yang dibankkan di buku tunai.

9.2.9 Tindakan Susulan Terhadap Pemungut Hasil

Bendahari Negeri hendaklah mengambil tindakan susulan terhadap kelemahan Pemungut Hasil seperti mengadakan latihan dan Pemeriksaan Naziran. Jabatan Audit Negara mendapati Bendahari Negeri telah menganjurkan beberapa kursus termasuk Kursus Pengurusan Kewangan Dan Akaun bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran dalam pengurusan kewangan.

9.2.10 Aspek Perundangan

Semua kutipan hasil menepati kadar yang telah ditetapkan oleh peraturan. Hasil utama Kerajaan Negeri ialah kutipan hasil tanah dan diikuti oleh kutipan hasil perhutanan. Dari segi perundangan, penilaian semula kadar hasil tanah telah dilaksanakan pada tahun 1994 manakala kadar kutipan hasil perhutanan dinilai semula kali terakhir pada tahun 1998.

9.2.11 Tunggakan Hasil

Mengikut Arahan Perbendaharaan 89(a) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2003, semua pemungut hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil tahun 2003 pada atau sebelum pertengahan bulan Februari tahun berikutnya. Sebanyak 48 Penyata Tunggakan Hasil telah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan manakala sehingga bulan April 2004, seramai 107 pemungut hasil lewat mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil antara tempoh 8 hingga 73 hari. Tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada akhir bulan Disember 2003 adalah berjumlah RM158.45 juta. Tunggakan hasil tanah merupakan komponen tunggakan hasil terbesar iaitu berjumlah RM117.03 juta. Kedudukan tunggakan hasil telah meningkat sejumlah RM8.95 juta berbanding tahun 2002. Dalam usaha mengurangkan tunggakan hasil ini, Pejabat Tanah telah mengambil tindakan mengirim surat peringatan dan diikuti dengan notis rampasan kepada pemilik tanah. Mesyuarat Pengurusan yang ditubuhkan di Pejabat Kewangan Negeri turut berperanan menjalankan pemantauan terhadap tunggakan hasil. Pada tahun 2003, tunggakan hasil yang melebihi tempoh 3 tahun adalah berjumlah RM107.05 juta. Satu permohonan bagi tujuan pelarasan tunggakan hasil berjumlah RM2.21 juta telah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri untuk kelulusan pada tahun 2003. Pelarasan ini adalah bagi melaraskan jumlah kutipan bulanan sewa beli rumah yang telah dikeluarkan notis tetapi diambil kira sebagai tunggakan.

Pihak Audit berpendapat penyelenggaraan, penyemakan rekod kewangan yang diterima daripada pemungut hasil adalah kurang memuaskan. Bagi mengatasi kelemahan ini, Pejabat Perbendaharaan Negeri perlu meningkatkan semakan dan memastikan semua garis panduan dipatuhi. Penyeliaan terhadap penyelenggaraan rekod kewangan di peringkat Pemungut Hasil juga perlu dipertingkatkan.

9.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus yang diluluskan bagi tahun 2003 berjumlah RM474.61 juta manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM198 juta. Perbelanjaan terhadap wang awam hendaklah berasaskan peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dengan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Seksyen 13 Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan. Pegawai Kewangan Negeri hendaklah menentukan Pegawai Pengawal berbelanja dengan teratur dan berhemat mengikut maksud yang diluluskan.

9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada 5 komponen utama iaitu Emolumen, Aset, Perkhidmatan Dan Bekalan, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab mengawal peruntukan dan perbelanjaan mereka. Bagi permohonan tambahan peruntukan dan pindah peruntukan Pegawai Pengawal akan mengemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri beserta justifikasi untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri. Mengikut Arahan Perbendaharaan 51 dan Akta Acara Kewangan 1957, Pindah Peruntukan boleh dibuat di bawah mana-mana butiran perbelanjaan dengan syarat ia tidak melebihi amaun yang diperuntukkan bagi sesuatu tahun kewangan. Pada tahun 2003, perbelanjaan mengurus telah meningkat sejumlah RM14.57 juta menjadi RM454.51 juta berbanding RM439.94 juta pada tahun 2002. Kesemua butiran perbelanjaan kecuali Perbelanjaan Lain telah mengalami

peningkatan. Pada tahun 2003, sejumlah 541 Pindah Peruntukan bernilai RM11.84 juta telah diluluskan, manakala 4 Anggaran Tambahan bernilai RM13.37 juta juga diluluskan. Secara keseluruhannya kawalan perbelanjaan mengurus adalah memuaskan kecuali pindah peruntukan. Mengikut Arahan Perbendaharaan 51 dan Akta Acara Kewangan 1957, pindah peruntukan boleh dibuat terhadap butiran perbelanjaan dengan syarat ia tidak melebihi jumlah yang diperuntukkan bagi sesuatu tahun kewangan. Pada tahun 2003, sejumlah 541 pindah peruntukan bernilai RM11.84 juta telah diluluskan. Daripada bilangan tersebut, sejumlah 69 pindah peruntukan bernilai RM1.43 juta telah diluluskan pada tahun 2004. Keadaan ini menunjukkan kawalan perbelanjaan tidak dibuat dengan teliti. Selain itu, pindah peruntukan bernilai RM0.70 juta dipohon oleh 15 Jabatan adalah didapati tidak diperlukan kerana peruntukan asal berjumlah RM51.48 juta mencukupi bagi menampung perbelanjaan sebenar yang berjumlah RM50.22 juta.

9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan

Pada tahun 2003 Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM198 juta iaitu meningkat sejumlah RM0.30 juta berbanding peruntukan tahun 2002 berjumlah RM197.70 juta. Daripada peruntukan tersebut sejumlah RM189.11 juta atau 95.5% telah dibelanjakan. Perbelanjaan ini telah meningkat berjumlah RM12.19 juta menjadi RM189.11 juta berbanding RM176.92 juta perbelanjaan tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan projek pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri telah dapat dilaksanakan. Antara perbelanjaan terbesar adalah untuk membiayai projek jalan raya berjumlah RM65.00 juta, pelbagai kerja dan perkhidmatan luar bandar berjumlah RM23.43 juta yang dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Perak, projek pelbagai berjumlah RM33.13 juta yang dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dan membina bangunan kompleks Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Perak dan Mahkamah Rendah Syariah berjumlah RM15.17 juta di

bawah kawalan Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Perak. Sebanyak 25 pindah peruntukan bernilai RM30.59 juta telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi tahun 2003. Adalah didapati pindah peruntukan telah dibelanjakan dan tiada perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan.

9.3.3 Kawalan Pembayaran

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan bahawa setiap pembayaran yang dibuat mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakunkan dengan betul.

i) Proses Pembayaran

Tanggungjawab utama Perbendaharaan Negeri adalah sebagai Pusat Pembayar bagi Jabatan Negeri. Pemprosesan baucar bermula dengan penerimaan baucar bayaran yang akan dicop tarikh terima, didaftarkan dalam Daftar Baucar serta diberi nombor siri berturutan. Baucar bayaran ini akan diagihkan ke Bahagian Semakan. Baucar bayaran bernilai kurang RM10,000 akan diluluskan oleh Ketua Pembantu Tadbir manakala yang melebihi RM10,000 akan diluluskan oleh Bendahari Negeri. Setelah baucar bayaran diluluskan untuk bayaran ia akan diserahkan ke Bahagian Pemprosesan Data untuk kemasukan data dan seterusnya pengeluaran cek untuk pembayaran. Semakan Audit mendapati proses pembayaran adalah teratur.

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Sistem Perakauan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) secara berperingkat yang mengandungi 11 modul aplikasi. Modul pertama iaitu Lejar Am telah dilaksanakan mulai bulan Februari 2003, Buku Vot pada bulan Jun 2003 dan Gaji pada bulan Oktober 2003. Selaras dengan pelaksanaan sistem tersebut, semua pembayaran tidak lagi dibuat secara manual kecuali baucar bayaran bagi perbelanjaan amanah dan pembangunan. Melalui sistem ini Pegawai Pengawal adalah

bertanggungjawab sepenuhnya bagi setiap pembayaran yang dilakukan oleh jabatannya. Pihak Bendahari Negeri hanya mengeluarkan cek bagi setiap baucar bayaran yang telah diluluskan secara *on line* di peringkat Pusat Tanggungjawab. Salinan baucar bayaran tidak lagi diserahkan kepada Bendahari Negeri untuk semakan sebaliknya ia disimpan di peringkat Pusat Tanggungjawab sebagai rujukan.

ii) Penyata Penyesuaian Bank

Semua pembayaran yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri sama ada melalui cek atau pemindahan telegraf / bank draf akan dibayar dari Akaun Bayaran yang dibiayai melalui pindahan dari Akaun Terimaan. Baki Akaun Bank Bayaran pada 31 Disember 2003 seperti di penyata bank berjumlah RM131.54 juta. Arahan Perbendaharaan 146 menghendaki Penyata Penyesuaian Bank disediakan pada akhir setiap bulan bagi mengenal pasti urusan yang belum diambil kira sama ada oleh Perbendaharaan atau pihak bank. Penyata Penyesuaian ini perlu dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh 2 minggu selepas berakhir sesuatu bulan. Walaupun begitu, kemajuan penyerahan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan tahun 2003 merosot berbanding tahun 2002. Penyata Penyesuaian Bank Akaun Terimaan bagi tempoh bulan Januari 2003 hingga bulan Disember 2003 hanya diterima dalam tempoh bulan Disember 2003 hingga bulan Ogos 2004.

iii) Laporan Perbelanjaan Bulanan Dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987 dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Perak Bil. 2 Tahun 1994, setiap Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal bertanggungjawab menyelenggara Buku Vot dan mengesahkannya setiap hujung bulan dengan Laporan Perbelanjaan Bulanan Bendahari Negeri. Sijil Pengesahan dan Penyata Penyesuaian perlu

disediakan mengikut format yang ditetapkan dan dikemukakan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Perbelanjaan Bulanan diterima. Bagi tahun 2003 Perbendaharaan Negeri telah melaksanakan Sistem SPEKS. Sistem ini telah beroperasi sepenuhnya untuk Buku Vot mulai bulan Jun 2003. Oleh itu, pemeriksaan Audit terhadap Penyata Penyesuaian secara manual hanya meliputi tempoh bulan Januari hingga bulan Mei 2003 sahaja. Semakan Audit terhadap 10 daripada 88 Jabatan yang dipilih mendapati 12 Laporan Perbelanjaan telah diterima mengikut tempoh manakala bakinya sebanyak 38 laporan lewat dikemukakan antara 7 hingga 133 hari.

iv) Kawalan Stok Cek

Secara keseluruhan kawalan terhadap stok cek adalah memuaskan. Semua cek yang diterima dari bank telah direkod dan dikawal oleh pegawai penyelia. Stok cek yang belum digunakan disimpan dalam bilik kebal selaras dengan Arahan Perbendaharaan 116. Pegawai yang mengambil stok cek akan menurunkan tandatangan di Daftar Stok Cek mengikut bilangan cek berdasarkan keperluan semasa.

v) Kawalan Cek Terbatal

Mengikut Arahan Perbendaharaan 118, setiap cek yang tidak ditunaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan adalah terbatal dan hendaklah diselaraskan kepada Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Berdasarkan Penyata Akaun Awam pada 31 Disember 2003, cek terbatal yang telah diselaraskan kepada akaun ini berjumlah RM0.81 juta iaitu nilai cek yang belum ditunaikan bagi tempoh tahun 1998 hingga Oktober 2002.

vi) Pembayaran Dengan Kelulusan Khas

Mengikut Arahan Perbendaharaan 58(a), Bendahari Negeri boleh membayar baucar bayaran yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Pembayaran bagi baucar bayaran tersebut boleh

dibuat sekiranya Jabatan masih mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan tersebut kena dibayar. Pada tahun 2003, sejumlah 182 baucar bernilai RM292,011 bagi bil dan invoice tahun 2002 dan sebelumnya telah dibayar di bawah peraturan ini. Pemeriksaan Audit terhadap 54 baucar bayaran bernilai RM51,655 yang disemak mendapati 30 daripada baucar tersebut dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) kerana peruntukan tidak mencukupi. Permohonan Pindah Peruntukan bagi menampung pembayaran baucar bayaran tersebut lewat dikemukakan iaitu pada akhir bulan Disember 2003.

vii) Pembayaran Secara Tunai

Mengikut Arahan Perbendaharaan 96(a), Ketua Jabatan boleh membuat bayaran tunai dengan menggunakan baucar yang disertakan senarai nama penerima. Bayaran ini hendaklah segera diperakukan oleh penerima. Apabila bayaran tidak boleh diagihkan, baucar bersama wang tunai yang tidak dapat diagihkan dalam tempoh 21 hari hendaklah segera dikembalikan kepada Bendahari Negeri. Pada tahun 2003, sejumlah 990 baucar bayaran di bawah peraturan ini bernilai RM7.43 juta telah dikeluarkan kepada 16 Jabatan. Semakan Audit terhadap Daftar Baucar yang diselenggarakan bagi bulan Mac, Ogos dan Oktober tahun 2003 mendapati sejumlah 100 baucar bernilai RM899,828 dikembalikan dalam tempoh yang ditetapkan manakala sejumlah 90 baucar bayaran bernilai RM1.12 juta lewat dikembalikan antara 7 hingga 89 hari. Jabatan yang terlibat dalam kes baucar bayaran lewat dikembalikan ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Gerik, Hilir Perak, Kerian, Kinta dan Manjung.

viii) Akaun Kena Bayar

Mengikut Arahan Perbendaharaan 56(a), bayaran bagi bekalan dan perkhidmatan yang disempurnakan pada hujung bulan Disember boleh dibayar pada bulan Januari tahun kewangan berikutnya dan diambil kira dalam Akaun Kena Bayar. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2003,

berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri , penyerahan baucar yang dijelaskan di bawah Akaun Kena Bayar dibuat dalam dua kaedah iaitu secara *on-line* dan *manual*. Penghantaran data secara *on-line* oleh Pusat Tanggungjawab kepada Bendahari Negeri perlu dibuat dalam tempoh 2 hingga 11 Januari 2004 manakala bagi penghantaran secara *manual* baucar perlu dikemukakan oleh Pusat Tanggungjawab kepada Bendahari Negeri antara tempoh 2 hingga 12 Januari 2004. Baki Akaun Kena Bayar pada 31 Disember 2003 berjumlah RM67.09 juta berbanding RM61.76 juta pada tahun 2002. Semakan Audit terhadap 88 baucar bernilai RM8.89 juta yang dibayar di bawah Akaun Kena Bayar mendapati bayaran tersebut adalah perbelanjaan bagi tempoh bulan Ogos hingga November 2003. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- a) Empat daripada 26 Jabatan yang meningkat perbelanjaan di bawah Akaun Kena Bayar berbanding tahun 2002 adalah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan yang menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.14 juta, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan meningkat sejumlah RM4.58 juta, Jabatan Pengairan dan Saliran meningkat sejumlah RM2.05 juta dan peningkatan bagi Jabatan Kerja Raya adalah berjumlah RM1.10 juta.
- b) Dua puluh lapan daripada 88 baucar yang disemak adalah baucar pembangunan bernilai RM8.16 juta merupakan bayaran projek bagi bulan Disember 2003.
- c) Tiga belas daripada 88 baucar yang disemak adalah baucar mengurus bernilai RM0.31 juta yang lewat dikemukakan untuk bayaran antara tempoh bulan Ogos hingga November 2003.

Secara keseluruhan kawalan perbelanjaan oleh Perbendaharaan Negeri masih kurang memuaskan dan perlu diperbaiki. Jabatan Audit

Negara berpendapat tahap pematuhan kepada peraturan kewangan perlu dipertingkatkan dan penyelenggaraan rekod kewangan hendaklah sentiasa kemas kini.

9.4 PENGURUSAN PINJAMAN

Mengikut perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dibenarkan membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dengan kelulusan Dewan Undangan Negeri. Tujuan Kerajaan Negeri membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan adalah untuk membiayai pelbagai Projek Pembangunan Negeri atau disalurkan semula kepada Agensi bagi tujuan yang sama. Pinjaman yang dikeluarkan telah digunakan mengikut maksud asal pinjaman.

9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan

Pada akhir bulan Disember 2003, baki pinjaman Kerajaan Negeri yang perlu dibayar kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM347.33 juta. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM15 juta untuk bayaran balik anuiti tahun 2003. Sejumlah RM14.56 juta atau 97.1 % dibelanjakan untuk tujuan ini. Bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan telah dibuat mengikut jadual yang ditetapkan kecuali bagi Projek Bekalan Air Seri Iskandar, peringkat II dengan kos pinjaman sejumlah RM3 juta yang ditandatangani pada bulan November 2001 masih belum disediakan jadual bayaran balik walaupun tempoh pertanggunghan 2 tahun telah tamat. Satu Projek Perancangan Pembangunan Perusahaan untuk *Second Compensatory Forestry* Sektor Projek bernilai RM1.93 juta akan matang pada pertengahan bulan April 2004. Daftar Pinjaman, Surat Perjanjian dan Daftar Bayaran Balik telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

9.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi

Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada 21 Agensi berjumlah RM221.33 juta. Pengauditan terhadap pengurusan pinjaman Kerajaan Negeri kepada Agensi mendapati

dokumen perjanjian ditandatangani dan difailkan dengan teratur. Pada tahun 2003, sejumlah RM77 juta telah dikeluarkan kepada 4 Agensi untuk membiayai 12 pinjaman. Semakan Audit mendapati pembayaran balik anuiti adalah tidak mengikut jadual pembayaran balik pinjaman seperti dalam perjanjian. Sebanyak 19 Agensi yang mendapat 10 pinjaman tidak membuat bayaran balik bagi menjelaskan tunggakan bagi tempoh tahun 1999 sehingga 2002 yang berjumlah RM16.23 juta dan tunggakan tahun 2003 yang berjumlah RM5.25 juta. Oleh itu, tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2003 adalah berjumlah RM21.48 juta. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat peringatan untuk mendapat balik pinjaman yang tertunggak.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod dan pengurusan pinjaman seperti surat perjanjian dan fail pinjaman adalah lengkap dan kemas kini. Bagi pinjaman yang tertunggak, Kerajaan Negeri perlu memantau dan mengambil tindakan tegas untuk mengutip tunggakan tersebut.

9.5 PENGURUSAN PELABURAN

Mengikut Seksyen 8, Akta Acara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur lebih daripada Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan dalam bank yang dibenarkan. Pelaburan yang dibuat bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan. Pada tahun 2003, pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM691.12 juta yang terdiri daripada simpanan tetap bernilai RM649.57 juta dan saham bernilai RM41.55 juta.

9.5.1 Simpanan Tetap

Pada tahun 2003, simpanan tetap Kerajaan Negeri di 102 cawangan bank perdagangan dan institusi kewangan adalah berkurangan sejumlah RM81 juta menjadi RM649.57 juta berbanding tahun 2002 berjumlah RM730.57 juta. Semakan Audit mendapati Daftar Simpanan Tetap diselenggara dengan kemas

kini dan sijil simpanan tetap disimpan dengan selamat. Pembaharuan simpanan tetap dilakukan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada tahun 2003, sejumlah RM18 juta telah dilabur dalam simpanan tetap dan sejumlah RM99 juta telah dikeluarkan selepas tempoh matang. Pengeluaran ini bertujuan menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2003, faedah yang diperolehi daripada pelaburan ini adalah berjumlah RM23.07 juta berbanding tahun 2002 berjumlah RM24.24 juta dan telah diakaunkan dengan tepat. Sementara itu, sijil pelaburan telah didaftarkan atas nama Perbendaharaan Negeri kecuali simpanan tetap bernilai RM100,000 adalah atas nama pemegang amanah Lembaga Penanam-penanam Padi.

9.5.2 Saham

Pelaburan saham Kerajaan Negeri di 4 syarikat berjumlah RM41.55 juta tidak berubah semenjak tahun 1999. Rekod berkaitan saham dan penerimaan dividen berjumlah RM2.10 juta telah diselenggara dengan memuaskan dan tiada urusan niaga dilakukan pada tahun 2003.

Pengurusan pelaburan Kerajaan Negeri dalam simpanan tetap pada tahun 2003 adalah memuaskan. Tiada penambahan pelaburan saham dibuat pada tahun 2003. Pengurusan rekod pelaburan telah dilaksanakan dengan teratur.

9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah ditubuhkan bagi mengakaunkan wang amanah yang diterima dan dibelanjakan sesuai dengan maksud penubuhannya. Sementara deposit pula merupakan wang yang diterima oleh sesuatu Jabatan bagi sesuatu maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Penubuhannya adalah mengikut Seksyen 9 dan 10 Akta Acara Kewangan 1957. Pada tahun 2003, baki 37 Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM130.22 juta manakala baki Akaun

Deposit bagi 102 akaun berjumlah RM69.10 juta. Perbendaharaan Negeri menguruskan 15 Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM58.30 juta dan 3 Akaun Deposit berjumlah RM0.65 juta. Semakan Audit terhadap pengurusan Kumpulan Wang Amanah yang diuruskan oleh Perbendaharaan mendapati perkara seperti berikut:

9.6.1 Penyelenggaraan Rekod Amanah

Secara keseluruhan penyelenggaraan rekod Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah seperti kad lejar individu, lejar am, daftar permohonan pinjaman, pendahuluan dan sebagainya telah diselenggara dengan kemas kini. Semakan Audit mendapati semua akaun amanah tersebut mempunyai Arahan Amanahnya dan penyelenggaraan rekod adalah kemas kini serta teratur.

9.6.2 Pengurusan Akaun Deposit

Pengurusan deposit di peringkat Perbendaharaan Negeri adalah penting bagi memastikan Akaun Deposit di Jabatan Negeri diurus dengan baik dan sempurna. Arahan Perbendaharaan 159 menetapkan Pegawai Pengawal menghantar Senarai Baki Individu pada akhir bulan Disember setiap tahun kepada Perbendaharaan Negeri dan wakil Ketua Audit Negara seperti yang dikehendaki. Baki pada 31 Disember 2003 bagi 102 akaun deposit adalah berjumlah RM69.10 juta. Kesemua 102 akaun deposit telah dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Perbezaan baki antara Baki Senarai Individu dengan baki di rekod Perbendaharaan Negeri perlu disokong dengan Penyata Penyesuaian. Bagaimanapun 73 daripada 102 Penyata Penyesuaian Akaun Deposit berjumlah RM0.89 juta menunjukkan perbezaan baki sebagai amaun yang tidak dapat dikenal pasti.

9.6.3 Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Lain-lain

Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Lain-lain diwujudkan bagi memberi pinjaman kepada Agensi Kerajaan yang diluluskan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini adalah daripada

Kumpulan Wang Disatukan. Peruntukan bagi Kumpulan Wang ini adalah sejumlah RM103.17 juta. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2003 berjumlah RM14.41 juta manakala baki boleh dituntut pula berjumlah RM88.75 juta. Mengikut rekod pinjaman di Pejabat Kewangan Negeri, baki 5 pinjaman yang dikenal pasti adalah daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Majlis Agama Islam Negeri Perak dan Yayasan Perak berjumlah RM25.38 juta manakala baki boleh dituntut berjumlah RM63.37 juta belum dapat dikenal pasti penghutangnya.

9.6.4 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan diwujudkan bertujuan memberi kemudahan pinjaman kepada kakitangan awam bagi membeli kenderaan. Peruntukan Kumpulan Wang ini adalah berjumlah RM7 juta dan satu tambahan peruntukan telah dibuat pada tahun 2003 berjumlah RM0.50 juta menjadikan jumlah peruntukan Kumpulan Wang ini sejumlah RM7.50 juta. Pada tahun 2003, sejumlah RM1.39 juta pembiayaan pinjaman kenderaan telah dikeluarkan manakala sejumlah RM2.09 juta telah diterima sebagai bayaran balik pinjaman. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir 2003 berjumlah RM1.33 juta. Semakan Audit terhadap Senarai Baki Boleh Dituntut mendapati 37 peminjam dengan pinjaman berjumlah RM0.38 juta tidak membuat bayaran ansuran bulanan sepanjang tahun 2003. Lima belas daripada 37 peminjam yang diluluskan pinjaman dalam tempoh tahun 1987 sehingga 1994 masih belum menyelesaikan pinjaman mereka berjumlah RM0.04 juta kerana telah meninggalkan perkhidmatan sama ada meletakkan jawatan, meninggal dunia atau dibuang kerja.

9.6.5 Kumpulan Wang Pendahuluan Diri

Kumpulan Wang Pendahuluan Diri diwujudkan dengan peruntukan berjumlah RM1.50 juta bertujuan memberi pendahuluan bagi sesuatu aktiviti atau sesuatu perjalanan. Pendahuluan ini perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut kelulusan yang

diberi. Pada tahun 2003, sejumlah RM0.87 juta telah dikeluarkan manakala sejumlah RM0.86 juta telah diterima sebagai bayaran balik pendahuluan. Semakan Audit terhadap 14 lejar pendahuluan diri mendapati 12 daripadanya berjumlah RM0.46 juta telah lewat dijelaskan antara tempoh 15 hingga 121 hari.

9.6.6 Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya

Penubuhan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya bertujuan membiayai penyelenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2003 Kerajaan Negeri menerima geran penyelenggaraan jalan raya daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM79.90 juta. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2003 adalah berjumlah RM14.67 juta.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod akaun Kumpulan Wang Amanah dan Deposit perlu diperbaiki lagi.

10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri dibangunkan hasil daripada keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Perbendaharaan Negeri Kedah dan Perlis telah dipilih sebagai projek perintis bagi melaksanakan sistem ini. Peruntukan ini dibiayai oleh Perbendaharaan Malaysia melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang juga bertanggungjawab membangunkan sistem aplikasi, membekalkan peralatan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri dan penyelenggaraan sistem aplikasi. Kerajaan Negeri hanya menyediakan rangkaian komunikasi (WAN/LAN) dan lain-lain kos tahunan meliputi kos penyelenggaraan perkakasan dan yuran perisian sistem selepas tamat tempoh jaminan pelaksanaan.

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri dibangun dan dilaksanakan secara berperingkat dan mengandungi 11 modul aplikasi perakaunan, antaranya penyediaan belanjawan, pengurusan dokumen, perakaunan melibatkan lejar am, buku vot, gaji, aset, pinjaman serta pelaburan, dan maklumat pengurusan kewangan. Objektif Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri ialah bagi melicinkan dan mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan kewangan serta memastikan bahawa Penyata Kewangan Akaun Awam disediakan dengan betul dan tepat pada masanya.

Pada penghujung tahun 2002, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah membekalkan 135 komputer peribadi/*Personal Computer* dan 69 pencetak kepada Bendahari Negeri Perak yang ditempatkan di Pusat Tanggungjawab yang terlibat dengan pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri. Sebanyak 3 modul aplikasi Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri iaitu Lejar Am, Gaji dan Buku Vot telah dilaksanakan secara berperingkat bermula di Perbendaharaan Negeri dan diperluas kepada Pusat Tanggungjawab secara talian terus mulai bulan Jun 2003. Modul Gaji mula dilaksanakan bagi akaun pembayaran gaji bulan Oktober 2003. Setakat bulan Mac 2004, modul ini telah beroperasi di 135 dari 142 Pusat Tanggungjawab di seluruh Negeri Perak. Bagaimanapun, masih ada masalah serta kelewatan terhadap pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri seperti berikut:

- i) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan dan Bayaran) masih disediakan secara *manual* disebabkan proses penyediaan melalui sistem masih tidak boleh dilaksanakan.
- ii) Perakaunan Akaun Amanah dan Perbelanjaan Pembangunan belum dilaksanakan secara talian terus oleh Pusat Tanggungjawab dan hanya di *input* di peringkat Pejabat Bendahari Negeri.
- iii) Penyata Kewangan yang disediakan oleh sistem masih diragui ketepatannya.

Kawalan terhadap operasi komputer sama ada manual atau prosedur program dimuatkan dalam sesuatu sistem aplikasi itu. Kedua bentuk kawalan ini adalah sebagai mekanisma bagi mencapai tahap jaminan keseluruhan objektif kawalan dalaman. Pemeriksaan Audit terhadap Kawalan Am Sistem Perakaunan

Berkomputer Standard Kerajaan Negeri pada bulan Mac 2004 menunjukkan perkara seperti berikut:

- i) Jejak Audit (*Audit Trail*) dalam bentuk laporan atau fail log tidak disediakan bagi memantau pewujudan, pembatalan atau perubahan terhadap kawalan akses pengguna. Laporan yang ada hanya menunjukkan maklumat pengguna dan kod program yang boleh diakses setiap pengguna.
- ii) Alat pemadam api yang disediakan telah dihantar untuk diservis sejak awal tahun tanpa diganti. Sistem Pemadam Kebakaran yang dipasang di bilik pelayan fail (*server*) dan simpanan fail tidak dapat dipastikan sama ada dalam keadaan baik kerana tiada bukti ujian dibuat dalam tempoh setahun yang lalu.
- iii) Pintu Bilik Pelayan Fail dan Simpanan Fail tidak dikunci. Pergerakan kakitangan Operator Pemprosesan Data tidak dikawal oleh kerana proses mencetak cek dan laporan dibuat di bilik yang sama.
- iv) Prosedur bantuan (*backup*) dan keselamatan terhadap fail perisian/data masih belum di laksana.
- v) Fail Meja kakitangan yang bertanggungjawab dengan proses kerja Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri masih belum dikemas kini.

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri diterima sebagai satu pakej yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, pelaksanaan di peringkat Negeri bergantung kepada kemajuan di pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia, keutuhan sistem dan juga kemahiran kakitangan yang melaksanakannya. Selain itu, Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri adalah hak milik Kerajaan Persekutuan, pengubahsuaian, penambah baik atau pembedulan bagi memenuhi keperluan Negeri tidak boleh dibuat tanpa melalui Jawatankuasa di peringkat Persekutuan dan kelulusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri mempunyai Kawalan Am yang telah dimuatkan sebagai sebahagian proses kerja aplikasinya.

Kawalan ini menghalang pendedahan maklumat atau pelaksanaan proses perakaunan tanpa kelulusan. Bagaimanapun, masih ada kawalan am yang melibatkan keselamatan perkakasan komputer, fail data dan dokumen yang perlu dipertingkatkan bagi menentukan sistem sentiasa terpelihara, dapat beroperasi secara berterusan dan mengeluarkan data yang tepat, betul serta sah.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Perbendaharaan Negeri masih boleh dipertingkatkan. Kelemahan yang dibangkitkan terutamanya kawalan hasil dan perbelanjaan perlu diperbaiki. Semua rekod pengurusan perlu dikemaskinikan dengan segera dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pejabat yang lewat mengemukakan semua dokumen yang berkaitan kepada Bendahari Negeri. Ini memandangkan Perbendaharaan Negeri merupakan pusat pentadbiran kewangan Kerajaan Negeri yang wajar dicontohi oleh Jabatan/Agensi lain. Bagi tujuan ini, pematuhan terhadap peraturan kewangan perlu diberi perhatian yang serius oleh Pegawai Pengawal. Selain itu, pemantauan terhadap pengurusan kewangan Jabatan serta Agensi Kerajaan Negeri hendaklah sentiasa dititikberatkan.

PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT JABATAN

12. LATAR BELAKANG

Seksyen 15A Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Jabatan atau Pejabat bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, seseorang Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa perbelanjaan, hasil, amanah dan aset diperakaunkan serta diurus mengikut peraturan kewangan.

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 7 Jabatan di seluruh Negeri Perak iaitu terdiri daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri, Jabatan Mufti Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik, Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian dan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar. Pada tahun 2003, semua Jabatan dan Pejabat yang diaudit kecuali Jabatan Mufti Negeri dan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar telah memungut hasil berjumlah RM14.27 juta, melakukan perbelanjaan berjumlah RM56.39 juta dan 5 Jabatan mempunyai baki deposit/amanah pada akhir Disember 2003 berjumlah RM6.77 juta. Pejabat dan Jabatan yang tidak mempunyai baki deposit ialah Jabatan Mufti Negeri dan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 7**.

Jadual 7

Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit/Amanah Pada Tahun 2003

Bil.	Jabatan/Pejabat	Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Deposit/ Amanah (RM Juta)
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	0.07	18.43	1.79
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	0.28	17.53	2.92
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	0.44	12.26	0.00*
4.	Jabatan Mufti Negeri	TB	0.92	TB
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik	6.57	1.94	0.44
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	6.91	3.34	1.62
7.	Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar	TB	1.97	TB
Jumlah		14.27	56.39	6.77

Sumber: Rekod Semua Jabatan/Pejabat Berkenaan

Nota: TB : Tidak Berkenaan

* : Mempunyai deposit kurang daripada RM10,000

13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan, pematuhan kepada peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod kewangan tahun 2003 mengenai kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, amanah dan aset. Selain itu, perbincangan dengan pegawai yang terlibat dengan urusan kewangan juga diadakan.

14. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mendapati pematuhan terhadap aspek kawalan pengurusan kewangan di Jabatan yang dipilih adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih ada beberapa aspek kawalan asas yang perlu pembaikan segera bagi mengekalkan akauntabiliti dalam sistem pengurusan kewangan, antaranya seperti berikut:

14.1 KAWALAN PENGURUSAN

Tanggungjawab pengurusan adalah untuk menentukan operasi Jabatan/Pejabat dijalankan dengan teratur dan berkesan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam

Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan Ketua Jabatan perlu memastikan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja serta senarai tugas bagi setiap anggota disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Dokumen ini adalah penting untuk dijadikan rujukan dan panduan oleh anggota Jabatan atau Pejabat bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2003 telah memutuskan supaya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Awam ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab untuk membantu Jabatan dan Agensi mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan supaya ia berjalan lancar dan menepati peraturan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya satu kali setiap 3 bulan.

Pemeriksaan Audit terhadap kawalan pengurusan mendapati daripada 7 Jabatan/Pejabat, Jabatan Mufti Negeri dan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar tidak menyelenggara Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi setiap kakitangan. Semakan lanjut menunjukkan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja setiap kakitangan yang diselenggara tidak lengkap dan kemas kini. Dari aspek pemantauan pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya satu kali setiap 3 bulan dan laporan suku tahun dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri. Bagaimanapun, Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun manakala 4 Jabatan/Pejabat tidak mengadakan mesyuarat dan mengemukakan laporan suku tahun sebagaimana yang ditetapkan. Kedudukan penemuan Audit dari aspek kawalan pengurusan di Jabatan atau Pejabat yang diaudit adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8

Kedudukan Kawalan Pengurusan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Kawalan Pengurusan					
		a	b	c	d	e	f
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	✓	x	✓	x	✓	✓
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	✓	✓	✓	x	✓	✓
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	✓	✓	✓	x	✓	✓
4.	Jabatan Mufti Negeri	x	x	x	x	✓	x
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik	✓	x	✓	x	✓	x
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	✓	x	✓	x	✓	x
7.	Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar	x	x	x	x	x	x

Nota: ✓ : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat.
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini.
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota.
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini.
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan.
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya satu kali setiap 3 bulan.

Pada pendapat Audit, tahap kawalan pengurusan Jabatan/Pejabat masih boleh dipertingkatkan. Usaha menyediakan, melengkap dan mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja serta memantau pengurusan kewangan melalui Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu diberi perhatian yang serius.

14.2 KAWALAN HASIL

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi dalam pengurusan hasil untuk memastikan semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat serta dimasukkan ke bank dalam tempoh yang sepatutnya. Sehubungan ini, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- i) kawalan yang secukupnya dibuat terhadap pengeluaran, penggunaan dan penyimpanan borang hasil seperti buku resit, kupon dan lesen;
- ii) penurunan kuasa dan pengagihan tugas anggota dibuat dengan teratur;
- iii) kawalan yang secukupnya diwujudkan terhadap wang pungutan sebelum ia dimasukkan ke bank;

- iv) semua pungutan dimasukkan ke bank dalam tempoh yang ditetapkan;
- v) penyelenggaraan rekod pungutan dan semakan terhadapnya dibuat dengan teratur; dan
- vi) Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan disediakan dengan teratur dan kemas kini.

Daripada 7 Jabatan dan Pejabat yang dilawati, enam Jabatan/Pejabat terlibat dalam pungutan hasil manakala satu pejabat tidak memungut sebarang hasil. Hasil yang dipungut pada tahun 2003 berjumlah RM14.27 juta adalah daripada hasil tanah, ansuran sewa beli Rancangan Perumahan Awam, hasil pelbagai seperti permit, lesen hiburan dan hasil lain. Antara aspek penting kawalan hasil adalah berkenaan penyelenggaraan Buku Tunai, pengeluaran resit, kemasukan wang kutipan ke bank, penyesuaian hasil dan kawalan atau semakan oleh penyelia. Pada umumnya, kawalan hasil telah dilaksanakan dengan memuaskan iaitu rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun, ada beberapa peraturan mengenai kawalan hasil yang tidak dipatuhi sepenuhnya seperti kebenaran bertulis untuk menerima wang, notis kepada orang awam mengenai keperluan meminta resit tidak dipamerkan. Selain itu, pemeriksaan mengejut hanya ditumpukan terhadap panjar wang runcit sedangkan pemeriksaan terhadap wang kutipan hasil, setem dan barangan berharga lain tidak dijalankan. Penyata penyesuaian hasil pula tidak disediakan dengan betul dan kemas kini. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Kawalan Hasil

Bil	Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil						
		a	b	c	d	e	f	g
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	✓	✓	✓	✓	x	x	✓
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik	✓	✓	✓	✓	✓	x	x
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	✓	✓	✓	✓	✓	x	x
6.	Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar	✓	✓	x	x	✓	x	TB

Nota: ✓ : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB: Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini

Pada pendapat Audit, tahap kawalan hasil Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah memuaskan. Namun begitu, perkara seperti kebenaran bertulis menerima wang, pemeriksaan mengejut dan penyediaan penyata penyesuaian hasil perlu dilaksanakan sewajarnya oleh Ketua Jabatan dan kakitangan yang menguruskan kewangan.

14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaukan dengan betul. Bagi tujuan ini, perkara berikut telah diaudit untuk memastikan bahawa:

- i) Buku Vot, Daftar Bil dan Daftar Pembayaran diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;
- ii) penurunan kuasa yang sewajarnya diberi kepada anggota yang terlibat;

- iii) semua perolehan dan dokumen yang berkaitan dikawal dengan sewajarnya; dan
- iv) Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Bulanan disedia dengan teratur dan kemas kini.

Pada tahun 2003, sejumlah RM30.72 juta telah diluluskan untuk perbelanjaan mengurus bagi 7 Jabatan/Pejabat yang diaudit. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sejumlah RM26.41 juta atau 85.9% telah dibelanjakan. Bagi peruntukan pembangunan, jumlah yang diluluskan bagi tahun 2003 adalah RM32.76 juta dan sejumlah RM29.98 juta atau 91.5% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan.

Pemeriksaan Audit mendapati ada beberapa peraturan yang berkaitan dengan penyelenggaraan rekod perbelanjaan tidak dipatuhi. Antaranya ialah penyata penyesuaian perbelanjaan lewat disediakan, maklumat di Pesanan Kerajaan tidak lengkap dan Daftar Bil tidak diperiksa oleh pegawai kanan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Pematuhan terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Kawalan Perbelanjaan

Bil	Jabatan/Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil						
		a	b	c	d	e	f	g
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	✓	✓	✓	x	✓	x	x
4.	Jabatan Mufti Negeri	✓	✓	✓	x	✓	✓	x
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik	✓	✓	x	✓	✓	✓	✓
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7.	Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar	✓	✓	x	x	✓	✓	x

Nota: ✓ : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

- a. *Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab.*
- b. *Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia.*
- c. *Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- d. *Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap.*
- e. *Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan.*
- f. *Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.*
- g. *Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan.*

Semakan Audit mendapati perolehan dibuat setelah diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa manakala penerimaan barang atau perkhidmatan disahkan kesempurnaannya kecuali ada catatan maklumat tertentu tidak dibuat dengan lengkap pada salinan pejabat seperti nombor baucar, perakuan penerimaan dan pemeriksaan. Bagi Jabatan/Pejabat yang menggunakan borang Pesanan Kerajaan berkomputer menerusi Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri, ruangan "Perakuan Jabatan" tidak diisi oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Manakala perolehan secara sebut harga, prosedur berkenaan peti tawaran, notis tawaran, pelantikan jawatankuasa membuka dan setuju terima tawaran diurus dengan teratur.

Pada pendapat Audit, aspek penting kawalan perbelanjaan telah dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun, kelemahan pengurusan rekod kewangan tertentu perlu diatasi supaya kehendak prosedur kewangan dipatuhi manakala kawal selia pegawai atasan perlu dipertingkatkan.

14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT

Akaun Amanah dan Deposit perlu diurus mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan, Arahan Amanah dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Penyata Terimaan dan Bayaran bagi sesuatu akaun amanah dan Senarai Baki Deposit perlu disedia dengan lengkap dan dikemukakan untuk pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan. Rekod individu bagi Kumpulan Wang Amanah seperti Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pinjaman Kenderaan dan Pendahuluan Pinjaman Komputer perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini untuk memudahkan pemantauan terhadap bayaran balik yang

dibuat. Pada tahun 2003, Jabatan/Pejabat yang diaudit mempunyai 21 akaun deposit dengan baki berjumlah RM6.67 juta dan satu akaun amanah berbaki RM92,167. Akaun deposit tersebut adalah terdiri daripada deposit tanah, Rancangan Perumahan Awam, kontrak, pemindahan atau pengambilan bahan batu dan pelbagai deposit lain.

14.4.1 Pengurusan Deposit

Hasil pengauditan terhadap pengurusan deposit yang telah dibuat terhadap 5 Pejabat kecuali Jabatan Mufti Negeri dan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar yang tidak menguruskan Akaun Deposit adalah seperti berikut:

i) Pengurusan Rekod

Mengikut peraturan kewangan, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Buku Tunai dan lejar peseorangan hendaklah diselenggara dengan teratur dan kemas kini serta disediakan penyesuaian sekiranya ada perbezaan antara dua rekod atau dengan baki di rekod Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pemeriksaan Audit mendapati Buku Tunai dan lejar perseorangan serta penyesuaian deposit di Jabatan/Pejabat yang diaudit tidak diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Maklumat penyelenggaraan rekod dan penyesuaian deposit bagi Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Tahap Pengurusan Rekod Deposit

Bil	Jabatan/Pejabat	Peraturan Pengurusan Rekod Deposit		
		a	b	c
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	x	✓	x
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	✓	✓	✓
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	✓	✓	✓
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik	x	✓	x
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	x	✓	x

Nota: ✓ : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

- a. Buku Tunai deposit diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- b. Lejar perseorangan pendeposit diselenggara dengan teratur dan kemas kini
- c. Penyata penyesuaian disediakan dengan teratur.

ii) Deposit Tidak Aktif

Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut dan tidak diperlukan selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit diterima boleh dikembalikan, hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit ini masih juga tidak dituntut dalam tempoh 3 bulan selepas pemberitahuan, maka ia hendaklah dipindahkan ke hasil. Selain itu, berdasarkan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil. 1 Tahun 1998, cukai tanah tahun pertama yang telah di pertanggungkan di akaun deposit hendaklah dipindahkan ke akaun hasil. Semakan Audit mendapati sejumlah RM1 juta deposit cukai tanah tahun pertama Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian yang diterima antara tahun 1976 hingga 2003 belum dipindahkan ke akaun hasil. Selain itu, sejumlah RM1.85 juta deposit am/pelbagai adalah didapati yang tidak aktif sejak diterima antara tahun 1965 hingga 2000 dan tindakan untuk mengenal pasti keperluannya belum diambil.

14.4.2 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Dan Akaun Amanah

Hasil pengauditan terhadap pengurusan Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah yang telah dibuat terhadap 7 Pejabat ini adalah seperti berikut:

i) Penyelenggaraan Daftar Pinjaman

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992, Bil. 7 Tahun 1993 dan Bil. 6 Tahun 1995 menghendaki Ketua Jabatan menyelenggara daftar pembiayaan pembelian komputer, pinjaman kenderaan dan perumahan. Semakan Audit mendapati daftar bagi merekodkan perihal pinjaman tersebut tidak diselenggara sebagaimana kehendak peraturan di 6 pejabat kecuali Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian.

ii) Akaun Amanah Pembangunan Rakyat Miskin Daerah Kerian

Akaun Amanah ini diwujudkan pada tahun 1996 mengikut Seksyen 9(3) Akta Acara Kewangan 1957. Ia bertujuan untuk membantu rakyat miskin di Daerah Kerian dari aspek pembangunan. Pada akhir tahun 2003, baki akaun ini adalah berjumlah RM92,167. Semakan Audit mendapati rekod kewangan bagi akaun ini telah diselenggarakan dengan teratur.

Pada pendapat Audit, pengurusan akaun deposit di Pejabat yang terlibat perlu dipertingkat supaya lebih teratur. Rekod kewangan seperti Buku Tunai dan lejar perseorangan perlu dikemas kini dan penyesuaian antara kedua rekod ini perlu dibuat. Selain itu, Daftar Pinjaman hendaklah diselenggara bagi tujuan pemantauan bayaran balik pinjaman. Tindakan pewartaan perlu diambil terhadap deposit yang tidak aktif atau tidak diperlukan lagi.

14.5 PENGURUSAN ASET

Urusan perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan kewangan. Penyelenggaraan Daftar Harta Modal perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991. Selain itu, Tatacara Pengurusan Stor Perenggan 238 menghendaki Ketua Jabatan menjalankan pemeriksaan tahunan terhadap harta modal sebagai satu cara kawalan di samping mengenal pasti kewujudan dan tahap boleh guna sesuatu harta modal itu. Sehubungan dengan pengurusan kenderaan, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menghendaki Buku Log direkodkan dengan butiran mengenai kenderaan manakala Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1997 pula menghendaki Pegawai Pengawal melantik Lembaga Pemeriksa untuk menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap aset yang perlu dilupuskan. Pada tahun 2003, sejumlah RM3.29 juta telah dibelanjakan untuk pembelian harta modal dan inventori seperti kenderaan, komputer, pelbagai jenis mesin, perabot dan kelengkapan lain. Pemeriksaan Audit mendapati selain Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri, tahap pengurusan aset Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah kurang memuaskan. Beberapa peraturan bagi pengurusan aset dari segi penyelenggaraan rekod, pemeriksaan fizikal dan pelupusan tidak dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung
Dengan Pengurusan Aset

Bil	Jabatan/Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset i								
		a	b	c	d	e	f	g	h	i
1.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	✓	x	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	x	x	x	✓	x	✓	x	✓	✓
3.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	x	x	x	✓	✓	✓	x	x	x
4.	Jabatan Mufti Negeri	x	x	x	TB	x	x	x	x	x
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik	x	x	x	TB	✓	✓	x	x	x
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian	x	x	x	TB	✓	✓	x	x	x
7.	Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar	x	x	x	✓	x	x	x	x	x

Nota: ✓ : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB: Tidak Berkenaan

- a. *Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.*
- b. *Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori.*
- c. *Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'.*
- d. *Verifikasi stok dijalankan.*
- e. *Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis.*
- f. *Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan.*
- g. *Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.*
- h. *Aset usang diambil tindakan pelupusan.*
- i. *Pelupusan aset disegerakan.*

Pada pendapat Audit, tahap pengurusan aset Jabatan/Pejabat adalah tidak memuaskan terutamanya dari aspek penyelenggaraan rekod kawalan, pemeriksaan fizikal dan pelupusan. Kelemahan berpunca daripada sikap kurang prihatin terhadap prosedur pengurusan aset Kerajaan dan kelemahan penyeliaan.

15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan Jabatan dan Pejabat yang dilawati adalah memuaskan. Bagaimanapun, ada beberapa aspek yang boleh dipertingkatkan pengurusannya terutama berkaitan pengurusan deposit/amanah dan pengurusan aset. Kelemahan yang dibangkitkan perlu diperbaiki untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Jabatan dan Pejabat terlibat. Bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan

kewangan, adalah disyorkan supaya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun memainkan peranan yang lebih aktif bagi memantau urusan kewangan Jabatan dan Pejabat

16. PROGRAM AUDIT PRESENCE

16.1 LATAR BELAKANG

Program *Audit Presence* adalah pemeriksaan Audit khas terhadap Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan pada tahun itu. Keutamaan pemilihan akan diberi kepada Jabatan yang belum pernah atau tidak diaudit melebihi 3 tahun yang aktiviti utamanya mengutip hasil. Pengauditan ini meliputi aspek semakan kawalan dalaman dan pemeriksaan terhadap wang hasil dan panjar. Program ini dimulai pada tahun 2003 bertujuan seperti berikut:

- i) Sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan;
- ii) mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Auditi terhadap pentingnya mengurus kewangan dan harta benda dengan cermat dan berhemat; dan
- iii) memantau serta menasihati pihak auditi.

16.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini memberi fokus terhadap elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan amanah dan aset serta penyelenggaraan rekod.

16.3 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN

Pada tahun 2003, pemilihan Jabatan adalah berdasarkan Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan. Sebanyak 10 Jabatan telah dipilih merangkumi 28 pejabat termasuk yang berada di daerah. Sebelum lawatan dibuat, auditi akan diberitahu 2 hari lebih awal bagi memaklumkan kehadiran pegawai Audit dan pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Negeri. Sebagai langkah permulaan pada

tahun 2003, pengauditan hanya dijalankan terhadap rekod kewangan dan perakaunan dari aspek kawalan hasil. Perbincangan ringkas berkaitan penemuan Audit juga diadakan dengan Ketua Jabatan atau pegawai kanan.

16.4 PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhan kawalan hasil di 26 daripada 28 Pejabat yang dilawati adalah baik kecuali 2 pejabat iaitu Pejabat Hutan Daerah Tapah dan Pejabat Tanah Lenggong. Bagaimanapun, dua pejabat ini masih di tahap memuaskan tetapi perlulah mempertingkatkan kawalan hasil dengan mematuhi beberapa peraturan kewangan seperti menjalankan pemeriksaan mengejut dan menyegerakan kemasukan wang ke bank. Kedudukan secara ringkas pematuhan peraturan kewangan berkaitan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil.Pejabat Dilawati	Kawalan Hasil	
			M	TM
1.	Jabatan Pertanian	3	3	0
2.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	1	1	0
3.	Jabatan Kerja Raya	4	4	0
4.	Jabatan Perhutanan	2	1	1
5.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	5	5	0
6.	Jabatan Agama	3	3	0
7.	Jabatan Kehakiman Syariah	3	3	0
8.	Pejabat Daerah	2	2	0
9.	Pejabat Tanah	2	1	1
10.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	3	3	0
Jumlah		28	26	2
<i>M = Memuaskan</i>				
<i>TM = Tidak Memuaskan</i>				

16.5. KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Pemeriksaan Audit dijalankan terhadap 8 elemen kawalan hasil yang merangkumi perkara seperti berikut:

- i)** resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan;
- ii)** semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit;
- iii)** kebenaran bertulis diberi untuk pegawai yang menerima wang;
- iv)** Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam;
- v)** kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera;
- vi)** pemeriksaan mengejut ada dibuat terhadap wang dan barang berharga;
- vii)** Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini; dan
- viii)** kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil.

Butiran secara terperinci tahap pematuhan peraturan kewangan berkaitan 8 komponen kawalan hasil di Jabatan/Pejabat adalah seperti berikut:

- i)** pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga tidak dijalankan bagi 9 Pejabat;
- ii)** Penyata Penyesuaian Hasil bagi 6 Pejabat tidak disediakan dengan betul dan kemas kini;
- iii)** Notis Pemberitahuan Awam di 5 Pejabat tidak dipamerkan;
- iv)** sebanyak 2 Pejabat tidak mematuhi peraturan yang menghendaki resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai berasingan; dan
- v)** semakan harian antara Buku Tunai dan resit tidak dijalankan oleh pegawai bertanggungjawab di 2 Pejabat.

Selain daripada Pejabat Hutan Daerah Tapah dan Pejabat Tanah Lenggong, semakan Audit mendapati 26 Pejabat tidak mematuhi hanya 1 daripada 8 elemen kawalan hasil. Ini bermakna Pejabat yang terlibat masih perlu mematuhi kesemua elemen kawalan hasil seperti melakukan pemeriksaan mengejut, penyediaan penyata penyesuaian hasil dan mempamerkan notis meminta resit pembayaran.

16.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Program *Audit Presence* menunjukkan kawalan hasil adalah memuaskan. Ini disebabkan pada amnya sebahagian besar Jabatan tidak mematuhi hanya 1 daripada 8 elemen utama peraturan kewangan. Tindakan serta merta boleh diambil untuk menjalankan pemeriksaan mengejut dan mempamer notis pemberitahuan awam meminta resit pembayaran. Pegawai bertanggungjawab hendaklah memantau supaya penyediaan penyata penyesuaian hasil disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

17. PROGRAM ANAK ANGKAT

17.1 LATAR BELAKANG

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta undang-undang lain yang berkaitan telah menetapkan bahawa Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan kedudukan Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati bahawa kelemahan yang sama dalam pengurusan kewangan/aktiviti di Jabatan dan Agensi Kerajaan masih berterusan berlaku. Sehubungan dengan ini, bermula tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan dan Agensi berkenaan dengan melaksanakan Program Anak Angkat.

Melalui program ini, Jabatan Audit Negara mengambil langkah yang lebih sistematik untuk membantu Jabatan dan Agensi memantapkan pengurusan kewangannya. Ini selaras dengan visi Jabatan Audit Negara iaitu menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam.

17.2 OBJEKTIF PROGRAM

Program ini bertujuan membantu Jabatan dan Agensi dalam pengurusan kewangan dengan cara memberi bimbingan dan nasihat bagi memperbaiki segala aspek pengurusan kewangan termasuk penyelenggaraan rekod perakaunan.

17.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN

Pelaksanaan/pendekatan Program Anak Angkat adalah seperti berikut:

17.3.1 Kaedah Pemilihan Jabatan Dan Agensi

Kriteria terhadap pemilihan Jabatan dan Agensi sebagai Anak Angkat adalah Jabatan dan Agensi yang memerlukan bantuan dalam pengurusan kewangan. Jabatan dan Agensi berkenaan boleh dikenal pasti melalui:

- i)** pemerhatian Audit yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam di pejabat Perbendaharaan Negeri;
- ii)** aduan awam melalui media dan juga sumber tertentu seperti Biro Pengaduan awam; dan
- iii)** cadangan Ketua Jabatan atau Agensi yang menunjukkan minat dan inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangannya.

17.3.2 Jabatan Dan Agensi Yang Dipilih

Pada tahun 2003, sebanyak 4 Jabatan dan Agensi telah dipilih di bawah program ini. Jabatan dan Agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

- i)** Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak;
- ii)** Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh;
- iii)** Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak; dan
- iv)** Majlis Daerah Tapah.

17.3.3 Tatacara Pelaksanaan

Tatacara pelaksanaan Program Anak Angkat adalah seperti berikut:

- i)** Setiap pejabat yang dipilih akan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan dan Agensi secara bertulis dan seterusnya disusuli dengan *entrance conferance*. Bagi mengenal pasti masalah pengurusan kewangan dan puncanya, penilaian secara

menyeluruh dibuat terhadap kawalan dalaman Jabatan dan Agensi yang merangkumi kawalan hasil, perbelanjaan, amanah dan kawalan aset dan inventori.

- i)** Daripada penilaian di atas serta pemerhatian yang pernah dibangkitkan sebelum ini dan temu bual dengan pihak pengurusan, kelemahan yang serius akan dibangkitkan dengan Ketua Jabatan berkenaan. Kelemahan ini akan dibincang bersama pihak pengurusan Jabatan serta pihak Audit mencadangkan langkah pembetulan atau pembaikan yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi.
- iii)** Bagi membantu Pejabat berkenaan membetulkan kelemahan yang berlaku, Jabatan Audit Negara telah mengambil tindakan berikut:
 - a)** memberi latihan secara teori dan praktikal kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan Pejabat;
 - b)** memberi input kepada Pejabat bagi menyediakan panduan kerja yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan; dan
 - c)** memantau kemajuan pelaksanaan kerja pembetulan dan memastikan bahawa kerja tersebut dilaksanakan dengan teratur secara berterusan. Bagi tujuan pemantauan, lawatan ke pejabat berkenaan telah dibuat dari semasa ke semasa sekurang-kurangnya setiap tiga bulan satu kali dalam tempoh satu tahun.

Selagi masih wujud kelemahan yang *material* dan ada tindakan positif daripada Jabatan, status Anak Angkat akan dikekalkan. Program ini akan ditamatkan selepas Jabatan Audit Negara berpuas hati bahawa Jabatan terbabit telah berjaya menguruskan rekod perakaunan dengan teratur dan kemas kini dalam tempoh satu tahun dari tarikh program ini bermula.

17.4 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Hasil daripada penilaian terhadap kawalan dalaman di 4 Jabatan dan Agensi yang terlibat secara keseluruhannya mendapati kelemahan pengurusan kewangan adalah berkisar kepada 4 perkara berikut:

- i)** kegagalan Jabatan menyimpan rekod perakaunan;
- ii)** rekod perakaunan yang tidak dikemas kini;
- iii)** ketidakpatuhan terhadap tatacara perakaunan; dan
- iv)** ketidakpatuhan kepada undang-undang.

Seterusnya Jabatan Audit Negara telah mengenal pasti punca kelemahan yang timbul dan mendapati bahawa secara keseluruhannya Jabatan dan Agensi yang terlibat sama ada tidak kemas kini atau tidak mempunyai garis panduan seperti Manual Prosedur Kerja atau Fail Meja, kakitangan yang tidak mencukupi, senarai tugas yang tidak jelas, kakitangan tidak mempunyai ilmu dalam bidang kewangan, kakitangan yang tidak diberi latihan dan kurang atau tiada penyeliaan daripada pegawai penyelia.

17.5 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN DAN AGENSI

Jabatan dan Agensi yang terlibat telah menunjukkan komitmen untuk berusaha memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti melalui syor dan nasihat daripada Jabatan Audit Negara. Antara tindakan pembetulan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi adalah seperti berikut:

- i)** menyediakan dan mengemas kini Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja;
- ii)** mengkaji dan menyemak senarai tugas;
- i)** menyediakan dan mengemas kini rekod perakaunan; dan
- iv)** mengenal pasti kakitangan dan menghantar mereka mengikuti latihan dan kursus berkaitan dengan kerja masing-masing.

17.6 PENCAPAIAN PROGRAM

Tahap pengurusan kewangan Jabatan Kehakiman Dan Syariah Negeri Perak serta Pejabat Daerah Dan Tanah Ipoh adalah pada tahap yang lebih

baik sebelum program ini dilaksanakan. Komitmen pengurusan untuk mengambil tindakan positif terhadap kelemahan yang dibangkitkan amat memuaskan. Kakitangan telah dilatih dan memahami peranan masing-masing. Di Pejabat Daerah Dan Tanah Ipoh, pihak Pengurusan telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk berusaha menyelesaikan kelemahan pengurusan akaun deposit seperti penyelenggaraan rekod, penyesuaian deposit dan deposit tidak dituntut. Contohnya pada akhir tahun 2003, baki deposit tanah berkurangan sejumlah RM12.32 juta menjadi RM11.54 juta berbanding RM23.86 juta pada akhir tahun 2002. Ia terdiri daripada deposit cukai tahun pertama, ansuran cukai tanah dan bahan batu. Pejabat telah mengambil tindakan untuk mengemas kini dan membetulkan baki di lejar deposit dan hasilnya sehingga akhir bulan Disember 2003, sejumlah RM 13.48 juta cukai tahun pertama dan ansuran cukai tanah dipindahkan melalui 5 jurnal ke akaun hasil. Tindakan berterusan sedang diambil untuk mengenal pasti deposit cukai tahun pertama dan deposit bahan batu yang telah mencapai matlamat untuk dipindahkan ke hasil atau diwartakan. Di Jabatan Kehakiman Dan Syariah Negeri Perak pula, semua rekod perakaunan berkaitan dengan pengurusan hasil, perbelanjaan, amanah dan pengurusan aset telah dikemas kini dan teratur.

Pada pandangan Audit, Pejabat Daerah Dan Tanah Ipoh dan Jabatan Kehakiman Dan Syariah bolehlah dicontohi dan ditamatkan status Anak Angkat. Usaha bagi menyelesaikan baki deposit di Pejabat Daerah Dan Tanah Ipoh akan mengambil masa disebabkan kelemahan pengurusan deposit yang dikendalikan sejak tahun tujuh puluhan.

Bagaimanapun, Majlis Daerah Tapah masih dikekalkan status sebagai 'Anak Angkat' kerana Majlis masih belum dapat menyelesaikan isu yang berbangkit terutamanya terhadap kawalan hasil, perbelanjaan serta pengurusan aset dan rekod kewangan subsidiari yang belum dapat dikemas kini. Bagi Majlis Agama Islam, status Anak Angkat diteruskan bagi membolehkan latihan diberi kepada kakitangan yang khusus menjalankan tugas pengurusan kewangan memandangkan Majlis masih lagi di dalam proses penstrukturan semula organisasinya.

17.7 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Program Anak Angkat telah berjaya membantu Jabatan memantapkan pengurusan kewangan. Segala usaha telah dilaksanakan untuk memastikan Jabatan dan Agensi dapat menguruskan kewangan dan rekod perakaunan dengan teratur dan sempurna. Semasa program ini berjalan, Jabatan Audit Negara telah mengadakan perbincangan, lawatan, bimbingan, latihan dan bengkel. Sekurang-kurangnya 7 siri lawatan untuk mengenal pasti masalah Jabatan dan Agensi, perbincangan dengan pengurusan serta susulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan. Selain itu, latihan secara teori dan praktikal serta bimbingan telah diberi kepada 35 pegawai dan kakitangan Anak Angkat. Memandangkan pengurusan kewangan adalah satu proses yang berterusan, maka pegawai dan kakitangan yang terlibat hendaklah sentiasa peka dengan perubahan peraturan kewangan yang diamalkan masa kini. Jabatan Audit Negara telah memberi bantuan asas dalam penyelenggaraan rekod perakaunan bagi 4 komponen penting iaitu kawalan hasil, perbelanjaan, amanah dan pengurusan aset. Bagaimanapun, kejayaan pengurusan kewangan yang cekap, mantap dan berkesan adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal.

BAHAGIAN III AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

18. PENDAHULUAN

Selain dari mengesahkan akaun dan menjalankan pengauditan pematuhan, Seksyen 6(d) Akta Audit 1957 juga menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program dan aktiviti Jabatan. Tujuan pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada sesuatu program atau aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, aktiviti tertentu yang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung serta Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak telah dipilih untuk dikaji pada tahun 2003. Pemerhatian Audit hasil daripada kajian ini telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan. Isu ketara dan positif hasil daripada kajian tersebut dilaporkan di dalam **Bahagian** ini.

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

PROJEK PENGGALAKAN PELANCONGAN DESA PERLOMBONGAN

BIJIH TIMAH

19. LATAR BELAKANG

Pada awal tahun lapan puluhan, Kerajaan Negeri Perak mula memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pelancongan berikutan harga komoditi bijih timah yang tidak stabil. Peruntukan yang lebih besar telah diberi kepada sektor pelancongan yang melibatkan peningkatan daripada sejumlah RM22 juta semasa Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) menjadi RM103 juta semasa Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8). Unit Perancang Ekonomi Negeri adalah agensi yang bertanggungjawab menyelaras peruntukan pembangunan bagi aktiviti penggalakan pelancongan. Pelbagai produk pelancongan telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan. Antaranya ialah Desa Perlombongan Bijih Timah (Desa). Pada tahun 1994, draf kertas cadangan untuk menubuhkan sebuah kompleks perlombongan yang komponennya terdiri daripada kapal korek, muzium, dewan pameran serta kemudahan lain telah disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri. Bagaimanapun, ia tidak dikemukakan untuk tindakan mana-mana pihak sehinggalah pada tahun 1999.

Pada tahun tersebut, Unit Perancang Ekonomi Negeri telah menyediakan kertas kerja yang sama dengan beberapa pindaan untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Antara tujuan penubuhan Desa ini adalah bagi membolehkan segala maklumat berhubung dengan aktiviti perlombongan bijih timah di Negara ini dikumpul, didokumen dan dipamerkan kepada orang ramai. Selain itu, usaha ini adalah untuk memelihara sebuah kapal korek di Daerah Kinta yang terkenal dengan sejarah perlombongan suatu ketika dahulu. Kapal korek telah diperolehi daripada sebuah syarikat perlombongan sebagai sebahagian daripada komponen Desa ini. Lokasi Desa ini adalah terletak di tapak bekas lombong di Daerah Batu Gajah.

20. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Projek ini telah dilaksanakan dengan cekap serta mencapai matlamat sebagai destinasi pelancongan di Negeri Perak.

21. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Desa ini dari tahun 2001 hingga 2003. Kaedah pengauditan adalah dengan memeriksa rekod dan dokumen seperti kertas cadangan projek, perjanjian kontrak, minit mesyuarat dan surat menyurat yang berkaitan di Pejabat Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta, Batu Gajah dan Muzium Darul Ridzuan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang berkenaan dan lawatan ke tapak juga dibuat.

22. PENEMUAN AUDIT

22.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti adalah penting bagi menentukan kejayaan dan matlamat pelaksanaan sesuatu projek dicapai. Setiap elemen perancangan perlu diperhalusi agar projek yang dirancang bukan sahaja dapat disiapkan malah dapat memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Semakan Audit terhadap aspek perancangan Desa ini mendapati perkara berikut:

22.1.1 Lokasi Penubuhan Desa Perlombongan Bijih Timah

Desa Perlombongan Bijih Timah dicadang untuk dibangunkan di atas sebidang tanah Kerajaan seluas 57.53 hektar di Wilayah Cenderong, Mukim Tanjung Tualang di Daerah Kinta, Batu Gajah. Lokasi ini dipilih kerana ada sebuah kapal korek dan kedudukannya di tepi jalan raya dari Ipoh ke Pasir Salak dan Lumut.

Pada pendapat Audit, lokasi Desa adalah sesuai dan menepati tujuan pembangunannya serta mudah dikunjungi oleh orang ramai.

22.1.2 Matlamat Penubuhan Desa Perlombongan Bijih Timah

Matlamat menubuhkan Desa Perlombongan Bijih Timah ini adalah untuk:

- i)** menyelamatkan kapal korek yang hanya tinggal satu sahaja di Negeri Perak yang masih dalam keadaan asal;
- ii)** menyelamatkan pelbagai artifak lain yang bersangkutan dengan perlombongan bijih timah;
- iii)** memperlihatkan sejarah kemajuan dan pembangunan perlombongan bijih timah di Negeri Perak dan Malaysia yang sebenar;
- iv)** menjadikan satu sumber penting untuk rujukan ilmiah sejarah perlombongan yang diperakui;
- v)** mengekalkan kesedaran yang berterusan dari aspek sejarah di kalangan rakyat mengenai keistimewaan Negeri Perak sebagai negeri pengeluar utama bijih timah di Malaysia pada satu masa dahulu dan di dunia amnya; dan
- vi)** menjadikan salah satu produk destinasi pelancongan yang istimewa bagi menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negeri.

22.1.3 Konsep Pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah

Mengikut kertas cadangan yang disediakan pada tahun 1994 dan dikaji semula pada tahun 1999, konsep pembangunan Desa ini sebagai bahan sejarah dan produk pelancongan akan mempunyai:

- i)** Muzium yang mempamerkan bahan dan peralatan berkaitan kegiatan perlombongan bijih timah mengikut sejarah;
- ii)** Arkib di mana segala maklumat bertulis atau bercetak dikumpulkan untuk dipamerkan atau disimpan supaya dijadikan rujukan kepada sesiapa yang berminat;

- iii) Perpustakaan yang mengandungi buku, penulisan dan bahan bercetak berkaitan perlombongan bijih timah di Malaysia dan di negara lain;
- iv) Muzium Luar yang mempamerkan komponen perlombongan yang sebenar seperti peralatan mencari gali, melanda, pam kerikil, loji pembilasan dan sebagainya bagi orang ramai melihat sendiri bagaimana pelbagai alat perlombongan digunakan; dan
- v) kemudahan lain seperti kompleks pentadbiran, pusat penerangan, pusat rekreasi seperti restoran, rekreasi air, taman permainan kanak-kanak, kawasan perkhemahan dan memancing serta tandas awam dan surau.

Pada pandangan Audit, pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah merupakan satu cadangan yang baik dan menepati usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelancongan serta menggiatkan aktiviti ekonomi Negeri.

22.1.4 Kaedah Pengurusan Desa Perlombongan Bijih Timah

Mengikut kertas cadangan yang disediakan pada tahun 1999, satu Jawatankuasa Induk akan ditubuhkan bagi menggerakkan kerja penubuhan Desa Perlombongan Bijih Timah. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Kinta dan ahlinya terdiri daripada beberapa wakil daripada Pejabat Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan dan Agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Muzium Dan Antikuiti, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Muzium Negeri Perak, Persatuan Sejarah dan Jabatan Arkib Negara. Antara tanggungjawab Jawatankuasa Induk ialah seperti berikut:

- i) mengumpul bahan pameran berkaitan perlombongan yang dijangka akan lenyap sekiranya tidak dimulakan usaha memeliharanya; dan
- ii) mengkaji keperluan kewangan serta sumber yang boleh diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri serta sumbangan awam.

Khidmat Juruperunding akan diguna bagi melaksanakan pembinaan infrastruktur dan bangunan yang menjadi komponen Desa.

22.1.5 Komponen Dan Anggaran Kos

Anggaran kos pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah adalah berjumlah RM8.86 juta dan akan dilaksanakan dalam 2 fasa. Sehubungan itu, sejumlah RM8.90 juta telah dipohon oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk pelaksanaan projek ini semasa RMK8 (2001-2005). Jumlah permohonan adalah berdasarkan RM2 juta setiap tahun kecuali RM0.90 juta untuk tahun yang kelima. Komponen dan anggaran kos yang terlibat adalah seperti di **Jadual 14**. Bagaimanapun, bagi tahun 2001 hingga 2003 sejumlah RM1.6 juta sahaja yang dipohon oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta.

Jadual 14
Komponen Dan Anggaran Kos Desa Perlombongan

Bil.	Komponen	Anggaran Kos (RM)
1.	FASA 1 Kerja Awalan	109,000
2.	Kemudahan Infrastruktur Jalan masuk Trek jogging/basikal Lain-lain prasarana	399,000 33,399 63,690
3.	Komponen Muzium <ul style="list-style-type: none"> • Pusat pentadbiran • Tempat letak kereta Elemen Perlombongan <ul style="list-style-type: none"> • Cari gali • Melanda • Kapal korek (<i>dry dock, repaint & consultancy</i>) • Pencawang elektrik • Bayaran konsultansi 	2,250,000 850,000 10,000 10,000 1,820,000 40,000 50,000
4.	FASA 2 Elemen Perlombongan <ul style="list-style-type: none"> • Lombong bawah tanah/lokomotif • Lombong dedah (palong & peralatan) • Pam kelikir & palong • Rumah kongsi & 4 banglo • Loji pembilas • Peleburan • Pameran kegunaan tanah bekas lombong • Dewan terbuka pameran 	100,000 450,000 500,000 100,000 300,000 300,000 250,000 100,000
5.	(a) Kemudahan Lain <ul style="list-style-type: none"> • Gerai/Restoran • Pelantar bot / jeti • Surau (b) Landskap <ul style="list-style-type: none"> • Taman kanak-kanak • Kawasan perkhemahan (c) Wakaf/Tempat Memancing (d) Menara Pandang	500,000 100,000 50,000 200,000 160,000 100,000 20,000
Jumlah		8,865,089

Sumber: Fail Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta

Pada pendapat Audit, anggaran kos telah dirancang dengan memuaskan dan komponen Desa Perlombongan yang terbahagi kepada 2 fasa akan dapat menjadi daya tarikan pengunjung.

22.1.6 Kaedah Pelaksanaan

Bagi membina bangunan dan infrastruktur di tapak Desa Perlombongan Bijih Timah, Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta akan menetapkan kaedah pemilihan kontraktor dan pelantikan Juruperunding yang kemudiannya akan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk kelulusan.

i) Pelantikan Kontraktor

Sebelum pembinaan dilaksanakan, Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta akan mencadangkan kepada Pegawai Kewangan Negeri kaedah pelantikan kontraktor. Dua kaedah pelantikan akan digunakan iaitu secara tender terbuka atau tender terhad. Tender terhad hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri. Mengikut Arahan Perbendaharaan 170(b), keputusan tender akan dibuat oleh Lembaga Tender Negeri. Ahlinya terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri selaku pengerusi, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Pembangunan Negeri dan Pengarah Jabatan yang terlibat. Lembaga Tender Negeri akan memilih tawaran yang terbaik dari segi prestasi, harga tawaran, kestabilan kewangan kontraktor, kakitangan dan pengalaman kontraktor berkenaan. Surat tawaran kerja akan dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya.

ii) Pelantikan Juruperunding

Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta akan memohon kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk melantik Juruperunding yang akan mereka bentuk bangunan dan infrastruktur serta menyelia projek tersebut. Juruperunding akan dilantik sekiranya Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta tidak mempunyai

kepakaran untuk melaksanakannya. Kaedah pemilihan akan dibuat secara tender terhad. Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta akan mengemukakan beberapa nama syarikat Juruperunding kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk membuat pemilihan dan seterusnya tawaran kerja dikeluarkan kepada Juruperunding yang berjaya. Juruperunding adalah bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

Pada pandangan Audit, cadangan kaedah pelantikan kontraktor dan juruperunding adalah baik dan selaras dengan peraturan kewangan.

22.1.7 Keperluan Tenaga Kerja

Keperluan tenaga kerja yang dirancang adalah hanya untuk menguruskan Desa Perlombongan Bijih Timah setelah ia siap. Bilangan tenaga kerja yang diperlukan adalah 10 orang kakitangan iaitu satu Penolong Kurator, dua Pembantu Muzium, dua Pembantu Tadbir, dua Pembantu Am Rendah dan 3 Pekerja Rendah Am.

22.1.8 Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran Desa Perlombongan Bijih Timah tertumpu terhadap pelancong dari dalam dan luar negara sama ada yang datang secara persendirian ataupun melalui pakej yang disediakan oleh berbagai agensi pelancongan. Memandangkan Desa Perlombongan yang dibangunkan ini akan dijadikan sebuah pusat sumber ilmiah berkaitan perlombongan, jangkaan pengunjung adalah juga terdiri daripada para penyelidik dan pengkaji geologi dan sejarah, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

22.1.9 Pemasaran Dan Promosi

Setiap produk baru memerlukan pemasaran dan promosi yang meluas bagi memperkenalkannya kepada kumpulan sasaran. Walaupun Kertas Cadangan Penubuhan Desa Perlombongan Bijih Timah tidak menyatakan strategi tertentu dari aspek pemasaran dan promosi, Kerajaan Negeri ada merangka rancangan promosi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Perak seperti berikut:

- i) mengenal pasti beberapa agensi pelancongan yang bersesuaian untuk memasukkan destinasi ini dalam pakej pelancongan bagi pengunjung sekitar Ipoh, Lembah Kinta dan luar negeri;
- ii) memasukkan Desa Perlombongan Bijih Timah dalam acara dan kalendar pelancongan;
- iii) meningkatkan kemudahan kepada pelancong luar negara dan tempatan; dan
- iv) mengadakan rangkaian pakej pelancongan dengan melibatkan agensi pelancongan, pengusaha hotel dan pengangkutan pelancong serta pengusaha destinasi pelancongan yang lain.

Pada pendapat Audit, konsep pembangunan Desa Perlombongan ini adalah menarik. Ia memanfaatkan keindahan alam semula jadi serta sejarah kegemilangan Negeri Perak sebagai pengeluar bijih timah utama dunia suatu ketika dulu. Perancangan yang diatur merangkumi pembinaan muzium perlombongan yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan rekreasi lain bagi menarik pengunjung ke Desa ini. Sungguhpun begitu, perancangan yang dibuat tidak memberi penekanan terhadap tempoh projek, program penyelenggaraan serta aspek keselamatan kawasan muzium.

22.2 PELAKSANAAN

Pada awal tahun 1997, Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta telah menerima kapal korek daripada sebuah Syarikat Perlombongan untuk dijadikan sebahagian daripada komponen Desa Perlombongan Bijih Timah. Kapal korek ini telah dialihkan ke kawasan yang sesuai atas faktor keselamatan. Pengorekan dijalankan berhampiran tebing lombong bagi mewujudkan tapak labuhan untuk menempat dan menambat kapal korek yang telah

ditunda. Pada tahun 1999, Kertas Cadangan Penubuhan Desa Perlombongan Bijih Timah telah disediakan untuk dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, kelulusan terhadapnya belum diperolehi. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek ini mendapati perkara berikut:

22.2.1 Lokasi Penubuhan Desa Perlombongan Bijih Timah

Lokasi Desa terletak di kawasan bekas lombong seluas 57.53 hektar di Wilayah Cenderong, Mukim Tanjong Tualang, Daerah Kinta. Kedudukan tapak adalah di tepi jalan utama Batu Gajah ke Tanjong Tualang dan berada di laluan utama pelancong dari Ipoh ke Pasir Salak dan seterusnya ke Lumut. Pada tahun 2001, tapak Desa ini telah dirizabkan di bawah Seksyen 42(1)(b) Kanun Tanah Negara, Akta 56 Tahun 1965 untuk dijadikan sebagai Desa Perlombongan Bijih Timah dan diisytiharkan perizaban tersebut di bawah Seksyen 62(1) Akta yang sama. Perizaban tersebut akan diselenggarakan oleh Pegawai Daerah Kinta, Batu Gajah dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Pada pendapat Audit, lokasi dan tapak Desa adalah sesuai. Sungguhpun begitu, papan tanda dan tunjuk arah ke lokasi untuk kemudahan para pengunjung belum disediakan.

22.2.2 Peruntukan Kewangan

Daripada RM1.6 juta yang dipohon oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta untuk tahun 2001 hingga 2003, sejumlah RM1 juta telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri untuk pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah. Bagaimanapun, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah amat kurang iaitu hanya 11% daripada anggaran kos yang dipohon oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi RMK8 iaitu yang berjumlah RM8.90 juta. Daripada jumlah yang diluluskan tersebut, sejumlah RM0.92 juta telah dibelanjakan. Jumlah ini melibatkan kos penundaan kapal korek berjumlah RM0.21 juta dan kos pembinaan bangunan dan infrastruktur berjumlah RM0.71 juta

Pada pendapat Audit, peruntukan yang dipohon dan diluluskan pada setiap tahun perlu seimbang agar projek pembangunan Desa dapat disiapkan dengan sempurna dan mengikut jadual.

22.2.3 Pelantikan Juruperunding Dan Kontraktor

Desa Perlombongan Bijih Timah dilaksanakan melalui khidmat Juruperunding dan Kontraktor. Semakan Audit berkaitan pelantikannya adalah seperti berikut:

i) Pelantikan Kontraktor Penunda Kapal Korek

Kerja penundaan kapal korek ke tebing lombong telah dilaksanakan oleh satu Syarikat Perlombongan yang dilantik melalui rundingan terus. Kelulusan Pejabat Kewangan Negeri telah diperolehi terhadap pemilihan kontraktor secara rundingan terus kerana kerja menyelamatkan kapal korek perlu dilaksanakan segera bagi menyelamatkan kapal korek ini daripada tenggelam atau terbalik. Kerja penundaan kapal korek ini melibatkan perbelanjaan sejumlah RM0.21 juta yang terdiri daripada kerja mengukur kawasan, menyediakan jentera dan pelan tapak, mengorek dasar lombong, menunda kapal

korek, membina ban pasir dan bayaran insurans. Kerja penundaan telah diselesaikan pada hujung bulan Mei 2001.

Pada pendapat Audit, pelantikan Syarikat Perlombongan adalah bertepatan dengan kerja yang dilaksanakan yang memerlukan kepakaran.

ii) Pelantikan Juruperunding

Pemilihan Juruperunding dibuat secara tender terhad setelah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Sejumlah 5 syarikat Juruperunding yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri telah dipelawa untuk mengemukakan tawaran. Bagaimanapun, hanya satu syarikat milik Bumiputera sahaja yang telah mengemukakan tawaran. Jawatankuasa Tender telah bersidang pada bulan April 2001 dan bersetuju melantik syarikat berkenaan yang mengemukakan tawaran dengan harga RM64,500 iaitu 10% daripada kos projek serta 5% cukai perkhidmatan Kerajaan berjumlah RM3,225. Surat tawaran kepada Juruperunding tersebut telah dikeluarkan pada bulan Jun 2001. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati surat perjanjian antara Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta dengan Juruperunding telah ditandatangani pada bulan Disember tahun yang sama iaitu lewat hampir 6 bulan dari tarikh surat tawaran. Tanggungjawab Juruperunding adalah untuk memberi khidmat reka bentuk, ukur bahan, siasatan dan pengawasan terhadap pembinaan kerja kejuruteraan awam, struktur, kerja persediaan serta infrastruktur. Mengikut syarat perjanjian, semua arahan daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta kepada kontraktor adalah melalui Juruperunding atau wakilnya. Arahan ini dikehendaki dibuat secara bertulis atau melalui catatan semasa mesyuarat pengurusan tapak pembinaan atau pengurusan teknikal yang berkaitan. Tempoh khidmat Juruperunding adalah mengikut tempoh pembinaan dan penyiapan Desa Perlombongan Bijih Timah. Semakan Audit menunjukkan Juruperunding telah memberi khidmatnya

sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian seperti berikut:

- a) mereka bentuk, mengukur bahan dan menjalankan siasatan yang diperlukan.
- b) melawat tapak binaan dan memeriksa kerja binaan bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut pelan dan spesifikasi.
- c) mengadakan mesyuarat tapak dan perbincangan mengenai kemajuan kerja dan masalah teknikal dengan pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan dan pelantikan Juruperunding adalah teratur dan Juruperunding telah melaksanakan tanggungjawab dengan sewajarnya.

iii) Pelantikan Kontraktor

Pemilihan kontraktor bagi melaksanakan projek Desa Perlombongan Bijih Timah dibuat melalui tender terhad. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri telah diperolehi untuk pemilihan secara tender terhad di kalangan 6 Kontraktor Kelas D. Justifikasi pemilihan kontraktor secara tender terhad ini adalah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek, dan selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2000. Hanya 2 kontraktor telah mengemukakan tawaran sebutharga. Pada bulan November 2001 Jawatankuasa Penilaian Tender telah membuat pilihan terhadap 1 daripada 2 kontraktor tersebut berasaskan pematuhan kepada kriteria pemilihan seperti berikut:

- a) Penender menawarkan harga 6.6% lebih rendah daripada harga anggaran Jabatan berjumlah RM690,430.
- b) Harga penender adalah tawaran yang terendah.
- c) Tempoh siap kerja yang ditawarkan ialah selama 25 minggu iaitu 5 minggu lebih awal daripada anggaran Jabatan.

- d) Kontraktor menawarkan harga dan tempoh masa yang munasabah, merupakan kontraktor berpengalaman dalam kerja berkaitan.

Surat setuju terima telah ditandatangani pada bulan November 2001 dan surat perjanjian antara kontraktor dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta ditandatangani pada bulan Mei 2002. Nilai kontrak adalah berjumlah RM645,000. Tarikh milik tapak bina ialah pada awal bulan Disember 2001. Desa ini telah disiapkan dalam tempoh 25 minggu dari tarikh milik tapak iaitu pada akhir bulan Mei 2002. Semakan Audit menunjukkan notis perakuan siap kerja telah dikeluarkan pada tarikh tersebut iaitu dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, adalah didapati surat perjanjian telah ditandatangani lewat hampir 6 bulan dari tarikh Setuju Terima dan 5 hari sebelum tarikh ia siap.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan dan pelantikan kontraktor adalah teratur. Bagaimanapun, kelewatan menandatangani surat perjanjian mendedahkan Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta kepada risiko yang tidak diingini.

22.2.4 Prestasi Penubuhan Desa Perlombongan Bijih Timah

Pemeriksaan Audit terhadap prestasi projek Desa Perlombongan Bijih Timah setakat akhir tahun 2003 adalah seperti berikut:

i) Kemajuan Pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah

Projek pembinaan bangunan dan infrastruktur telah mula dilaksanakan pada bulan Disember 2001. Semua pembinaan seperti disyaratkan dalam kontrak telah disiapkan mengikut jadual pada bulan Mei 2002. Kos keseluruhan penyiapan pembinaan termasuk kos penundaan kapal korek adalah berjumlah RM0.92 juta seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Perbandingan Anggaran Kos Asal
Dengan Yang Dilaksana

Komponen	Anggaran Asal (RM Juta)	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)
Kerja-kerja awalan	0.11		0.21
Bilik pameran dan pejabat	0.10	1.00	0.65
Kantin	0.50		
Surau	0.05		
Pondok rehat	0.10		
Pondok pengawal	-		
Tandas awam	-		
Tempat letak kereta dan bas	0.85		
Jalan masuk	0.40		
Laluan pejalan kaki	-		
Bayaran konsultasi			
Jumlah	2.11	1.00	0.92

Sumber: Fail Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta

Analisis Audit mendapati sehingga akhir tahun 2003, kemajuan pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah adalah perlahan. Ini adalah kerana hanya RM1 juta yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri untuk pembangunan Desa ini bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah amat berkurangan berbanding jumlah RM8.90 juta yang dipohon bagi tempoh RMK8. Walaupun tempoh RMK8 akan tamat pada tahun 2005, hanya 11% sahaja kos pembangunan telah dibelanjakan. Selain itu, komponen muzium dan kemudahan lain yang dianggarkan memerlukan perbelanjaan berjumlah RM6.75 juta masih belum dilaksanakan. Butiran komponen yang belum dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 16**

Jadual 16
Komponen Desa Perlombongan Bijih Timah
Yang Belum Dilaksanakan

Komponen	Anggaran Asal (RM Juta)
Komponen Muzium:	
Pusat pentadbiran	2.25
Elemen perlombongan	0.12
Lombong dedah	0.45
Baik pulih kapal korek	1.82
Rumah kongsi dan banglo	0.10
Loji pembilas	0.30
Peleburan	0.30
Pameran kegunaan tanah bekas lombong	0.25
Dewan terbuka pameran tinggalan	0.10
Komponen Kemudahan Lain	
Restoran	0.50
Pelantar bot dan jeti	0.10
Taman kanak-kanak, kawasan perkhemahan dan menara pandang	0.36
Wakaf tempat memancing	0.10
Jumlah	6.75

Sumber: Fail Pejabat Daerah Dan Tanah Kita

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ini tidak mengikut perancangan asal disebabkan peruntukan yang dipohon dan diluluskan untuk tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah amat kurang.

ii) Status Desa Perlombongan Bijih Timah Masa Kini

Lawatan Audit ke tapak Desa pada bulan Januari 2004 mendapati bangunan dan infrastruktur telah dibina dengan memuaskan. Bagaimanapun, Desa Perlombongan Bijih Timah yang telah disiapkan ini masih belum dibuka kepada orang ramai. Kelewatan memutuskan pihak mana yang akan menguruskannya telah mengakibatkan hal penyelenggaraan dan keselamatan tapak Desa ini terabai. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a)** Walaupun bangunan telah siap dibina tetapi bilik pameran masih kosong. Selain itu, mengikut laporan polis, satu

kecurian telah berlaku pada awal tahun 2003 di mana cermin tingkap telah dipecahkan dan ada barangan yang dicuri. Barangan yang dilaporkan hilang terdiri daripada 4 buah kipas siling, dua buah kipas dinding serta sebuah alat penghawa dingin. **Foto 1** menunjukkan Bilik Pameran yang kosong.

Foto 1
Bilik Pameran Yang Kosong



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 13 Januari 2004

- b)** Tandas awam dan surau tidak mempunyai bekalan air dan kepala paip telah hilang.
- c)** Kawasan persekitaran Desa Perlombongan Bijih Timah dipenuhi tumbuhan liar yang mencacatkan pandangan seperti **Foto 2**.

Foto 2
Persekitaran Kapal Korek Dipenuhi
Tumbuhan Liar



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 13 Januari 2004

- d)** Bekalan elektrik di kawasan kapal korek telah diputuskan. Menurut pegawai keselamatan yang bertugas, keadaan yang gelap dan terpencil menjadi tarikan kepada pengunjung yang tidak diundang seperti penagih dadah walaupun ada rondaan pegawai keselamatan dan pihak polis di kawasan tersebut.

Pada pandangan Audit, infrastruktur di Desa Perlombongan Bijih Timah tidak diselenggara dengan baik kerana tiada perancangan awal terhadap pihak mana yang akan dilantik bagi mengambil alih dan bertanggungjawab untuk menguruskan infrastruktur, bangunan dan kemudahan yang telah siap. Akibatnya telah berlaku pencerobohan dan kecurian di kawasan tersebut yang memerlukan perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan pengawal keselamatan dan membaiki bangunan yang rosak.

22.2.5 Pengurusan Desa Perlombongan Bijih Timah

Berdasarkan kertas cadangan yang disediakan pada tahun 1999, Jawatankuasa Induk untuk pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan

oleh Pegawai Daerah Kinta dan ahlinya terdiri daripada wakil dari Pejabat Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri serta Jabatan dan Agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Muzium Dan Antikuiti, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Muzium Negeri Perak, Persatuan Sejarah dan Jabatan Arkib Negara. Jawatankuasa ini telah bersidang pada awal tahun 2001. Mesyuarat tersebut bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal bagi melaksanakan Desa yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Kinta, Batu Gajah. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Jawatankuasa Teknikal tersebut telah ditubuhkan kerana dokumen yang berkaitan tidak diperolehi. Bagaimanapun, adalah didapati Bahagian Pembangunan yang diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah telah melaksanakan tugas memohon peruntukan kewangan daripada Pejabat Kewangan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri, menguruskan proses tender dan pemilihan kontraktor serta memantau kemajuan pembinaan bangunan, infrastruktur dan kemudahan lain di tapak Desa Perlombongan Bijih Timah. Untuk menguruskan bangunan dan infrastruktur yang telah siap dibina, satu kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah disediakan oleh Pegawai Daerah Kinta untuk memohon pertimbangan kelulusan Majlis Mesyuarat supaya pengurusan dan penjagaan Desa Perlombongan Bijih Timah diserahkan kepada salah satu pihak berkuasa berikut:

i) Lembaga Muzium Negeri Perak

Pihak ini mempunyai kakitangan yang terlatih dan berkemahiran untuk merancang dan membangunkan Desa Perlombongan Bijih Timah sebagai sebuah muzium serta mengawal dan memajukannya.

ii) Majlis Daerah Kinta Barat

Lokasi Desa Perlombongan Bijih Timah adalah di dalam kawalan Majlis yang mempunyai pengalaman menswastakan

sebuah destinasi pelancongan iaitu Kellie's Castle. Selain itu, Majlis Daerah Kinta Barat dijangka berupaya menjaga kawasan dari segi keselamatan, kebersihan serta mengendali dan memajukannya secara usaha sama dengan pihak lain yang berminat mengikut keperluan semasa yang boleh mendatangkan keuntungan. Desa ini juga telah menarik minat beberapa syarikat untuk mengurus dan menyelenggarakannya melalui kaedah penswastaaan.

Pada pendapat Audit, langkah melantik Agensi Negeri hendaklah diputuskan dengan segera supaya Desa ini dapat dibuka dan diuruskan dengan baik.

22.2.6 Pemasaran dan Promosi

Walaupun Desa Perlombongan Bijih Timah ini belum dibuka dengan rasminya kepada orang ramai dan tiada promosi dijalankan, mengikut Pengawal Keselamatan yang ditugaskan di kawasan berkenaan ada pelancong tempatan dan luar negeri serta penyelidik yang mengunjungi tempat ini. Semakan Audit terhadap fail yang berkaitan juga menunjukkan ada permintaan daripada syarikat perfileman dan stesen televisyen untuk penggambaran filem, rancangan televisyen serta permohonan lawatan dari agensi pelancongan, pusat pengajian tinggi dari dalam dan luar negeri serta pelajar sekolah. Sungguhpun begitu, maklumat atau risalah bagi tujuan promosi dan pemasaran belum disediakan.

Pada pandangan Audit, Desa Perlombongan Bijih Timah ini perlu segera dibuka secara rasmi kepada orang awam bagi mengelak ia terbiar dan memastikan matlamat penubuhannya sebagai sebuah destinasi pelancongan tercapai. Promosi dan pemasaran hendaklah dipergiatkan untuk menyampaikan maklumat yang betul dan tepat kepada para pengunjung.

Pada pandangan Audit, projek Desa Perlombongan Bijih Timah tidak dilaksana dengan memuaskan. Kemajuan pembangunannya adalah perlahan dan tidak mengikut perancangan asal yang disediakan. Selain itu kelewatan mempertanggungjawabkan pihak untuk mengurus infrastruktur, bangunan dan kemudahan yang dibina menyebabkan ia tidak diselenggara dengan baik dan memerlukan kos tambahan untuk baik pulih kerosakan serta penjagaan keselamatan.

22.3 PEMANTAUAN

Kejayaan sesuatu projek bergantung kepada sejauh mana pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak yang berkepentingan. Pemantauan yang bersistematik dan berkesan menjamin kejayaan projek berkenaan. Pemantauan untuk Desa ini dilaksanakan oleh 3 pihak iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta serta Juruperunding. Kaedah yang dilaksanakan adalah melalui pembentangan laporan bulanan, mesyuarat dan lawatan tapak. Juruperunding bertanggungjawab mengawasi kerja pembinaan struktur bangunan. Semakan Audit terhadap fail projek menunjukkan mesyuarat tapak dan mesyuarat teknikal berkaitan projek telah diadakan dari semasa ke semasa bagi mengawasi kemajuan projek. Lawatan tapak juga telah dilakukan oleh Juruperunding dan Juruteknik dari Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pembinaan bangunan dan infrastruktur di tapak Desa Perlombongan Bijih Timah oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta serta Juruperunding adalah memuaskan. Bagaimanapun, penglibatan Unit Perancang Ekonomi Negeri sebagai pihak penyelaras peruntukan pembangunan adalah di peringkat perancangan sahaja. Pemantauan selepas pembinaan tidak dilaksana dengan memuaskan kerana pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskannya belum diputuskan.

23. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah merupakan satu projek yang menarik untuk dilaksanakan. Berbekalkan keindahan alam semula jadi dan warisan sejarah perlombongan Negeri Perak yang gemilang suatu masa dahulu menjadikannya begitu sesuai untuk dijadikan tarikan pelancongan. Satu perancangan yang baik telah disediakan terhadap penubuhan Desa Perlombongan Bijih Timah sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat maklumat sejarah perlombongan. Bagaimanapun, pelaksanaannya tidak mengikut sebagaimana dirancang dan hanya melibatkan perbelanjaan berjumlah RM0.92 juta iaitu 10% daripada anggaran kos projek berjumlah RM8.9 juta.

Pembinaan infrastruktur dan kemudahan di Desa Perlombongan Bijih Timah telah siap pada bulan Mei tahun 2002. Sungguhpun begitu, pelantikan pihak yang perlu dipertanggungjawab untuk menguruskannya masih belum diputuskan. Keadaan ini menunjukkan setiap pihak yang dipertanggungjawab untuk menyalurkan sumber kewangan, menyelaras perancangan dan melaksanakan pembangunan Desa Perlombongan Bijih Timah tidak memberi komitmen sepenuhnya untuk menjadikannya sebagai sebuah destinasi pelancongan. Usaha untuk membangunkannya perlu diteruskan supaya ia tidak terbengkalai begitu sahaja.

JABATAN KERJA RAYA

PROJEK PEMBINAAN JALAN BARU DI BANDAR BARU SERI ISKANDAR

24. LATAR BELAKANG

Projek pembinaan jalan baru adalah dilaksanakan setiap tahun mengikut keperluan dan kepentingan persekitarannya. Pembinaan jalan baru ini bertujuan untuk membangunkan kawasan dan ekonomi penduduk tempatan, memberi kemudahan perhubungan dan pengangkutan di sepanjang jalan yang direntasi serta mengatasi kesesakan lalu lintas. Pada tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membina 17 jalan baru dengan kos berjumlah RM57.84 juta. Dua jalan utama yang dibina pada tempoh tersebut adalah jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit dan Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar. Perbelanjaan pembinaan 2 jalan ini sahaja berjumlah RM34.71 juta atau 60% daripada keseluruhan perbelanjaan. Pelaksanaan projek ini melibatkan JKR Perak Tengah Seri Iskandar, Pejabat Daerah Dan Tanah, kontraktor dan Juruperunding yang dilantik. JKR Perak Tengah Seri Iskandar bertanggungjawab sepenuhnya bagi mengawasi pelaksanaan kerja oleh kontraktor dan mengesahkan pembinaan jalan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

25. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Audit adalah untuk menentukan sama ada pembinaan kedua jalan baru tersebut telah dilaksanakan dengan cekap dan berekonomi serta mematuhi garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

26. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pembinaan jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit dan Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pemilihan kedua jalan ini untuk dikaji secara mendalam adalah kerana pembinaannya melibatkan

perbelanjaan yang besar iaitu 60% daripada keseluruhan perbelanjaan pembinaan jalan baru bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 yang berjumlah RM57.84 juta. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail kontrak, lukisan pelan, dokumen kontrak, minit mesyuarat tapak, minit mesyuarat teknikal, fail ujian bahan dan borang permohonan melakukan kerja di Pejabat JKR Perak Tengah Seri Iskandar. Lawatan Audit ke tapak pembinaan telah dibuat untuk meneliti prestasi fizikal projek. Selain itu, perbincangan juga telah diadakan dengan pihak JKR Bahagian Jalan Ibu Pejabat dan JKR Perak Tengah serta Juruperunding untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan yang diperlukan.

27. PENEMUAN AUDIT

27.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti akan dapat memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan baik dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Kelemahan perancangan pula akan menyebabkan berlakunya kerugian atau pembaziran sesuatu projek dan akan menjejaskan pencapaian matlamatnya. Pihak Audit telah meneliti aspek perancangan seperti berikut:

27.1.1 Rancangan Induk Pembinaan Jalan Baru

Sebelum perancangan pembinaan jalan baru diluluskan, JKR ada menyediakan Rancangan Induk untuk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri. Rancangan Induk pembinaan jalan baru perlu disediakan untuk menyelaraskan dengan pembangunan industri dan ekonomi Negeri. Semakan Audit mendapati pembinaan jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit dan Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar ada dimasukkan dalam Rancangan Induk tersebut. Kriteria yang digunakan oleh JKR untuk pembinaan kedua jalan baru ini adalah pembangunan kawasan, sistem perhubungan yang lebih baik dan pemasaran produk. Pembinaan jalan baru akan dikaji semula mengikut keutamaan semasa membuat perancangan tahunan. Rancangan Induk ini akan dijadikan asas bagi JKR memohon peruntukan kewangan.

27.1.2 Keperluan Kewangan

Pelaksanaan projek jalan baru memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Pada bulan Oktober setiap tahun, Bahagian Jalan Ibu Pejabat JKR akan menyediakan satu penyatuan cadangan projek jalan dari setiap daerah dan seterusnya membuat permohonan peruntukan kepada Pejabat Kewangan Negeri. Pemeriksaan Audit mendapati peruntukan yang dipohon bagi 2 jalan yang dikaji untuk tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah berjumlah RM38.98 juta. Butiran lanjut anggaran peruntukan 2 jalan berkenaan bagi tempoh 3 tahun seperti di **Jadual 17** :

Jadual 17
Permohonan Peruntukan Projek Jalan
Bagi Tempoh Tahun 2001 hingga 2003

Bil	Nama Projek Jalan	Permohonan Peruntukan (RM Juta)		
		2001	2002	2003
1.	Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar	0.33	5.13	12.16
2.	Jalan Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit	10.29	7.24	3.83
Jumlah		10.62	12.37	15.99

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

27.1.3 Pengambilan Balik Tanah

Bagi projek pembinaan jalan baru yang melibatkan pengambilan balik tanah, JKR akan memohon terus kepada Pejabat Daerah Dan Tanah berkenaan sebelum dikemukakan ke Pejabat Tanah Dan Galian untuk memulakan proses pengambilan balik tanah. Jumlah pampasan yang perlu dibayar akan ditentukan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah. JKR perlu membayar pampasan yang telah diluluskan kepada penerima pampasan melalui Pejabat Daerah Dan Tanah. Semakan Audit mendapati pembayaran pampasan telah diambil kira dalam cadangan projek jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit dan Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar.

27.1.4 Kajian Tanah

Sebelum pembinaan jalan dimulakan, JKR akan melantik kontraktor kerja ujikaji tanah untuk melakukan kajian tanah di sepanjang laluan. Kajian tanah adalah penting bagi memastikan jalan yang akan dibina adalah selamat. Sekiranya ujian tanah mendapati struktur tanah di laluan tidak begitu kukuh maka kontraktor akan membuat laporan mencadangkan supaya mencari alternatif mengukuhkan tanah tersebut.

27.1.5 Ujian Bahan Binaan

Untuk membina jalan, kekukuhan jalan dan keselamatan pengguna adalah diutamakan. Oleh itu, semua bahan binaan yang akan digunakan perlu menjalani ujian tertentu bagi mencapai piawaian yang telah ditetapkan oleh JKR. Mesin ujian pula mestilah yang telah diiktiraf. Setiap lapisan jalan perlu melalui ujian mampatan sebelum lapisan berikutnya boleh diteruskan. Selain itu, *core test* pula akan dilaksanakan untuk menentukan kekukuhan jalan dan pembinaanya adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

27.1.6 Kaedah Pelaksanaan

Bagi setiap jalan baru yang akan dilaksanakan, JKR akan menetapkan kaedah pemilihan kontraktor dan pelantikan Juruperunding yang kemudiannya akan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk kelulusan.

i) Pemilihan Kontraktor

Sebelum pembinaan jalan baru dibuat, JKR akan mencadangkan kepada Pegawai Kewangan Negeri kaedah pemilihan kontraktor. Dua kaedah pemilihan akan digunakan iaitu secara tender terbuka atau tender terhad. Tender terhad hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri. Mengikut Arahan Perbendaharaan 170(b), keputusan tender akan dibuat oleh Lembaga Tender Negeri. Ahlinya terdiri daripada Setiausaha

Kerajaan Negeri selaku pengerusi, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Pembangunan Negeri dan Pengarah Jabatan yang terlibat. Lembaga Tender Negeri akan memilih tawaran yang terbaik dari segi prestasi, harga tawaran, kestabilan kewangan kontraktor, kakitangan dan pengalaman kontraktor berkenaan. Surat tawaran kerja akan dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya.

ii) Pemilihan Juruperunding

JKR akan memohon kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk melantik Juruperunding yang akan mereka bentuk jalan dan menyelia projek jalan tersebut. Juruperunding akan dilantik sekiranya JKR tidak mempunyai kepakaran tertentu. Kaedah pemilihan akan dibuat secara tender terhad. JKR akan mengemukakan beberapa nama syarikat Juruperunding kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk pertimbangan Lembaga Tender Negeri. Lembaga Tender Negeri akan membuat pemilihan dan seterusnya tawaran kerja dikeluarkan kepada Juruperunding yang berjaya. Juruperunding adalah bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

27.1.7 Guna Tenaga

Bagi melaksanakan pembinaan jalan baru, kepakaran dan keperluan guna tenaga juga amat diperlukan. Pengarah JKR Negeri selaku Pegawai Penguasa berkuasa penuh memberi arahan dan membuat sebarang keputusan. Di peringkat daerah, kuasa ini telah diberikan kepada Jurutera Daerah sebagai Wakil Pegawai Penguasa. Bahagian Jalan JKR Perak Tengah Seri Iskandar diketuai oleh Jurutera Daerah dan dibantu oleh Jurutera Jalan, Pembantu Juruteknik Kanan dan 7 orang Juruteknik yang terlibat secara terus dengan kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan Persekutuan dan Negeri. Bahagian ini juga diperkukuhkan lagi dengan 63 orang pekerja rendah awam bagi

memastikan penyelenggaraan jalan dilaksanakan dengan memuaskan.

Pada pandangan Audit, JKR telah membuat perancangan yang teratur terhadap 2 projek pembinaan jalan baru ini.

27.2 PELAKSANAAN

Kecekapan dalam melaksanakan sesuatu projek akan dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat yang ditetapkan. Pembinaan setiap projek jalan baru bermula selepas dokumen kontrak ditandatangani dan penyerahan tapak. Semua kerja profesional seperti lukisan pelan, reka bentuk dan kerja lain telah dilaksanakan terus oleh kontraktor. JKR yang bertindak sebagai penyelia akan memberi khidmat nasihat demi menjaga kepentingan Kerajaan dan pengguna semasa pembinaan setiap projek jalan baru .

27.2.1 Peruntukan Kewangan

Daripada sejumlah RM38.98 juta yang dipohon untuk tempoh tahun 2001 hingga 2003, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM34.71 juta untuk membiayai projek jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit dan Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar. Butiran peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2001 hingga 2003 seperti di **Jadual 18** .

Jadual 18
Peruntukan Yang Diluluskan

Bil	Nama Projek Jalan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)		
		2001	2002	2003
1.	Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar	0.33	4.12	12.16
2.	Jalan Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit	9.98	6.74	1.38
Jumlah		10.31	10.86	13.54

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

Pada pandangan Audit, peruntukan yang diluluskan untuk 2 projek jalan ini adalah munasabah dan mencukupi bagi tujuan pembinaan 2 jalan.

27.2.2 Pengambilan Balik Tanah

Pemeriksaan Audit terhadap 2 projek jalan ini mendapati projek jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit sahaja yang melibatkan pengambilan balik tanah. Pampasan sejumlah RM1.64 juta telah dibayar kepada penduduk setempat. Setelah penilaian pampasan dibuat oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Perak Tengah, JKR menyediakan baucar bayaran untuk pengeluaran cek oleh Pejabat Kewangan Negeri kepada pemilik tanah terlibat. Bayaran pampasan bagi pengambilan balik tanah ini telah dibuat melalui Pejabat Daerah Dan Tanah Perak Tengah.

Pada pandangan Audit, JKR telah menguruskan pengambilan balik tanah dengan baik dengan kerjasama Pejabat Daerah Dan Tanah Perak Tengah.

27.2.3 Kajian Tanah

Kajian tanah merupakan satu keperluan sebelum pembinaan jalan dilaksanakan bagi menentukan bentuk pembinaan jalan yang selamat digunakan. Bagi pembinaan Jalan Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit, JKR telah menandatangani perjanjian dengan kontraktor kerja uji kaji tanah pada bulan Ogos tahun

1991. Mengikut surat setuju terima tender, kontraktor ini perlu menyiapkan kajian tanah ini selama 8 minggu dari tarikh miliki tapak pada bulan September 1991. Sejumlah RM92,158 telah dibelanjakan untuk tujuan kajian tanah. Projek pembinaan jalan hanya mula dilaksanakan pada bulan Julai 2000. Ini bermakna kajian tanah telah dilaksanakan 8 tahun lebih awal. Bagi Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar pula, JKR telah melantik Kumpulan IKRAM pada bulan Julai 2001 untuk melaksanakan kajian tanah sepertimana perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kumpulan IKRAM semasa Kumpulan IKRAM diswastakan. Sejumlah RM40,328 telah dibelanjakan untuk tujuan ini. Projek pembinaan Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar telah dimulakan pelaksanaannya pada bulan Julai 2002, satu tahun selepas kajian tanah dilaksanakan.

Pada pandangan Audit, JKR telah melaksanakan kajian tanah yang merupakan keperluan untuk pembinaan jalan tetapi jarak masa antara kajian tanah dan pembinaan jalan perlulah munasabah.

27.2.4 Pelantikan Kontraktor

Semakan Audit mendapati pemilihan kontraktor bagi pembinaan Jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit dan Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar dibuat secara tender terhad setelah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Pemilihan kontraktor berasaskan kaedah tender terhad dipilih kerana ia dapat menjimatkan masa memproses permohonan tender yang diterima berbanding sekiranya dibuat tender terbuka. Kontraktor yang disyorkan oleh JKR telah diteliti oleh Lembaga Tender Negeri dari semua aspek terutama prestasi kerja, kedudukan kewangan, kakitangan dan pengalaman serta peralatan yang dimiliki oleh kontraktor untuk melaksanakan projek.

i) Jalan Bandar Baru Seri Iskandar Ke Pekan Parit

Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan permohonan JKR pada bulan Jun tahun 2000 untuk menggunakan tender terhad untuk pemilihan kontraktor bagi melaksanakan projek jalan ini. JKR telah mengemukakan 6 syarikat Bumiputera Kelas A untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tender Negeri. Pada bulan Jun 2000 Lembaga Tender Negeri telah memilih satu syarikat Bumiputera untuk melaksanakan projek jalan ini dengan kos RM18.50 juta dan tempoh siap kerja selama 104 minggu. Semakan Audit mendapati syarikat yang dipilih telah memenuhi kriteria seperti prestasi kerja yang memuaskan, kewangan yang kukuh, kakitangan dan peralatan yang mencukupi.

ii) Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar

Pemilihan kontraktor bagi pembinaan jalan ini secara tender terhad telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada bulan Jun 2002. JKR telah mengemukakan 19 syarikat Bumiputera Kelas A untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tender Negeri. Pada bulan Jun 2000 Lembaga Tender Negeri telah memilih satu syarikat Bumiputera untuk melaksanakan projek jalan ini dengan kos RM17.81 juta dan tempoh siap kerja selama 52 minggu. Semakan Audit mendapati syarikat yang dipilih telah memenuhi kriteria seperti prestasi kerja yang memuaskan, kewangan yang kukuh, kakitangan dan peralatan yang mencukupi.

Pada pandangan Audit, pelantikan kontraktor secara tender terhad setelah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri dan diputuskan oleh Lembaga Tender Negeri adalah selaras dengan prosedur yang ditetapkan.

27.2.5 Pelantikan Juruperunding

Pelantikan Juruperunding hanya dibuat bagi projek Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar, sementara projek

Jalan Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit diselihkan oleh JKR Perak Tengah Seri Iskandar. Projek Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar menggunakan khidmat Juruperunding kerana kekosongan jawatan Jurutera Jalan di JKR setelah pegawai berkenaan telah memilih persaraan awal. Juruperunding yang dilantik secara langsung menjadi wakil Pegawai Penguasa Kedua yang menyelia projek jalan. Kaedah pemilihan Juruperunding juga telah dilakukan secara tender terhad. JKR telah mengemukakan 15 syarikat Juruperunding yang mempunyai kepakaran kepada Lembaga Tender Negeri untuk dibuat pemilihan. Pada bulan Jun 2001, Lembaga Tender Negeri telah memilih satu syarikat Juruperunding selaku wakil Pegawai Penguasa Kedua untuk menyelia projek jalan ini. Semakan Audit mendapati Juruperunding yang dilantik mempunyai kepakaran jalan dan struktur yang menjadi asas pembinaan jalan. Selain daripada itu, Juruperunding ini juga dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap projek jalan ini kerana tidak mendapat lain kontrak pada waktu yang sama.

Pada pandangan Audit, asas pemilihan juruperunding kerana ketiadaan pegawai JKR adalah tidak munasabah. Tindakan boleh diambil untuk menempatkan pegawai dari pejabat JKR daerah yang lain menjalankan tanggungjawab ini.

27.2.6 Perjanjian Kontrak

Pemeriksaan Audit mendapati perjanjian kontrak telah diikat bagi pembinaan kedua jalan berkenaan.

i) Jalan Bandar Baru Seri Iskandar Ke Pekan Parit

Perjanjian bagi menyiapkan projek jalan ini sepanjang 14.5 km telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan syarikat pada bulan Julai tahun 2000 dengan harga RM18.50 juta dan tempoh siap selama 104 minggu dari tarikh pemilikan tapak. Mengikut perjanjian, tempoh tanggungan kecacatan pula selama 12 bulan dari tarikh siap kerja sementara denda ganti

rugi kelewatan menyiapkan projek telah ditetapkan sejumlah RM3,700 sehari. Bagi menunaikan syarat perjanjian, syarikat (kontraktor) telah menyediakan bon pelaksanaan 5% dari harga kontrak bagi tempoh bulan Julai 2000 hingga Jun 2004 beserta insurans kerja, insurans tanggungan awam dan juga caruman PERKESO untuk pekerjaanya. Perjanjian juga menggariskan tanggungjawab kontraktor seperti menggunakan bahan yang dinyatakan dalam *Bill of Quantities*, mematuhi arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya, membuat ujian bahan dan kos pembaikan perlu ditanggung oleh kontraktor sekiranya dilakukan dalam tempoh kecacatan.

ii) Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar

Perjanjian projek jalan sepanjang 9.54 km ini telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan syarikat pada bulan Julai tahun 2002 dengan harga kontrak sejumlah RM17.81 juta dan tempoh penyiapan selama 52 minggu dari tarikh pemilikan tapak. Mengikut perjanjian, denda ganti rugi kelewatan penyiapan jalan telah ditetapkan sejumlah RM3,116 sehari manakala tempoh tanggungan kecacatan adalah selama 12 bulan dari tarikh siap kerja. Syarikat telah menyediakan bon pelaksanaan 5% dari harga kontrak bagi tempoh bulan Julai 2002 hingga Julai 2005 beserta insurans kerja, insurans tanggungan awam dan juga caruman PERKESO untuk pekerjaanya. Perjanjian juga menyatakan tanggungjawab kontraktor seperti menggunakan bahan yang dinyatakan dalam *Bill of Quantities*, mematuhi arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya, membuat ujian bahan dan kos pembaikan perlu ditanggung oleh kontraktor sekiranya dilakukan dalam tempoh kecacatan.

Pada pandangan Audit, perjanjian yang disediakan adalah memuaskan dan melindungi kepentingan Kerajaan.

27.2.7 Guna Tenaga

Bahagian Jalan Ibu Pejabat JKR bertindak sebagai penyelarass kepada kemajuan projek jalan yang dilaksanakan oleh JKR Daerah. Bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah dengan dibantu oleh 3 orang Jurutera Jalan, Pembantu Teknik Kanan dan Pembantu Teknik. Bahagian Jalan JKR Perak Tengah Seri Iskandar pula diketuai oleh Jurutera Daerah dibantu oleh Jurutera Jalan, Pembantu Teknik Kanan, tujuh orang Juruteknik dan 63 orang pekerja rendah awam. Bagaimanapun, jawatan Jurutera Jalan telah kosong mulai bulan April 2003 dan kekosongan ini ditanggung oleh Juruteknik Kanan. Tenaga kerja bahagian ini terlibat menyelia pembinaan dan penyelenggaraan jalan Negeri. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 hanya satu jalan dibina di bawah peruntukan Persekutuan iaitu Jalan Bota Kanan/Kg.Gajah Road ST 109 dan 2 jalan Negeri yang dikaji oleh Jabatan Audit Negara.

Pada pandangan Audit, guna tenaga adalah mencukupi serta dapat mengimbangi kerja yang sedia ada.

27.2.8 Prestasi Projek

Prestasi sesuatu projek diukur sama ada secara fizikal seperti tempoh siap dan pematuhan kepada spesifikasi atau melalui perbandingan kos sebenar projek berbanding kos asal. Sekiranya kerja tidak dapat disiapkan seperti dalam perjanjian kontrak, lanjutan masa perlu dipohon daripada Pegawai Penguasa untuk kelulusan.

i) Jalan Lingkaran Dalam Bandar Baru Seri Iskandar

Projek bernilai RM17.80 juta dengan panjang jalannya 9.54 km ini mula dilaksanakan pada bulan Julai 2002. Projek ini dibahagikan kepada 7 kawasan iaitu Jalan A hingga Jalan G dan menggunakan Juruperunding dari sebuah syarikat yang dilantik. Juruperunding tersebut bertanggungjawab menyediakan siasatan tapak, mereka bentuk jalan serta

mengawasi kerja yang dilakukan oleh pihak kontraktor. Setelah siap, jalan ini kelak akan memudahkan perhubungan antara utara dan selatan Bandar Baru Seri Iskandar. Selain menyediakan penyambungan jalan ke Pekan Parit, ia turut memajukan kawasan di sekitar yang dikelilingi dengan pejabat dan agensi Kerajaan. Pemeriksaan Audit terhadap fail projek dan lawatan ke tapak mendapati perkara berikut:

a) Tempoh Siap Kerja

Berdasarkan kepada perjanjian kontrak, projek ini sepatutnya disiapkan pada bulan Julai 2003. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2003, projek ini masih dalam pembinaan. Kontraktor terbabit telah berusaha untuk menyiapkan projek berkenaan. Ini berdasarkan kepada siri perbincangan yang telah dibuat melalui mesyuarat tapak dan teknikal pada setiap bulan. Projek jalan ini tidak dapat disiapkan walaupun telah diberi lanjutan masa yang kedua. Kelewatan adalah disebabkan kerja pengalihan batu besar di laluan jalan yang tidak dapat dikesan lebih awal. Selain itu, ketiadaan Jurutera /Juruteknik kontraktor di tapak projek telah menyukarkan Juruperunding untuk memberi arahan kerja yang berkaitan dengan projek dan seterusnya menjejaskan kelancaran penyediaan kerja. Tindakan telah pun diambil oleh Juruperunding dengan mengeluarkan 3 surat amaran kepada kontraktor terbabit. Bagaimanapun denda lewat tidak dikenakan terhadap kontraktor kerana Pegawai Penguasa telah meluluskan lanjutan masa setelah berpuashati dengan alasan kontraktor.

Pada pandangan Audit, Juruperunding atau wakil Pegawai Penguasa perlu bertindak tegas untuk memastikan Jurutera/Juruteknik kontraktor sentiasa berada di tapak projek bagi memastikan kerja berjalan lancar.

b) Sistem Saliran Jalan Tersumbat

Pemeriksaan Audit yang dilakukan di cerun bukit Jalan A CH150 mendapati saliran jalan yang mengandungi *interceptor drain*, *bench drain* dan *road side drain* hampir kesemuanya tersumbat dan ditumbuhi dengan rumput panjang. *Bench drain* menjadi tidak berkesan apabila tersumbat kerana air akan melimpah sepanjang cerun menyebabkan berlaku hakisan sekiranya hujan. Pihak kontraktor sepatutnya memastikan longkang ini tidak tersumbat selepas siap sehinggalah tamat tempoh kecacatan. **Foto 3** menunjukkan *bench drain* yang tersumbat dan ditumbuhi rumput.

Foto 3
***Bench Drain* Tersumbat Dan
Ditumbuhi Rumput Di Jalan A CH 150**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Disember 2003

Pada pandangan Audit, JKR atau Juruperunding perlu memastikan *interceptor drain* dan *bench drain* tidak tersumbat sepanjang masa walaupun penyerahan projek belum dilaksanakan. Teguran pembinaan

interceptor drain dan *bench drain* supaya air dapat mengalir dengan lancar seterusnya mengurangkan hakisan cerun.

c) Pengesahan Spesifikasi

Semasa lawatan Audit ke tapak, ukuran lebar jalan, garisan putih, *guard rail*, *interceptor drain*, *bench drain*, *roadside drain*, *median curb* dan *median drain* telah dilakukan dan adalah didapati ianya mengikut spesifikasi. **Foto 4** menunjukkan pegawai Audit sedang mengukur lebar jalan untuk dibandingkan dengan spesifikasi sebenar.

Foto 4

**Kerja Mengukur Lebar Jalan
Di Jalan A CH 150**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Disember 2003

Pada pandangan Audit, JKR dan Juruperunding telah memastikan kontraktor membina jalan mengikut spesifikasi.

d) Kos Projek

Kos asal projek jalan ini sejumlah RM17.80 juta tetapi sehingga akhir bulan Disember 2003, jalan ini masih dalam pelaksanaan. Bagaimanapun, rekod perbelanjaan

sehingga akhir bulan Disember 2003 menunjukkan sejumlah RM16.61 juta telah dibelanjakan dan jumlah ini masih di bawah kos kontrak.

Pada pandangan Audit, JKR Perak Tengah Seri Iskandar telah menggunakan peruntukan yang diterima dengan optimum.

ii) Jalan Bandar Baru Seri Iskandar Ke Pekan Parit

Projek jalan sepanjang 14.5 km yang bernilai RM19.67 juta ini mula dilaksanakan pada bulan Julai 2000. Projek jalan ini telah dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu Jalan 1, Jalan 2 dan Jalan 3. Reka bentuk jalan ini telah dibuat oleh Juruperunding sementara penyeliaan sepenuhnya dijalankan oleh JKR Daerah Perak Tengah Seri Iskandar. Jalan ini telah memendekkan perjalanan sejauh 12 km dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit jika dibandingkan dengan melalui jalan lama.

a) Tempoh Siap Kerja

Berdasarkan kepada sijil siap kerja, projek ini dapat disiapkan oleh kontraktor pada akhir bulan Jun 2002. Tarikh ini bersamaan dengan tarikh yang ditetapkan dalam perjanjian.

Pada pandangan Audit, kontraktor telah berjaya melaksanakan pembinaan jalan ini dalam tempoh yang dipersetujui kerana penyeliaan yang rapi daripada JKR Perak Tengah Seri Iskandar.

b) Pengesahan Spesifikasi

Semasa lawatan Audit ke tapak, ukuran lebar jalan, garisan putih, *guard rail*, *interceptor drain*, *bench drain* dan *roadside drain* telah dilakukan dan mendapati kerja telah dilaksanakan mengikut spesifikasi di dalam pelan.

c) Ujian Bahan Binaan

Bahan binaan perlu melalui ujian tertentu sebelum ianya diluluskan untuk kegunaan binaan seperti mana dinyatakan dalam perjanjian. Ujian ini telah dilaksanakan di makmal yang diiktiraf kerana JKR tidak mempunyai makmal khas untuk ujian bahan. Pihak kontraktor telah menghantar contoh bahan ke makmal dan keputusan serta laporan ujian telah dimaklumkan kepada JKR untuk kelulusan sama ada telah mencapai piawaian yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap laporan ujian bahan binaan mendapati semua bahan yang digunakan telah mencapai piawaian yang ditetapkan. Antara bahan binaan yang dihantar untuk ujian adalah pasir, batu, simen dan keluli. Jenis ujian pula merangkumi ujian pemampatan/regangan, ujian konkrit, ujian kiub dan juga *core test*. Ujian ini telah menggunakan mesin yang telah disahkan dan diiktiraf oleh Akreditasi Malaysia.

Pada pandangan Audit, ujian bahan binaan di makmal yang diiktiraf adalah penting untuk memastikan bahan yang digunakan telah mencapai piawaian yang ditetapkan.

d) Cerun Bukit Runtuh

Pemeriksaan Audit mendapati di kawasan CH5200 dan CH200 cerun bukit telah runtuh. Sejumlah RM1.58 juta telah dibelanjakan untuk kerja membaiki cerun di sepanjang jalan ini. Walaupun telah dibaiki, kejadian runtuh cerun masih berlaku. Kaedah terbaik perlu diambil untuk membaiki cerun ini walaupun kosnya lebih tinggi kerana dalam jangka masa panjang ianya lebih menguntungkan berbanding pembaikan berulang kali. Selain itu ia dapat menjamin keselamatan pengguna. **Foto 5** dan **Foto 6** menunjukkan cerun yang telah runtuh.

Foto 5
Cerun Bukit Yang Telah Runtuh
Di Jalan 2 CH200



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Disember 2003

Foto 6
Cerun Yang Telah Runtuh
Di Jalan 2 CH5200



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Disember 2003

e) Runtuhan Jalan

Pihak Audit juga mendapati di Jalan 2 CH5200, runtuhan jalan hampir 20 meter panjang dan lebarnya melebihi garis tengah jalan telah berlaku seperti ditunjukkan di **Foto 7**.

Foto 7
Melebihi Separuh Lebar Jalan Runtuh
Di Jalan 2CH5200



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 11 Disember 2003

Mengikut laporan yang dibuat oleh kontraktor semasa tempoh kecacatan, ada anak sungai di bawah cerun sebelah jalan yang menyebabkan tanah berhampiran jalan tidak begitu kukuh dan tidak ada longkang di tepi jalan untuk menyalurkan air sekiranya hujan. Seterusnya air mengalir melalui cerun menyebabkan hakisan, sementara yang meresap ke dalam tanah akan membentuk liang air dan melonggarkan lagi ikatan tanah. Semakan Audit mendapati Pihak Kontraktor telah menjalankan kerja sebagaimana arahan kerja yang disediakan oleh JKR. Bagaimanapun, arahan kerja tersebut tidak mematuhi kehendak reka bentuk. Anggaran yang dibuat oleh Juruteknik Kanan untuk memperbaiki runtuhannya ini berjumlah RM0.80 juta sekiranya menggunakan khidmat kontraktor. Bagaimanapun, JKR Perak Tengah Seri Iskandar telah melaksanakan kerja pembaikan ini sendiri dengan kos bernilai RM0.30 juta.

Pada pandangan Audit, JKR kurang teliti semasa menyediakan arahan kerja terhadap reka bentuk jalan ini. Laporan kajian tanah sepatutnya digunakan dan arahan kerja yang sesuai hendaklah dipatuhi berdasarkan reka bentuk yang telah dibuat. Bagi lokasi yang dikenalpasti mempunyai struktur tanah yang lemah, arahan kerja yang dikenalpasti bercirikan pengukuhan tambahan sepatutnya diarahkan bagi mengelak berlakunya runtuhan dan mengakibatkan tambahan kos pembinaan.

f) Tanggungjawab Kontraktor Dalam Tempoh Kecacatan

Projek jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit telah dilaksanakan mengikut jadual pada akhir bulan Jun 2002 . Tempoh kecacatan 1 tahun bermula pada awal bulan Julai 2002 hingga akhir bulan Jun 2003. Semasa tempoh kecacatan ini, kontraktor telah melakukan beberapa siri pemeriksaan dan mendapati beberapa runtuhan cerun yang berulang kali berlaku. Kontraktor berkenaan telah membaiki sebahagian runtuhan ini. Pada akhir bulan November 2002 iaitu dalam tempoh kecacatan kontraktor terlibat memohon kepada JKR supaya menampung sebahagian kos membaiki runtuhan. Permohonan ini dipanjangkan oleh Wakil Pengawai Penguasa kepada Pengarah JKR pada bulan April 2003 dengan alasan kerja membaiki cerun perlu disiapkan sebelum awal bulan Julai 2003 iaitu tarikh perasmian jalan. Sejumlah RM1.58 juta telah dibelanjakan dan kerja ini juga telah dilaksanakan oleh kontraktor asal.

Pada pandangan Audit perbelanjaan ini perlu ditanggung oleh kontraktor kerana syarat perjanjian menerangkan dengan jelas bahawa semasa tempoh kecacatan, pembaikan perlu dilaksanakan oleh

kontraktor dengan kos ditanggung oleh kontraktor berkenaan.

g) Kos Projek

Semakan Audit terhadap perjanjian kontrak menunjukkan persetujuan kos projek adalah RM18.50 juta manakala kos sebenar pula sejumlah RM19.67 juta. Tambahan RM1.17 juta ini disebabkan berlakunya 3 arahan perubahan kerja sejumlah RM0.49 juta dan 7 perubahan pelarasan harga kontrak sejumlah RM0.67 juta. Antara kerja tambahan yang menyebabkan tambahan kos projek adalah pengukuran semula kerja tanah sejumlah RM0.80 juta dan pengukuran semula kerja turapan sejumlah RM0.50 juta sementara pengukuran semula kerja pembentungan menyebabkan kurangan kos sejumlah RM0.10 juta.

Pada pandangan Audit, JKR perlulah memastikan kos sebenar tidak melebihi kos kontrak. Permohonan perubahan kerja yang melibatkan tambahan kos hanya boleh diluluskan sekiranya keperluan mendesak atau melibatkan keselamatan pengguna.

h) Perbelanjaan Sebenar

Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM18.10 juta bagi tahun 2001 hingga 2003 untuk melaksanakan projek jalan ini. Sehingga akhir bulan Disember 2003, JKR Daerah Perak Tengah Seri Iskandar telah membelanjakan kesemua peruntukan ini.

Pada pandangan Audit, JKR Perak Tengah Seri Iskandar telah menggunakan peruntukan yang diterima dengan optimum.

27.2.9 Bayaran Interim Kepada Kontraktor

Apabila kontraktor telah melaksanakan kerja, Pegawai Penguasa hendaklah membuat satu penilaian terhadap kerja yang telah dilaksanakan dengan sempurna termasuk 75% daripada nilai bahan binaan di tapak. Dalam tempoh 14 hari dari tarikh penilaian itu dibuat, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan satu perakuan bayaran interim kepada kontraktor berkenaan. Semakan Audit terhadap 10 sampel pembayaran interim bagi kedua projek jalan ini mendapati semuanya telah disokong dengan pengesahan perakuan bayaran interim oleh wakil Pegawai Penguasa.

Pada pandangan Audit, bayaran interim yang dibuat telah memenuhi syarat yang dinyatakan dalam perjanjian.

27.2.10 Perakuan Muktamad

Mengikut perjanjian, perakuan muktamad perlu dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa dalam tempoh 3 bulan selepas tamatnya tempoh liabiliti kecacatan atau 3 bulan selepas dikeluarkan perakuan siap membaiki kecacatan, mengikut yang mana terkemudian. Bagi projek jalan dari Bandar Baru Seri Iskandar ke Pekan Parit yang dapat disiapkan pada akhir bulan Jun 2002 telah dikeluarkan perakuan muktamad dalam tempoh seperti mana yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan 2 projek jalan ini pada keseluruhannya adalah memuaskan setelah mengambil kira kos sebenar berbanding kos kontrak dan juga faktor masa menyiapkan projek walaupun menghadapi pelbagai halangan.

27.3 PEMANTAUAN

Pihak JKR sentiasa memantau projek jalan dengan menghadiri mesyuarat tapak dan teknikal setiap bulan antara JKR Perak Tengah Seri Iskandar, kontraktor dan Juruperunding untuk membincangkan kemajuan kerja terkini dan masalah teknikal yang dihadapi. Perkara yang dibincangkan adalah dari aspek kemajuan kerja, bayaran kemajuan kerja, aduan daripada masyarakat setempat, bahan yang diluluskan serta ujiannya, perubahan kerja, laporan cuaca/hujan dan laporan alam sekitar. Semua minit mesyuarat tapak dan teknikal telah direkodkan dan sebarang pindaan kepada pembinaan jalan telah dihalusi dari segi kewajarannya. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati Pengarah JKR selaku Pegawai Penguasa dan Jurutera Daerah sebagai wakil Pegawai Penguasa turut menghadiri mesyuarat ini .

Pada pandangan Audit, JKR telah melaksanakan pemantauan bertujuan memastikan kemajuan projek jalan seperti yang telah dirancang.

28. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

JKR Perak Tengah melalui peruntukan Kerajaan Negeri telah melaksanakan 2 projek pembinaan jalan baru ini selaras dengan dasar Kerajaan Negeri supaya memenuhi keperluan pembangunan sosioekonomi khususnya menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam dengan memberi penekanan jangka masa pembinaan yang secepat mungkin, kos yang ekonomi serta reka bentuk dan mutu yang terbaik. Memandangkan kos penyediaan rangkaian jalan raya adalah tinggi dan berisiko adalah sewajarnya setiap projek pembinaan jalan baru dirancang dan dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin. Daripada 2 projek jalan, satu daripadanya dapat disiapkan seperti mana dalam perjanjian sementara satu lagi lewat disiapkan. Pencapaian ini boleh dianggap baik memandangkan ada beberapa halangan ketika pelaksanaannya seperti faktor cuaca, proses pengalihan kemudahan awam yang sedia ada dan pengambilan balik tanah. Pembinaan jalan

ini juga telah menepati tujuannya seperti kesejahteraan rakyat untuk berurusan, melicinkan pergerakan lalu lintas, memendekkan perjalanan serta kemudahan pengangkutan untuk memasarkan hasil pertanian.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG

PENGURUSAN PEROLEHAN KERJA

29. LATAR BELAKANG

Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung (Pejabat) bertanggungjawab terhadap hal pentadbiran am daerah, perayaan rasmi, perancangan dan penyelarasan projek pembangunan serta pengurusan dan pentadbiran tanah di Daerah Manjung. Antara objektif Pejabat adalah:

- i)** Mentadbir dan menguatkuasa undang-undang dan peraturan tanah.
- ii)** Menjalankan dan menguatkuasa pungutan hasil tanah, lesen dan hasil pelbagai lain.
- iii)** Merancang dan melaksanakan program pembangunan tanah.
- iv)** Menyelaraskan pelbagai aktiviti pembangunan jabatan mengikut Dasar Pembangunan Nasional.

Struktur organisasi Pejabat diwujudkan mengikut fungsi dan aktiviti yang terdiri daripada 3 Bahagian iaitu Pentadbiran Dan Kewangan, Pembangunan dan Pentadbiran Tanah. Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan bertanggungjawab terhadap perolehan peruntukan Mengurus manakala Bahagian Pembangunan menguruskan perolehan peruntukan Pembangunan.

Perolehan kerja Kerajaan perlu dilakukan melalui kaedah tertentu seperti secara lantikan terus, sebut harga dan tender. Melalui kaedah yang dipilih, kontraktor akan dilantik melaksanakan kerja pembinaan dan pembaikan. Perolehan kerja bagi menyelenggara Pejabat dibiayai daripada peruntukan perbelanjaan mengurus tahunan manakala perolehan kerja projek prasarana dan kemudahan awam dibiayai daripada peruntukan perbelanjaan pembangunan. Pegawai Pengawal mengeluarkan Waran Peruntukan atau Surat Kuasa Berbelanja bagi perbelanjaan pembangunan kepada Pejabat Daerah untuk dilaksanakannya. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, peruntukan pembangunan Negeri yang diluluskan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung untuk perolehan adalah berjumlah RM4.36 juta.

30. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada perolehan kerja, diurus dengan cekap, ekonomik dan berkesan serta mematuhi prosedur yang ditetapkan.

31. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan difokuskan kepada pengurusan perolehan kerja projek prasarana dan kemudahan awam yang dibiayai daripada peruntukan perbelanjaan pembangunan Negeri tahun 2001 hingga 2003. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 136 perolehan kerja bernilai RM2.62 juta telah dilakukan. Sebanyak 46 daripada perolehan tersebut bernilai RM1.99 juta telah dipilih untuk pengauditan. Sampel ini meliputi kerja seperti membina dan membaiki jalan, jambatan, masjid, surau, dewan orang ramai dan sebagainya untuk keperluan orang ramai serta pelbagai pihak lain di Daerah Manjung. Pemeriksaan dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung terhadap rekod dan fail serta mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat. Selain itu, sebanyak 17 daripada sampel perolehan telah dipilih untuk disahkan kewujudannya melalui lawatan ke tapak projek.

32. PENEMUAN AUDIT

32.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan perkara penting sebelum sesuatu aktiviti/program dilaksanakan. Perancangan yang baik akan membantu pihak pengurusan melaksana perolehan dengan cekap dan mencapai matlamat. Hasil semakan Audit terhadap aspek perancangan adalah seperti berikut:

32.1.1 Prosedur Kerja

Manual Prosedur Kerja merupakan sebuah dokumen rujukan rasmi yang antaranya perlu mengandungi maklumat mengenai proses dan tatacara kerja. Dokumen ini dijadikan panduan dan rujukan kakitangan semasa menjalankan tugas harian.

Pemeriksaan Audit mendapati Manual Prosedur Kerja tidak disediakan bagi semua aktiviti utama Pejabat. Bagaimanapun, Pejabat ada menyelenggara Prosedur Kualiti bagi aktiviti Pengurusan Projek Luar Bandar yang didokumentasikan melalui MS ISO 9002 berkuatkuasa mulai awal bulan Disember 2001. Mengikut prosedur tersebut, setelah mendapat peruntukan, Pejabat akan menyediakan spesifikasi projek dan dokumen perolehan serta membuat tawaran kerja kepada kontraktor yang layak. Pelaksanaan kerja akan diawasi dari semasa ke semasa untuk menentukan kontraktor menjalankan kerja mengikut jadual dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Aspek lain prosedur pengurusan perolehan seperti perancangan dan cadangan projek, penyeliaan dan pelaporan serta dokumen yang perlu disediakan telah dinyatakan dengan lengkap di dalam Prosedur Kualiti. Selain itu, Piagam Pelanggan juga menetapkan proses kerja menyediakan baucar bayaran dalam tempoh 7 hari berkerja dikira dari tarikh penerimaan inden kerja yang lengkap.

32.1.2 Cadangan Projek

Senarai cadangan projek perlu disedia dan dikemukakan kepada Pejabat Pembangunan Negeri untuk kelulusan. Cadangan projek yang disediakan adalah mengambil kira cadangan daripada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung, Penghulu Mukim dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Selain itu, cadangan projek juga dibuat bagi tahun semasa berasaskan permohonan atau secara *ad hoc*. Cadangan projek seperti ini yang dipohon oleh orang awam, Ahli Dewan Undangan Negeri dan pelbagai pihak lain adalah sebagai tambahan kepada cadangan projek asal dan terhad kepada projek kecil sahaja. Senarai cadangan projek tahunan akan disediakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung dan dikemukakan kepada Pejabat Pembangunan Negeri tanpa ditentukan sama ada projek tersebut sebagai cadangan projek pembangunan Negeri atau Persekutuan. Pejabat Pembangunan Negeri akan memutuskan sama ada projek yang dicadangkan itu dilulus atau tidak dan juga menentukan sebagai

projek pembangunan Negeri atau Persekutuan. Butiran projek yang dicadangkan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22

Cadangan Projek Tahun 2001 Hingga 2003

Jenis Projek	Bilangan Projek		
	2001	2002	2003
Bina, naik taraf dan selenggara jalan dan jambatan	52	12	37
Bekalan air dan elektrik	18	-	82
Keagamaan (masjid, surau dan sekolah agama) dan dewan	53	-	17
Pelbagai program ekonomi, pendidikan dan sosial	52	30	174
Projek kecil	36	-	21
Jumlah	211	42	331

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung

Pada pendapat Audit, cadangan projek pembangunan Negeri hendaklah dikenal pasti di peringkat perancangan dan senarai berasingan hendaklah disediakan bagi projek di bawah peruntukan Negeri dan peruntukan Persekutuan.

32.1.3 Kriteria Pemilihan Projek

Pemilihan projek adalah mengikut keutamaan dan kesesuaian projek seperti belum ada projek sedemikian, ada projek tetapi tidak mencukupi atau ramai bilangan pengguna, projek yang perlu dibaiki, projek untuk kemajuan sosioekonomi dan pendidikan yang diperlukan di kalangan masyarakat setempat. Pemilihan projek dibuat dengan mengambil kira cadangan daripada pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung, Penghulu Mukim dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

32.1.4 Keperluan Kewangan

Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung akan mengemukakan senarai cadangan projek kepada Pejabat Pembangunan Negeri dengan menyatakan jumlah keperluan kewangan tetapi tidak dinyatakan sama ada dibiayai daripada peruntukan Negeri atau Persekutuan. Jumlah peruntukan yang akan dipohon akan ditentukan oleh Pejabat Pembangunan Negeri dan juga pengagihan peruntukan kepada daerah ditentukan olehnya. Pihak Pejabat Pembangunan Negeri akan menentukan sama ada projek yang dicadangkan dilulus atau tidak dan sumber pembiayaannya. Butiran keperluan kewangan yang dicadangkan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti **Jadual 23**.

Jadual 23
Keperluan Kewangan Tahun 2001 Hingga 2003

Jenis Projek	Keperluan Kewangan		
	2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)
Bina, Naik Taraf Dan Selenggara Jalan Dan Jambatan	4.41	1.43	3.39
Bekalan Air Dan Elektrik	1.00	-	2.62
Keagamaan (Masjid, Surau dan Sekolah Agama) Dan Dewan	14.18	-	1.18
Pelbagai Program Ekonomi, Pendidikan Dan Sosial	1.06	1.58	11.41
Pelbagai Projek Kecil	0.71	-	0.93
Jumlah	21.36	2.93	19.53

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung

Pada pendapat Audit, keperluan kewangan bagi cadangan projek pembangunan Negeri hendaklah ditentukan di peringkat perancangan.

32.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah perolehan bagi melaksana sesuatu projek adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang diluluskan dan anggaran kos. Pelantikan kontraktor dibuat melalui kaedah sama

ada secara lantikan terus atau sebut harga. Perolehan kerja yang tidak melebihi RM20,000 akan dibuat secara lantikan terus manakala melebihi RM20,000 hingga RM200,000 akan dibuat secara sebut harga. Perolehan kerja secara sebut harga akan dibuka kepada semua kontraktor di Daerah Manjung yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Bagi perolehan kerja secara lantikan terus, pelantikan kontraktor adalah di kalangan kontraktor yang aktif dan mempunyai rekod yang baik. Selain itu, unsur pergiliran juga akan diambil kira. Bagi projek kecil yang spesifikasinya tidak terlalu teknikal boleh dilaksanakan secara gotong royong oleh masyarakat setempat.

32.1.6 Guna Tenaga

Pengisian perjawatan yang mencukupi serta mempunyai kelayakan dan keupayaan yang bersesuaian dengan tugas merupakan faktor penting yang menentukan kecekapan dan keberkesanan sesebuah jabatan. Jawatan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan perolehan adalah terdiri daripada 3 Pegawai daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional serta dibantu oleh seramai 10 kakitangan sokongan.

Pada pendapat Audit, perancangan perolehan adalah di tahap yang baik kerana ia telah mengambil kira kesemua elemen penting.

32.2 PELAKSANAAN

Perolehan perlu dilaksanakan sebaik mungkin berasaskan prinsip akauntabiliti, ketelusan, nilai faedah yang terbaik, persaingan, adil dan saksama. Pelaksanaan perolehan bermula daripada waran atau surat kuasa berbelanja diterima sehinggalah kerja siap dengan sempurna. Kajian Audit atas pelaksanaan perolehan menzahirkan penemuan seperti berikut:

32.2.1 Jenis Projek Dan Peruntukan Kewangan

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, peruntukan pembangunan Negeri yang diluluskan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung adalah berjumlah RM4.36 juta. Daripada jumlah peruntukan ini, sejumlah RM2.67 juta adalah untuk melaksanakan 136 perolehan kerja seperti membina dan membaiki jalan, jambatan, masjid, surau, longkang dan pelbagai projek lain. Butiran peruntukan yang diluluskan untuk perolehan kerja bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti **Jadual 24**.

Jadual 24
Jenis Projek Dan Peruntukan Kewangan
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

Jenis Projek	Peruntukan Kewangan		
	2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)
Jalan Dan Jambatan	0.27	0.03	0.05
Keagamaan (Masjid, Surau dan Sekolah Agama) Dan Dewan	0.93	0.24	0.15
Projek Lain	0.38	0.39	0.24
Jumlah	1.58	0.66	0.44

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung

32.2.2 Pemilihan Kontraktor

Pemilihan kontraktor boleh dibuat melalui 3 kaedah iaitu lantikan terus, sebut harga dan tender. Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung, pemilihan kontraktor dibuat secara lantikan terus atau sebut harga. Ini disebabkan jumlah peruntukan bagi sesuatu projek yang diterima adalah tidak melebihi RM200,000.

i) Lantikan Terus

Mengikut peraturan, perolehan kerja yang tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor di daerah berkenaan. Setelah waran peruntukan diterima daripada Pejabat Pembangunan Negeri, anggaran dan spesifikasi kerja disediakan dan tawaran dipelawa kepada

kontraktor yang dicadangkan. Pemeriksaan Audit mendapati pelantikan kontraktor untuk melaksana kerja pembinaan dan pembaikan secara lantikan terus adalah mengikut kriteria yang ditetapkan. Pelantikan adalah di kalangan kontraktor yang aktif dan mempunyai rekod yang baik. Selain itu, unsur pergiliran juga diambil kira. Bagaimanapun, rekod mengenai kontraktor yang dipilih secara lantikan terus tidak diselenggara. Rekod ini perlu diselenggara bagi mengenal pasti kontraktor yang aktif yang telah dan belum mendapat kerja.

ii) Sebut Harga

Perolehan secara sebut harga perlu diurus mengikut prosedur yang ditetapkan. Prosedur pengurusan perolehan secara sebut harga meliputi keperluan menyediakan anggaran kos projek, kawalan peti sebut harga, penilaian tawaran, perakuan Jawatankuasa Sebut Harga serta pelantikan kontraktor. Peringkat ini adalah penting bagi memastikan dasar dan prinsip perolehan awam dicapai.

a) Anggaran Kos Projek

Pejabat yang membuat perolehan perlu menyediakan anggaran kos projek yang hendak dilaksanakan. Anggaran kos projek ini perlu disedia berdasarkan butiran kerja yang ditetapkan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum waktu tawaran ditutup. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga akan membuka anggaran ini dan mencatatkan jumlah anggaran kos projek dalam senarai atau jadual tawaran. Anggaran kos projek adalah penting sebagai asas perbandingan harga tawaran semasa membuat penilaian. Pemeriksaan Audit mendapati anggaran kos projek mengikut butiran kerja yang ditetapkan tidak disedia. Jumlah anggaran dan tempoh siap hanya dicatat pada jadual tawaran dan laporan penilaian tanpa

disokong dengan dokumen anggaran kos projek bagi setiap butiran kerja.

Pada pendapat Audit, Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung hendaklah menyediakan anggaran kos projek dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum sesuatu tawaran ditutup.

b) Kawalan Peti Sebut Harga

Kawalan peti sebut harga merupakan salah satu langkah penting dalam pengurusan keselamatan dokumen sebut harga. Kawalan di peringkat ini adalah bertujuan memastikan dokumen disimpan dengan selamat dan kerahsiaan tawaran terjamin. Pelbagai langkah kawalan antaranya seperti memastikan peti sebut harga mempunyai 2 kunci dan anak kunci dipegang oleh 2 orang pegawai, ditutup pada masa yang ditetapkan serta dibuka oleh jawatankuasa yang dilantik. Pemeriksaan Audit mendapati kawalan peti sebut harga adalah teratur sebagaimana kehendak peraturan. Peti sebut harga juga disimpan di dalam bilik pegawai kanan sementara menunggu dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga.

c) Penilaian Sebut Harga

Penilaian terhadap sesuatu sebut harga hendaklah dilakukan bertujuan menilai dan mengesyorkan tawaran yang paling menguntungkan dan bukan harga terendah. Selain daripada harga, faktor spesifikasi, kemampuan menyiapkan kerja, tempoh masa dan prestasi kontraktor hendaklah diambil kira semasa membuat penilaian. Pemeriksaan Audit mendapati penilaian perolehan kerja dijalankan oleh 2 orang pegawai dan seorang daripadanya adalah kakitangan teknikal. Penilaian dibuat berdasarkan faktor tempoh masa siap, harga

tawaran berbanding anggaran dan prestasi kontraktor sebelum ini.

Pada pendapat Audit, faktor keupayaan kontraktor hendaklah juga diambil kira semasa membuat penilaian. Dengan itu, borang “senarai kerja dalam tangan/pengalaman kerja” yang dikemukakan oleh kontraktor dalam dokumen sebut harga hendaklah dilengkapkan. Selain itu, rekod prestasi kontraktor hendaklah diselenggara sebagai rujukan semasa membuat penilaian.

d) Perakuan Jawatankuasa Sebut Harga

Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah mempertimbang dan memutuskan tawaran sebut harga berdasarkan prinsip dan dasar perolehan awam. Ini bertujuan supaya perolehan dibuat pada tawaran yang menguntungkan dan nilai faedah yang terbaik. Keputusan jawatankuasa hendaklah secara sebulat suara. Penolakan tawaran yang paling menguntungkan hendaklah dijustifikasikan dan minit perbincangan Jawatankuasa hendaklah disediakan. Pemeriksaan Audit mendapati 11 daripada 14 sebut harga tahun 2001 hingga 2003 diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga kepada tawaran yang paling menguntungkan dan diperaku atau disokong oleh pegawai penilai. Sungguhpun begitu, tiga perolehan bernilai RM173,800 tidak ditawarkan kepada syarikat yang menawarkan tawaran yang paling menguntungkan yang juga disokong oleh pegawai penilai. Sebab penolakan tawaran tidak dinyatakan. Selain itu, minit perbincangan Jawatankuasa Sebut Harga bagi tahun 2002 dan 2003 tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, perolehan hendaklah ditawarkan kepada syarikat yang menawarkan tawaran yang paling

menguntungkan. Jika sebaliknya, sebab atau justifikasi penolakan hendaklah dinyatakan. Selain itu, minit perbincangan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah disediakan.

32.2.3 Penentuan Kerja Dan Spesifikasi

Penentuan kerja dan spesifikasi ialah butiran kerja yang terperinci yang dibuat setelah menentukan kehendak dan keperluan sebenar sesuatu projek. Ianya merangkumi huraian kerja yang hendak dilaksanakan, penentuan kuantiti dan kualiti sesuatu bahan, anggaran kos setiap butiran kerja serta tempoh masa menyiapkan projek. Selain itu, bagi projek seperti pembinaan dewan orang ramai, surau dan jambatan, pelan lakaran dan pelan binaan hendaklah disediakan. Penentuan kerja dan spesifikasi ini perlu disediakan sebelum proses sebut harga dilaksanakan. Tujuannya adalah bagi memastikan syarikat atau kontraktor mendapat maklumat yang jelas mengenai projek yang hendak dilaksanakan dan seterusnya projek dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati spesifikasi perolehan kerja dalam format yang ditetapkan tidak disediakan. Mengikut prosedur kualiti, spesifikasi perolehan kerja perlu disediakan mengikut format yang ditetapkan supaya anggaran kos projek dan borang dokumen tawaran disediakan dengan lebih teratur.

32.2.4 Tempoh Masa Pengurusan Perolehan

Pelaksanaan perolehan bermula setelah waran peruntukan atau surat kuasa berbelanja diterima. Proses kerja melibatkan penyediaan spesifikasi, pemilihan dan pelantikan kontraktor. Pemeriksaan Audit mendapati tempoh melaksanakan perolehan kerja adalah bergantung kepada jenis kerja yang hendak dilaksanakan dan kaedah perolehan. Penelitian Audit terhadap 11 perolehan kerja secara sebut harga mendapati tempoh menyediakan spesifikasi hingga pelantikan kontraktor mengambil masa antara 47 hingga 241 hari. Pengurusan masa perolehan perlu disemak semula

supaya tempoh masa proses kerja dapat dikurangkan. Kelewatan proses kerja pada peringkat pemilihan kontraktor boleh dielakkan sekiranya Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga menjalankan kewajibannya secepat mungkin setelah tawaran ditutup. Begitu juga pada peringkat pelantikan kontraktor, surat tawaran dan inden kerja hendaklah dikeluarkan dengan segera. Tempoh masa yang diambil mengikut peringkat pengurusan adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Tempoh Masa Pengurusan Perolehan Kerja
Mengikut Peringkat

Peringkat Pengurusan	Tempoh (Hari)
Penyediaan spesifikasi <i>(Dari tarikh waran hingga notis tawaran dikeluarkan)</i>	15 hingga 141
Pemilihan kontraktor <i>(Dari tarikh tawaran ditutup hingga keputusan Jawatankuasa Sebut Harga)</i> <ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga <i>(Dari tarikh tawaran ditutup hingga tarikh tawaran dibuka)</i> • Jawatankuasa Sebut Harga <i>(Dari tarikh tawaran dibuka hingga tarikh perakuan)</i> 	4 hingga 40 6 hingga 32
Pelantikan Kontraktor <i>(Dari tarikh perakuan hingga tarikh inden dikeluarkan)</i>	3 hingga 139

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung

Pada pendapat Audit, Pejabat hendaklah menetapkan tempoh masa pengurusan mengikut peringkat dan jenis atau kaedah perolehan supaya kecekapan pengurusan dapat dipertingkatkan.

32.2.5 Prestasi Pelaksanaan

Perolehan kerja dilaksanakan setelah waran peruntukan diterima daripada Pejabat Pembangunan Negeri. Pemeriksaan Audit terhadap prestasi pelaksanaan perolehan kerja adalah seperti berikut:

i) Prestasi Projek Keseluruhan

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung telah diluluskan peruntukan berjumlah RM2.67 juta untuk melaksana 136 projek pembangunan Negeri. Projek tersebut adalah untuk menyediakan kemudahan prasarana, kemudahan awam dan pelbagai projek kecil untuk kemudahan dan keperluan masyarakat. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.62 juta dibelanjakan. Butiran peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi
Tahun 2001 Hingga 2003

Tahun	Bil. Projek	Amaun Diterima (RM Juta)	Amaun Dibelanja (RM Juta)
2001	67	1.58	1.58
2002	42	0.66	0.60
2003	27	0.43	0.44
Jumlah	136	2.67	2.62

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung

Adalah didapati hanya satu projek bagi tahun 2002 tidak dilaksana dan dibatalkan kerana peruntukan yang diterima tidak mencukupi. **Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah baik kerana mencapai sasarannya.**

ii) Kelewatan Menyiapkan Projek

Perolehan secara sebut harga adalah tertakluk kepada syarat tawaran dan setuju terima tawaran. Tempoh masa menyiapkan kerja ada disebut dalam surat tawaran dan sebarang

kelewatan perlu mendapat kelulusan lanjutan masa atau akan dikenakan denda. Bagi perolehan secara lantikan terus, tempoh siap kerja dinyatakan di inden kerja. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 9 projek bernilai RM646,493 tidak disiap atau disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kelewatan adalah antara 14 hingga 115 hari dari tarikh sepatutnya siap. Mengikut surat tawaran, denda sejumlah RM15 satu hari akan dikenakan jika kerja lewat disempurnakan. Setakat ini tiada bukti kontraktor diluluskan lanjutan masa dan denda lewat tidak dikenakan. Kegagalan menyempurnakan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan antaranya berpunca daripada kurangnya perhatian oleh kontraktor terhadap pelaksanaan projek berkenaan. Sebagai contoh, jadual pelaksanaan kerja tidak disediakan dan kelewatan menyiapkan kerja tidak dipohon lanjutan masa. Pihak Pejabat juga kurang mengawal selia projek dengan menasihatkan kontraktor agar menyempurnakan kerja dalam tempoh masa ditetapkan atau denda dikenakan. Selain itu, anggaran dan tempoh masa menyiapkan projek tidak dibuat dengan betul untuk membolehkan pengesahan siap kerja dan bayaran dibuat sebelum penutupan akaun tahunan. Projek yang lewat disiapkan adalah seperti **Jadual 27**.

Jadual 27
Projek Lewat Siap

Bil.	Projek	Kos Projek (RM)	Tarikh Sepatut Siap	Tarikh Siap Sebenar	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	Membaiki jalan PPRTChangkat Cermin, Sitiawan	29,000	06.07.01	10.09.01	66
2.	Membina surau S.K. Seri Manjung	50,000	07.09.01	28.12.01	112
3.	Membaiki kebocoran masjid Kg. Teluk Lumut	48,520	26.09.01	31.12.01	99
4.	Membina jeti Kg. Baru, Lumut	150,000	22.11.01	31.12.01	39
5.	Menambah ruang sembahyang Masjid Teluk Raja Bayang	148,773	31.12.02	25.04.03	115
6.	Membina tukun tiruan Perairan Pulau Talang	45,000	09.08.03	03.09.03	25
7.	Membina longkang konkrit Taman India	35,000	17.12.03	31.12.03	14
8.	Membina surau Desa Manjung Raya	115,200	31.12.03	Belum siap	29
9.	Membaik pulih masjid Annasyariah	25,000	02.12.03	31.12.03	29

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung

Di samping kelewatan menyiapkan projek, pihak Audit juga mendapati denda lewat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat tawaran tidak dikenakan kerana lanjutan masa telah diluluskan secara lisan. Tanpa bukti dokumentasi pihak Audit tidak dapat mengesahkan kebenaran maklumat ini.

iii) Perakuan Siap Kerja

Bagi membolehkan pembayaran dibuat, perakuan siap kerja diperlukan. Semakan Audit mendapati perakuan pengesahan siap kerja dibuat oleh Juruteknik yang mengawasi projek. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati 2 projek bernilai RM263,973 telah diperakukan siap walaupun pada masa itu projek belum siap dan satu daripada projek tersebut bernilai RM148,773 telah dibayar. Perakuan seperti ini adalah tidak mematuhi peraturan kewangan dan merupakan suatu perakuan tidak benar. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 28** manakala **Foto 8** menunjukkan projek surau belum siap.

Jadual 28
Perakuan Tidak Benar

Projek	Kos (RM)	Tarikh		
		Sepatut Siap	Disahkan Siap	Siap Sebenar
Menambah ruang sembahyang masjid Teluk Raja Bayang, Pangkor	148,773	31.12.02	31.12.02	25.04.03
Membina surau Desa Manjung Raya	115,200	31.12.03	31.12.03	Setakat 29.01.04 belum siap

Sumber: Fail Projek Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung

Pada pendapat Audit, perakuan siap kerja hendaklah berdasarkan tarikh sebenar projek disiapkan. Perakuan bagi tujuan bayaran pada tarikh penutupan akaun tahunan hendaklah mengikut peratus sebenar kerja yang telah siap. Bakinya hendaklah dipertanggungjawabkan kepada peruntukan tahun berikutnya sebagai projek sambungan atau peruntukan semula.

Foto 8

**Surau Masih Dalam Pembinaan
Di Desa Manjung Raya, Lumut**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 29 Januari 2004

iv) Keadaan Fizikal Projek

Lawatan dan pemeriksaan secara fizikal oleh pihak Audit telah dijalankan bertujuan menentukan spesifikasi projek dipatuhi dan matlamat projek dicapai. Sebanyak 17 projek bernilai RM683,621 telah dilawati merangkumi pembinaan dan pembaikan jalan, jambatan, jeti, masjid, surau, dewan orang ramai dan sebagainya. Hasil pemeriksaan Audit mendapati 16 daripada 17 projek tersebut telah siap dan satu projek masih dalam pembinaan. Antara projek yang telah siap adalah 10 projek pembinaan dan 6 projek pembaikan yang semuanya adalah menjurus kepada projek menyediakan prasarana dan kemudahan masyarakat. Kesemua 16 projek tersebut didapati telah siap mengikut penentuan dan spesifikasi yang ditetapkan serta dibina di lokasi yang dirancangkan. Penelitian Audit juga mendapati projek tersebut telah dapat digunakan untuk kemudahan orang ramai. Bagi projek surau di Desa Manjung Raya yang masih dalam pembinaan, kelewatannya adalah berpunca daripada perubahan spesifikasi dan pelan binaan yang dikehendaki oleh penduduk tempatan. Selain itu, berpunca daripada anggaran tempoh masa siap tidak dibuat dengan betul. Contoh perolehan projek yang telah siap adalah seperti **Foto 9** dan **Foto 10**.

Foto 9

Jeti Yang Telah Siap Dibina Di Kampong Baru, Lumut



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 27 Januari 2004

Foto 10

Dewan Orang Ramai Yang Telah Siap Dibaiki Di Kampong Teluk Pencalang



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 27 Januari 2004

32.2.6 Pengurusan Pembayaran

Peraturan menetapkan bil tuntutan bayaran yang sempurna hendaklah dijelaskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh bil diterima. Untuk itu, Piagam Pelanggan Pejabat menjanjikan

baucar bayaran akan disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja setelah inden kerja yang lengkap dan sempurna diterima. Analisis Audit terhadap 11 baucar bayaran perolehan kerja bernilai RM702,403 mendapati baucar disediakan dalam tempoh antara 1 hingga 19 hari daripada tarikh terima inden kerja diperakui siap. Sebanyak 4 daripada 11 baucar tersebut bernilai RM249,683 disediakan antara 4 hingga 8 hari selepas tempoh piagam pelanggan.

Pada pendapat Audit, kecekapan pengurusan pembayaran boleh dipertingkatkan lagi dengan memastikan setiap invois atau bil sempurna dicop tarikh terima, direkodkan dalam Daftar Bil dan disediakan baucar bayaran dengan segera.

32.2.7 Keperluan Tenaga Kerja

Sehingga akhir tahun 2003, perjawatan yang diluluskan di Bahagian Pembangunan adalah terdiri daripada 3 orang Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional serta dibantu oleh seramai 10 orang kakitangan sokongan. Daripada perjawatan tersebut, sepuluh jawatan diisi manakala kekosongan adalah 1 jawatan Pegawai Tadbir Dan Diplomatik dan 2 jawatan Juruteknik. Kekosongan jawatan ini telah dilaporkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk pengisian. Selain itu, seramai 7 daripada kakitangan Bahagian ini yang terlibat dengan pengurusan perolehan telah mengikuti kursus yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing. Kursus atau seminar pengurusan kewangan dan perolehan tersebut dianjurkan oleh beberapa pihak seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri dan sebagainya bertujuan meningkatkan pengetahuan kakitangan mengenai pengurusan perolehan.

Pada pandangan Audit, sungguhpun beberapa kelemahan berlaku dalam pelaksanaan perolehan kerja, namun matlamat perolehan berkenaan dapat dicapai demi kemudahan dan kepentingan awam.

Adalah disyorkan, Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung mengkaji semula tahap kecekapan pengurusan seperti pengawasan projek, tempoh masa dan dokumentasi pengurusan supaya lebih cekap, teratur dan telus.

32.3 PEMANTAUAN

Pemantauan perlu dijalankan secara berterusan untuk memastikan matlamat projek tercapai serta pelaksanaannya mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit mendapati ciri pemantauan pelaksanaan perolehan yang diwujudkan antaranya adalah lawatan atau pemeriksaan fizikal, mesyuarat jawatankuasa pelaksanaan dan laporan bulanan. Bagi perolehan kerja, lawatan tapak bersama kontraktor perlu dilakukan pada peringkat awal dan disusuli dengan lawatan pengawasan di peringkat kemajuan kerja 10%, 40%, 70% dan lawatan akhir pada peringkat kemajuan kerja 100% atau pengesahan projek siap. Pemeriksaan Audit mendapati lawatan tapak dan lawatan pengesahan projek siap dijalankan dengan teratur. Bagaimanapun, lawatan pengawasan peringkat kemajuan kerja tidak dijalankan secara berjadual sebagaimana yang ditetapkan di dalam prosedur kualiti. Adalah difahamkan lawatan pengawasan hanya dilakukan jika difikirkan perlu. Maklumat ini tidak dapat disahkan kerana laporan mengenainya tidak disediakan. Pada peringkat penyeliaan pula, mesyuarat jawatankuasa pelaksanaan projek diadakan setiap bulan dan laporan kemajuan disediakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan melalui pengawasan dan penyeliaan jawatankuasa dijalankan dengan baik. Sungguhpun begitu, pengawasan mengikut peringkat kemajuan perlu dijalankan secara terancang dan laporan lawatan pemeriksaan hendaklah disediakan. Laporan tersebut penting untuk pihak pengurusan Pejabat menyelia kerja pengawasan, membuat penilaian, memberi arahan tindakan serta makluman status pelaksanaan.

33. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya pengurusan perolehan kerja Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung adalah memuaskan dan mendatangkan faedah kepada orang awam dan kumpulan sasar. Namun begitu, kelemahan yang dikenal pasti pada peringkat pelaksanaan, pematuhan prosedur, dokumentasi serta tempoh masa pelaksanaan perolehan membuktikan adanya unsur ketidakcekapan pengurusan. Usaha mengatasi kelemahan dan penambahbaikan pengurusan perolehan menjadi lebih mudah dengan wujudnya dokumen MS ISO 9002 yang menjadi panduan untuk dipatuhi. Justeru itu, Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung perlu memastikan garis panduan tersebut dan prosedur perolehan semasa dipatuhi supaya tahap kecekapan dan ketelusan pengurusan dipertingkatkan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PERAK

PENGURUSAN UBAH SYARAT TANAH

34. LATAR BELAKANG

Pejabat Tanah Dan Galian Negeri (Pejabat) adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan pentadbiran tanah dan merupakan salah satu Pejabat utama yang mengutip hasil. Antara aktiviti utama yang dijalankan oleh Pejabat ini adalah menguruskan permohonan pembermilikan semula tanah, permohonan ubah syarat, sekatan dan jenis penggunaan tanah. Mengikut Kanun Tanah Negara (Kanun) 1965 dan Ordinan Perwakilan Kuasa 1956, kuasa untuk meluluskan permohonan ubah syarat terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 124 Kanun pula memperuntukkan tuan punya tanah bermilik boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menukar jenis penggunaan tanah, membatalkan atau memindah sebarang syarat nyata atau sekatan, atau mengena syarat nyata yang baru atau sekatan untuk membolehkannya mengguna atau memajukan tanahnya bagi pelbagai maksud lain yang telah dibenarkan. Penggunaan tanah bagi maksud Seksyen 52(1) Kanun boleh dikategorikan kepada bangunan, pertanian dan industri. Tanah yang diberi milik di bawah salah satu daripada 3 kategori ini boleh dikenakan syarat nyata oleh Pihak Berkuasa Negeri jika ia tidak bertentangan dengan syarat tersirat. Pentadbir Tanah bertanggungjawab memastikan syarat nyata kegunaan tanah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Dokumen Hakmilik Tanah (Geran) dipatuhi. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat kegunaan tanah tersebut, tindakan undang-undang mestilah diambil terhadap pemilik yang berkenaan berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 125 hingga 129 Kanun.

35. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan ubah syarat tanah telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta penguatkuasaan terhadap sebarang pelanggaran syarat kegunaan tanah telah dijalankan dengan sempurna.

36. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan ditumpukan kepada pengurusan ubah syarat tanah daripada pertanian kepada bangunan atau industri bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri terhadap rekod, fail dan dokumen bagi tahun 2001 hingga 2003. Sejumlah 35 daripada 191 permohonan tukar syarat tanah telah dipilih secara rambang untuk disemak. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai serta lawatan ke kawasan terlibat juga telah diadakan.

37. PENEMUAN AUDIT

37.1 PERANCANGAN

Perancangan kerja yang lengkap perlu disediakan supaya pengurusan ubah syarat tanah dapat memenuhi keperluan pelanggan. Bagi memastikan proses permohonan ubah syarat tanah berjalan dengan lancar, Pejabat telah merancang pengurusannya seperti berikut:

37.1.1 Peranan Dan Tanggungjawab Bahagian Pembangunan Tanah Dan Bahagian Industri

Bahagian Pembangunan Tanah bertanggungjawab terhadap pengurusan ubah syarat bagi tanah pertanian yang mempunyai keluasan kurang daripada 10 ekar. Bahagian ini diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Tanah Dan Galian dibantu oleh 17 orang kakitangan sokongan. Bahagian Industri pula

bertanggungjawab memproses urusan ubah syarat tanah milik (Industri dan Pertanian) untuk tujuan industri. Bahagian Industri pula diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Tanah Dan Galian dibantu oleh 15 orang kakitangan sokongan. Bagi memastikan pengurusan ubah syarat tanah dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, setiap permohonan akan didaftar dalam Daftar Permintaan Menukar Syarat. Setiap tindakan terhadap sesuatu permohonan itu dicatat dalam daftar tersebut sehinggalah dilulus atau ditolak bertujuan mengesan status dan tahap permohonan ubah syarat. Mengikut Piagam Pelanggan Pejabat, proses permohonan ubah syarat akan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan. Tatacara pengurusan ubah syarat tanah adalah berdasarkan Kanun Tanah Negara, Panduan Pentadbiran Tanah, Piagam Pelanggan dan Manual Prosedur Kerja. Seterusnya bagi pelanggaran syarat kegunaan tanah Pihak Berkuasa Negeri boleh menyita tanah tersebut. Pemilik tanah juga boleh dikenakan denda jika gagal menunjukkan sebab yang memuaskan mengenai pelanggaran syarat itu.

37.1.2 Peranan Dan Tanggungjawab Bahagian Penguatkuasa Dan Teknikal

Bahagian Penguatkuasa Dan Teknikal telah ditubuhkan di Pejabat sejak tahun 2001. Bahagian ini dibahagikan kepada 2 unit iaitu Unit Pengurusan Dan Pendakwaan serta Unit Operasi Dan Teknikal. Bahagian Penguatkuasa Dan Teknikal ini diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Tanah Dan Galian di mana 9 kakitangan ditempatkan di Unit Pengurusan Dan Pendakwaan manakala 74 kakitangan di Unit Operasi Dan Teknikal. Objektif penubuhan Bahagian Penguatkuasa Dan Teknikal adalah untuk menguatkuasa undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan tanah dan pelanggaran syarat. Bagi memastikan penguatkuasaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Undang-undang Tanah dapat dijalankan dengan berkesan, Bahagian

Penguatkuasa Dan Teknikal bertanggungjawab menjalankan fungsi, antaranya seperti berikut:

- i)** kerja pengukuran dermakasi tanah;
- ii)** penguatkuasaan ke atas penerokaan haram, pemindahan bahan batu tanpa permit dan pelanggaran syarat; dan
- iii)** menyedia laporan tanah dan pelan pinta ukur.

37.1.3 Tatacara Permohonan Ubah Syarat Tanah

Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil. 12 Tahun 1980 tempoh proses permohonan ubah syarat tanah tidak melebihi tiga bulan. Proses permohonan ini akan melalui beberapa peringkat Jabatan seperti Pejabat Daerah Dan Tanah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar serta Pihak Berkuasa Tempatan. Kertas kerja akan disediakan oleh Pejabat berdasarkan kepada laporan tanah oleh Pentadbir Tanah dan ulasan daripada Jabatan Teknikal. Setelah kertas kerja diperakui oleh Pasukan Petugas Industri Negeri, Pejabat akan mengemukakan kertas kerja tersebut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk pertimbangan sewajarnya. Permohonan yang berjaya akan diminta menjelaskan bayaran premium tambahan, cukai tahun pertama, pendaftaran dan bayaran ukur. Mengikut Notis Bahawa Bayaran Kena Dibayar (Borang 7G), semua perbelanjaan yang dikenakan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 2 bulan selepas kelulusan diterima. Secara ringkas, tatacara yang terlibat adalah seperti berikut:

- i)** permohonan hendaklah menggunakan Borang Cadangan Memajukan Tanah Kerajaan atau Tanah Bermilik;
- ii)** fail permohonan akan dibuka dan didaftarkan dalam Daftar Permintaan Menukar Syarat;
- iii)** kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat disediakan dan dikemukakan ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri;
- iv)** menyediakan kertas Mesyuarat Pasukan Petugas Industri Negeri berdasarkan laporan tanah oleh Pentadbir Tanah

- Daerah dan ulasan daripada Jabatan Teknikal;
- v) Kertas Mesyuarat akan disediakan dan dikemukakan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
 - vi) keputusan tolak atau lulus permohonan akan disampaikan kepada pemohon;
 - vii) bagi permohonan yang diluluskan, Pejabat akan merujuk kepada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri untuk mendapatkan nilai tanah untuk tujuan pengiraan premium. Penilaian yang dibuat juga melibatkan pindaan kadar sewa tanah (cukai tanah) tahunan;
 - viii) setelah penilaian dibuat, Notis 7G akan disampaikan kepada pemohon. Bayaran tersebut perlulah dijelaskan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh notis. Sekiranya tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, kelulusan yang diberi akan luput; dan
 - ix) setelah semua premium dan kos lain dijelaskan, pihak pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen hakmilik. Pendaftar Hakmilik akan membuat catatan, pembatalan atau kemasukan berkenaan ke dalam dokumen hakmilik berdasarkan Memorandum Pengubahan Syarat, Sekatan Dan Kategori.

37.1.4 Sasaran Kerja

Pejabat tidak menetapkan sebarang sasaran dalam merancang kerja tahunan. Semua permohonan yang diterima diproses berpandukan kepada ketetapan yang dinyatakan dalam Kanun Tanah Negara, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian dan Manual Prosedur Kerja Pejabat. Pejabat tidak dapat menjangka jumlah permohonan yang perlu diproses setiap tahun. Oleh itu pihaknya tidak menetapkan sebarang sasaran dalam perancangan kerja tahunan.

Pada pandangan Audit, proses pengurusan ubah syarat tanah telah dirancang selaras dengan Undang-undang Tanah, Piagam Pelanggan, Manual Prosedur Kerja dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tanah Dan Galian. Justeru itu, pengurusan ubah syarat tanah di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dapat memenuhi kehendak pelanggan.

37.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan pengurusan ubah syarat tanah adalah berpandukan Kanun Tanah Negara, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan, Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak, Panduan Pentadbiran Tanah, Manual Prosedur Kerja dan Piagam Pelanggan. Di peringkat pelaksanaan pengurusan ubah syarat tanah, semakan Audit mendapati perkara berikut:

37.2.1 Peranan Bahagian Pembangunan Tanah Dan Bahagian Industri

Bahagian Pembangunan Tanah bertanggungjawab terhadap pengurusan ubah syarat bagi tanah pertanian yang mempunyai keluasan kurang daripada 10 ekar. Bahagian Industri pula bertanggungjawab memproses urusan ubah syarat tanah milik (Industri dan Pertanian) untuk tujuan industri. Hanya 6 daripada 32 kakitangan sokongan terlibat secara langsung dalam proses permohonan ubah syarat tanah. Daftar Permintaan Menukar Syarat di Bahagian Pembangunan Tanah telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bertujuan mengesan status dan tahap permohonan ubah syarat. Mengikut Piagam Pelanggan Pejabat, proses permohonan ubah syarat akan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan. **Pada pandangan Audit, Bahagian ini telah melaksanakan tanggungjawabnya selaras dengan tatacara pengurusan ubah syarat tanah berdasarkan Kanun Tanah Negara, Panduan Pentadbiran Tanah, Piagam Pelanggan dan Manual Prosedur Kerja.**

37.2.2 Daftar Permintaan Menukar Syarat Tanah Di Bahagian Industri

Semua permohonan ubah syarat tanah yang diterima telah didaftarkan oleh Pejabat di Daftar Permintaan Menukar Syarat Tanah. Bagi setiap permohonan yang diterima, satu fail dibuka baginya. Antara maklumat yang dicatatkan di daftar berkenaan ialah bilangan permohonan, nombor fail pemohon, nama dan alamat pemohon dan nama mukim. Maklumat seperti keputusan MMK, jumlah premium tambahan yang dikenakan dan resit bayaran premium yang juga penting tidak direkodkan di Daftar Permintaan Menukar Syarat tetapi telah direkod di buku keputusan MMK. Oleh kerana beberapa maklumat penting seperti dinyatakan di atas tidak direkodkan di Daftar Permintaan Menukar Syarat Tanah, maka sukar bagi pihak Audit untuk membuat analisis mengenai status setiap permohonan yang diterima sama ada telah dilulus atau ditolak dan jumlah premium yang dikenakan. **Pada pandangan Audit, Pejabat wajar merekodkan semua maklumat penting di Daftar Permintaan Menukar Syarat Tanah agar memudahkan semakan dibuat mengenai status permohonan pada sesuatu masa.**

37.2.3 Pelaksanaan Permohonan Ubah Syarat Tanah

Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil. 12 Tahun 1980 tempoh proses permohonan ubah syarat tanah tidak melebihi 3 bulan. Proses permohonan ini melalui beberapa peringkat Jabatan seperti Pejabat Daerah Dan Tanah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar serta Pihak Berkuasa Tempatan. **Pihak Audit mendapati proses kerja telah dilaksanakan mengikut yang ditetapkan dalam prosedur kerja.**

37.2.4 Implimentasi Proses Permohonan Ubah Syarat Tanah

Proses permohonan ubah syarat tanah perlu mengambil kira bilangan permohonan, analisis ke atas kelewatan memproses permohonan juga bilangan dan usia permohonan yang tertunggak.

i) Bilangan Permohonan Ubah Syarat Tanah

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 191 permohonan telah diterima. Daripada 191 permohonan yang diproses, sejumlah 33 permohonan telah diluluskan iaitu pencapaian sebanyak 17% dan hanya 8 permohonan atau 4% telah ditolak kerana permohonan tidak lengkap, tidak mendapat sokongan daripada Jabatan Teknikal dan ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan manakala selebihnya iaitu 150 permohonan sedang diproses. Kedudukan permohonan ubah syarat tanah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Kedudukan Permohonan Ubah Syarat Tanah
Bagi Tempoh Tahun 2001 hingga 2003

Tahun	Bilangan Permohonan	Lulus	Tolak	Dalam Tindakan
2001	64	15	5	44
2002	72	15	3	54
2003	55	3	0	52
Jumlah	191	33	8	150
Peratus		17%	4%	79%

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak

Analisis Audit menunjukkan jumlah permohonan yang masih dalam tindakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah antara 68.8% hingga 94.6%.

Pada pandangan Audit kelewatan dalam meluluskan permohonan ubah syarat ini dapat mengurangkan kutipan hasil atas cukai tanah baru. Pejabat harus mengambil tindakan memproses dan menyiasat segala permohonan yang telah lengkap dalam tempoh yang segera untuk mengurangkan tunggakan permohonan dan kehilangan hasil.

ii) Permohonan Ubah Syarat Tanah Lewat Diproses

Mengikut ketetapan Piagam Pelanggan Pejabat, tempoh memproses permohonan ubah syarat tanah hingga mendapat kelulusan adalah selama 3 bulan dari tarikh permohonan. Pemeriksaan Audit terhadap 35 permohonan ubah syarat tanah mendapati tempoh yang diambil antara 5 hingga 37 bulan. Daripada 35 permohonan, adalah didapati 5 permohonan telah lewat diproses melebihi 3 hingga 9 bulan, dua permohonan telah diproses melebihi 9 hingga 12 bulan manakala 28 permohonan diproses melebihi 12 bulan. Pihak Audit telah mengenal pasti beberapa sebab berlakunya kelewatan semasa memproses permohonan ubah syarat tanah iaitu:

- a)** maklumat permohonan tidak lengkap dan tidak mendapat maklum balas daripada pemohon; dan
- b)** Jabatan Teknikal dan Pentadbir Tanah lewat mengemukakan ulasan dan laporan tanah.

Adalah didapati 3 permohonan adalah kes permohonan yang tidak lengkap dan tidak mendapat maklum balas daripada pemohon manakala 19 permohonan menunggu ulasan daripada Jabatan berkenaan.

Pada pandangan Audit, Pejabat perlu mengadakan perbincangan dengan Jabatan Teknikal dan Pentadbir Tanah Daerah bagi mengenal pasti punca kelewatan di peringkat jabatan berkenaan. Untuk memastikan

permohonan dikemukakan lengkap dan kemas kini, pihak Audit mencadangkan supaya satu garis panduan yang menyeluruh dikeluarkan menggariskan tatacara pengisian borang permohonan dan jenis dokumen yang perlu disertakan kepada permohonan.

iii) Permohonan Ubah Syarat Tanah Yang Tertunggak

Daripada Daftar Permintaan Menukar Syarat yang diselenggara, pihak Audit telah mengenal pasti 57 kes permohonan ubah syarat tanah yang diterima sejak tahun 1992 hingga 2000 masih belum dikemukakan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Permohonan tertunggak ini berlaku disebabkan oleh maklumat permohonan tidak lengkap dan tiada maklum balas daripada pemohon menyebabkan Pejabat terpaksa menyimpan fail terbabit bagi tempoh yang lama. **Jadual 30** menunjukkan bilangan permohonan tertunggak bagi tempoh tahun 1992 hingga 2000.

Jadual 30
Kedudukan Permohonan Ubah Syarat Tanah Yang Tertunggak Bagi Tempoh Tahun 1992 Hingga 2000

Tahun	Kes Belum Selesai	Usia Tunggakan Kerja (Tahun)
1992	1	11
1993	1	10
1994	3	9
1995	3	8
1996	4	7
1997	4	6
1998	7	5
1999	11	4
2000	23	3
Jumlah	57	

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak

Pada pandangan Audit, Pejabat Tanah perlu menetapkan satu tempoh masa yang sesuai bagi pemohon mengambil tindakan terhadap maklumat yang diperlukan olehnya untuk meneruskan pemrosesan permohonan.

37.2.5 Cukai Tanah Dan Bayaran Premium

Mengikut Seksyen 124 Kanun, apabila Pihak Berkuasa Negeri meluluskan permohonan di bawah seksyen ini pemohon dikehendaki menjelaskan beberapa bayaran seperti berikut:

- i) Premium Tambahan;**
- ii) Cukai Tanah baru; dan**
- iii) Bayaran lain yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri.**

Bagi tempoh tahun 2003 Pejabat Tanah Dan Galian Negeri telah mengeluarkan notis bayaran premium sejumlah RM70.48 juta. Sejumlah RM40.18 juta atau 57% telah dipungut daripada pemilik tanah meninggalkan tunggakan berjumlah RM30.30 juta. Pemeriksaan Audit terhadap 35 permohonan ubah syarat tanah yang telah diproses mendapati 1 permohonan ubah syarat tanah yang telah diluluskan kepada sebuah syarikat telah terkurang dibayar sejumlah RM945.

Pada pandangan Audit, sebahagian besar peraturan berkaitan prosedur ubah syarat tanah telah dipatuhi. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tempoh yang ditetapkan bagi memproses permohonan ubah syarat tanah perlu dikaji memandangkan Pejabat tidak pernah mencapai tempoh masa yang ditetapkan.

37.3 PEMANTAUAN

Pemantauan merupakan elemen penting terhadap pengurusan ubah syarat tanah bagi memastikan terdapat unsur pemantauan secukupnya terhadap aktiviti yang dijalankan dan penilaian berterusan dilakukan bagi tujuan mengukur tahap kecekapan. Semakan Audit mendapati perkara berikut telah dilaksanakan oleh Jabatan bagi memantau pengurusan ubah syarat tanah.

37.3.1 Mesyuarat Berkala

Pemeriksaan Audit mendapati mesyuarat berkala di peringkat pengurusan diadakan dari semasa ke semasa bagi memantau prosedur dan kelulusan permohonan ubah syarat tanah. Di samping itu, perbincangan dan tindakan susulan dibuat dengan segera bagi memastikan fail permohonan, Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan rekod berkaitan sentiasa dikemas kini.

37.3.2 Jadual Dan Laporan Berkala

Pemantauan dan kawal selia dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Dan Teknikal melalui Jadual Tugas Rondaan yang disediakan setiap bulan. Walau bagaimanapun adalah didapati Bahagian ini tidak menyediakan jadual dan laporan berkala terhadap tugas penguatkuasaan pelanggaran syarat kegunaan tanah, sebagaimana yang ditetapkan di dalam Kertas Cadangan Mewujudkan Pasukan Penguatkuasa Berpusat Di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak Tahun 2001. Jadual Tugas Rondaan Dan Penguatkuasaan yang disediakan hanya berkaitan dengan aktiviti pemindahan bahan batu.

37.3.3 Lawatan Dan Pemeriksaan Fizikal

Pihak Audit mendapati tiada tindakan penguatkuasaan dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasa Dan Teknikal bagi menentukan syarat kegunaan tanah dipatuhi walaupun telah dinyatakan dengan jelas bahawa Bahagian ini bertanggungjawab menjalankan penguatkuasaan ke atas pelanggaran syarat. Ketiadaan tindakan penguatkuasaan ini menyebabkan Kerajaan Negeri lewat atau gagal mengutip hasil daripada sumber cukai tanah dan bayaran premium. Sekiranya aktiviti pelanggaran syarat kegunaan tanah ini terus berleluasa, Kerajaan Negeri akan mengalami kerugian hasil premium dan cukai hasil. Bagi memastikan penguatkuasaan ke atas pelanggaran syarat tanah dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan, Bahagian Penguatkuasa Dan Teknikal perlu mewujudkan satu sistem pemantauan bagi mengesan dan memantau semua tanah yang telah diberi milik dibangunkan mengikut syarat kegunaan tanah yang telah diluluskan.

Pada pandangan Audit, Bahagian Penguatkuasa Dan Teknikal telah diwujudkan dengan fungsi yang mantap untuk memastikan kerja dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Jadual Tugas Rondaan Dan Penguatkuasaan serta Laporan Berkala mengenai perlanggaran syarat kegunaan tanah hendaklah disediakan. Dengan itu, kualiti kerja penguatkuasaan boleh dipertingkatkan melalui pemantauan secara berkala dan sistematik.

38. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan ubah syarat tanah yang ditadbirkan oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri masih boleh dipertingkatkan. Walaupun masih wujud kelemahan seperti kelewatan memproses permohonan dan ketiadaan aktiviti penguatkuasaan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri masih boleh memperbaiki kelemahan dengan mengambil tindakan segera supaya

pengurusan ubah syarat tanah beserta aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap. Bagi mengatasi masalah ini, adalah disyorkan supaya proses kelulusan dapat dipercepatkan dan permohonan ubah syarat yang lama tertunggak diselesaikan dengan segera. Selain itu, penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat kegunaan tanah juga perlu diperketatkan bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan tanah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

**BAHAGIAN IV
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM
DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

39. PENDAHULUAN

Selain daripada mengaudit Akaun Awam Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara juga mengaudit akaun bagi 12 Badan Berkanun Negeri, sebuah Majlis Agama Islam dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan kehendak Akta Audit 1957. Bahagian ini melaporkan hasil pengauditan terhadap pengurusan kewangan dan aktiviti agensi tersebut. Pada tahun 2003, isu yang dibangkitkan di Bahagian ini adalah berkaitan pengurusan kewangan Lembaga Air Perak, Majlis Daerah Kinta Selatan serta kajian terhadap Pengurusan Pinjaman Pelajaran di Yayasan Perak dan kajian terhadap Projek Pembinaan Dewan dan Chalet di kawasan Tasik Raban Fasa II di Majlis Daerah Lenggong.

40. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Jabatan Audit Negara mengaudit penyata kewangan bagi 12 Badan Berkanun Negeri, sebuah Majlis Agama Islam dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada jumlah tersebut, pengauditan telah dijalankan oleh firma audit swasta terhadap 21 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta itu adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara melalui penyediaan Memorandum Perancangan Audit, tempoh pengauditan yang ditetapkan seperti yang terdapat dalam surat perjanjian, lawatan dan perbincangan antara pihak firma audit swasta dengan pegawai Jabatan Audit Negara serta penyediaan Borang Semakan yang perlu disertakan bersama Laporan Akhir yang dihantar kepada Jabatan Audit Negara.

41. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Penyerahan penyata kewangan bagi 12 Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk di bawah Enakmen yang ditetapkan. Bagi penyerahan penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, ia tertakluk di bawah Seksyen 60(1) Akta Kerajaan Tempatan 176 (Akta 171) dan bagi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak pula termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992.

Secara keseluruhannya kemajuan dapat dilihat dari aspek penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Penyerahan penyata kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak menunjukkan kemajuan kerana sehingga 31 Julai 2004, hanya 1 Agensi belum mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.

Penyata Kewangan bagi 15 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 telah dihantar untuk diaudit. Kemajuan ini adalah hasil usaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang menyelaras dan memantau secara berterusan terhadap Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan penyerahan Penyata Kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Adalah diharap usaha ini diteruskan dan menjadi contoh kepada Agensi lain. Kedudukan terperinci mengenai penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sehingga 31 Julai 2004 adalah seperti di **Lampiran III.**

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak tidak menunjukkan kemajuan dalam penyerahan penyata kewangan kerana Penyata Kewangan tahun 2001 dan 2002 belum diserahkan kepada Jabatan Audit Negara. Ini disebabkan syarikat subsidiari dan bersekutu lewat mengemukakan Penyata Kewangan untuk tujuan penyatuan akaun. Walaupun Pihak Berkuasa Negeri memantau penyerahan Penyata Kewangan oleh Perbadanan tetapi ia adalah kurang berkesan. Adalah dicadangkan satu Unit Khas diwujudkan bagi tujuan pemantauan prestasi penyerahan Penyata Kewangan Agensi.

42. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga 31 Julai 2004, sejumlah 20 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan 2 penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak telah dikeluarkan sijil yang terdiri daripada 14 Sijil Tanpa Teguran dan 9 Sijil Berteguran. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan pula sebanyak 16 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah dikeluarkan sijil yang terdiri daripada 10 Sijil Tanpa Teguran dan 6 Sijil Berteguran. Kedudukan Persijilan Berteguran Penyata Kewangan Agensi setakat 31 Julai 2004 adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Kedudukan Persijilan Berteguran
Setakat 31 Julai 2004

Bil.	Agensi	Tahun Akaun
	Badan Berkanun Negeri	
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	2000
2.	Lembaga Air Perak	2001 Dan 2002
3.	Majlis Sukan Negeri Perak	2002
4.	Kumpulan Wang Basiswa Pengajian Tinggi Anak-anak Melayu	2000 – 2002
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	2001
6.	Yayasan Perak	2002
7.	Kumpulan wang biasiswa rakyat negeri perak (Bukan Melayu)	2002
	Pihak Berkuasa Tempatan	
8.	Majlis Daerah Tanjung Malim	2002
9.	Majlis Daerah Gerik	2002
10.	Majlis Daerah Perak Tengah	2002
11.	Majlis Daerah Kinta Selatan	2001 Dan 2002

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Tahun 2002 Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan peningkatan pematuhan terhadap piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Antara isu yang dibangkitkan dalam Sijil Berteguran Ketua Audit Negara adalah seperti berikut:

- i) jumlah Aset dan Tanggungan di Lembaran Imbangan tidak dapat disahkan kerana ketiadaan dokumen sokongan dan penjelasan daripada Agensi;
- ii) kesalahan perakaunan kerana jumlah siputang tidak mengambil kira perbelanjaan terakru semasa; dan
- iii) rekod perakaunan tidak disediakan seperti lejar am, lejar individu siputang, akaun pendapatan, daftar harta modal serta penyata penyesuaian.

43. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Akaun Agensi Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Daripada 12 Badan Berkanun Negeri hanya 8 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri yang perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak 5 Penyata kewangan iaitu Kumpulanwang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak, Kumpulanwang Biasiswa Rakyat Negeri Perak (Bukan Melayu), Amanah Agama Khairat Sultan Idris, Kuala Kangsar, Majlis Sukan Negeri Perak serta Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tiada diperuntukkan di dalam Enakmen masing-masing. Selain itu, 15 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2002 masih belum dibentangkan semasa sidang Dewan Undangan Negeri. Butiran terperinci berkaitan pembentangan Penyata Kewangan Agensi di Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Lampiran IV**.

44. PRESTASI KEWANGAN

Analisis Audit terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 mendapati 8 Agensi termasuk Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak memperolehi lebihan berjumlah RM54.61 juta manakala 2 Agensi mengalami baki defisit berjumlah RM1.33 juta pada tahun kewangan 2002. Semakan selanjutnya mendapati harta semasa bersih bagi 11 Agensi termasuk Majlis Agama Islam menunjukkan baki bersih antara RM0.20 juta hingga RM47.25 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri yang terlibat adalah seperti **Jadual 33**.

Jadual 33
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

Bil.	Nama Badan Berkanun Negeri/ Majlis Agama Islam	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ (Defisit)	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Harta Semasa Bersih
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak*	-	-	-	-	-	-
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	24.53	11.09	13.44	61.97	14.72	47.25
3.	Lembaga Air Perak	200.75	164.27	36.48	219.28	196.31	22.97
4.	Yayasan Perak	3.17	2.29	0.88	13.28	5.61	7.67
5.	Kolej Islam Darul Ridzuan	2.40	2.26	0.14	1.25	0.48	0.77
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak*	-	-	-	-	-	-
7.	Majlis Sukan Negeri Perak	4.36	5.69	(1.33)	6.35	0.04	6.31
8.	Lembaga Muzium Negeri Perak	0.07	0.06	0.01	0.47	0.001	0.469
9.	Lembaga Kemajuan Penanam Padi Perak	0.003	0.003	-	1.09	0.015	1.075
10.	Kumpulan Wang Basiswa Pengajian Tinggi Anak Melayu Perak	0.009	0.002	0.007	20.71	0.032	20.67
11.	Kumpulan Wang Basiswa Pengajian Rakyat (Bukan Melayu)	-	0.002	(0.002)	7.83	0.01	7.82
12.	Amanah, Agama Khairat Sultan Idris Kuala Kangsar	0.19	0.11	0.08	0.24	0.04	0.20
13.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	6.38	2.81	3.57	32.10	5.78	26.32

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

* Penyata Kewangan 2002 belum dikemukakan

Analisis Audit terhadap penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 mendapati 7 Majlis memperoleh lebih berjumlah RM20.61 juta manakala 8 Majlis mengalami baki defisit sejumlah RM6.64 juta. Semakan selanjutnya mendapati harta semasa bersih bagi 14 Pihak Berkuasa Tempatan kecuali Majlis Daerah Lenggong menunjukkan baki bersih antara RM0.62 juta hingga RM26.91 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Agensi yang terlibat adalah seperti **Jadual 34**.

Jadual 34
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2002			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	102.35	86.83	15.52	48.46	24.19	24.27
2.	Majlis Perbandaran Taiping	30.14	34.42	(4.28)	36.43	9.52	26.91
3.	Majlis Perbandaran Manjung	16.52	15.93	0.59	13.41	4.72	8.69
4.	Majlis Daerah Kuala Kangsar	9.55	8.83	0.72	3.55	1.92	1.63
5.	Majlis Daerah Hilir Perak	10.09	11.18	(1.09)	7.19	2.21	4.98
6.	Majlis Daerah Kerian	8.66	8.29	0.37	3.33	1.34	1.99
7.	Majlis Daerah Tanjung Malim	4.81	5.04	(0.23)	2.77	0.92	1.85
8.	Majlis Daerah Tapah	3.99	4.32	(0.33)	2.34	1.54	0.80
9.	Majlis Daerah Gerik	2.53	2.65	(0.12)	0.98	0.36	0.62
10.	Majlis Daerah Selama	2.09	2.37	(0.28)	0.82	0.18	0.64
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	3.41	3.04	0.37	2.24	1.09	1.15
12.	Majlis Daerah Lenggong	1.52	1.68	(0.16)	0.47	0.53	(0.06)
13.	Majlis Daerah Kinta Selatan	7.48	6.48	1.00	7.67	2.22	5.45
14.	Majlis Daerah Kinta Barat	7.48	5.44	2.04	12.45	0.49	11.96
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	1.73	1.88	(0.15)	2.01	0.18	1.83

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Tunggakan Cukai Taksiran

Mengikut Penyata Kewangan bagi 15 Pihak Berkuasa Tempatan, tunggakan cukai taksiran sehingga akhir tahun 2002 berjumlah RM41.09 juta. Analisis terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati 6 daripada 15 Majlis menunjukkan peningkatan tunggakan cukai taksiran antara RM0.08 juta hingga RM1.07 juta.

Tunggakan cukai taksiran bagi 6 Majlis lain menunjukkan penurunan antara RM0.01 juta hingga RM0.54 juta manakala tunggakan cukai taksiran bagi 3 Majlis tidak berubah. Antara sebab bertambahnya tunggakan cukai taksiran ialah meningkatnya bilangan harta/pegangan baru di kawasan Majlis, kenaikan kadar cukai taksiran dan pemegang harta gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang ditetapkan. Kedudukan terperinci tunggakan cukai taksiran adalah seperti **Jadual 35**.

Jadual 35
Tunggakan Cukai Taksiran Pada 31 Disember 2002

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan Cukai Taksiran		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
		31.12.2001 (RM Juta)	31.12.2002 (RM Juta)	
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	19.53	20.60	1.07
2.	Majlis Perbandaran Taiping	3.39	3.37	(0.02)
3.	Majlis Perbandaran Manjung	4.80	4.26	(0.54)
4.	Majlis Daerah Kuala Kangsar	0.87	0.95	0.08
5.	Majlis Daerah Hilir Perak	1.68	1.44	(0.24)
6.	Majlis Daerah Kerian	0.89	0.76	(0.13)
7.	Majlis Daerah Tanjung Malim	2.09	2.25	0.16
8.	Majlis Daerah Tapah	1.38	1.51	0.13
9.	Majlis Daerah Gerik	0.17	0.16	(0.01)
10.	Majlis Daerah Selama	0.09	0.09	-
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	0.64	0.78	0.14
12.	Majlis Daerah Lenggong	0.11	0.11	-
13.	Majlis Daerah Kinta Selatan	2.41	2.07	(0.34)
14.	Majlis Daerah Kinta Barat	2.07	2.63	0.56
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.11	0.11	-
Jumlah		40.23	41.09	0.86

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

45. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhan, penyerahan penyata kewangan bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah memuaskan manakala ada peningkatan penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun. Dalam aspek persijilan penyata kewangan, agensi yang telah diberi Sijil Berteguran hendaklah meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan perakaunan selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa. Berdasarkan analisis kewangan, sebanyak 10 agensi telah mengalami defisit pada akhir tahun 2002. Agensi berkenaan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan terimaan hasil dan mengawal perbelanjaan supaya defisit yang dialami tidak akan berlarutan. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengambil tindakan tertentu seperti memberi insentif dan mengadakan promosi bagi menggalakkan pemegang harta menjelaskan cukai taksiran mengikut masa ditetapkan.

LEMBAGA AIR PERAK

PENGURUSAN KEWANGAN

46. LATAR BELAKANG

Lembaga Air Perak (Lembaga) yang ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Air Perak 1988 bertanggungjawab untuk membina pasang loji, mengurus dan mengendalikan pemasangan air di seluruh Negeri Perak. Selain itu, Lembaga juga bertanggungjawab dalam perbekalan, pengagihan dan penggunaan air yang bersih dan tulen kepada awam pada bayaran yang berpatutan melalui kaedah pengebilan yang bersistematik. Pengurusan dan pentadbiran Lembaga terdiri daripada Wilayah Tengah I, Tengah II, Utara, Barat dan Selatan. Pengurusan pentadbiran Ibu Pejabat Lembaga dikendalikan oleh 4 bahagian seperti berikut:

- i) Bahagian Hal Ehwal Korporat/Perhubungan Awam;
- ii) Bahagian Perancangan Dan Rekabentuk;
- iii) Bahagian Kewangan Dan Akaun; dan
- iv) Bahagian Operasi.

Sumber pendapatan utama Lembaga adalah hasil daripada jualan air. Selain itu, Lembaga juga mengutip pelbagai hasil seperti bayaran lesen *plumber*, bayaran pengujian dan penyewaan tapak. Jumlah pendapatan sehingga bulan Disember 2003 adalah RM201.39 juta. Pada tahun 2003, peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan Lembaga masing-masing berjumlah RM158.57 juta dan RM180.10 juta. Sehingga bulan Disember 2003 perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM147.25 juta dan perbelanjaan pembangunan RM118.65 juta. Lembaga menggunakan sistem perakaunan berkomputer untuk melaksanakan operasinya. Bagaimanapun, modul yang terdapat dalam sistem tersebut masih belum boleh digunakan sepenuhnya. Modul yang boleh digunakan ialah Lejar Am, Akaun Belum Terima, Akaun Belum Bayar, Buku Tunai, Gaji Dan Upah, Buku Vot dan Pengebilan Pengguna.

47. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini bertujuan menentukan sama ada Lembaga mematuhi peraturan kewangan dan wujudnya kawalan dalaman pengurusan kewangan berkaitan kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman, pengurusan akaun amanah dan kumpulan wang amanah serta pengurusan aset. Bagi tujuan ini, rekod kewangan di Ibu Pejabat Lembaga bagi tahun 2003 telah disemak dan pengauditan dijalankan mengikut kaedah pensampelan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga diadakan.

48. PENEMUAN AUDIT

48.1 KAWALAN PENGURUSAN

Tanggungjawab pengurusan adalah untuk menentukan operasi Lembaga dijalankan dengan teratur dan sistematik. Antaranya adalah dengan mewujudkan panduan kerja, struktur organisasi yang jelas mengikut fungsinya serta perwakilan kuasa yang teratur. Penemuan Audit terhadap kawalan pengurusan Lembaga adalah seperti berikut:

48.1.1 Struktur Organisasi

Struktur organisasi perlu diwujudkan bagi menunjukkan fungsi, aktiviti sesebuah organisasi dan perjawatan. Struktur yang jelas adalah penting supaya fungsi organisasi dapat dilaksana dengan lebih teratur. Pemeriksaan Audit mendapati struktur organisasi Lembaga telah diwujudkan dengan jelas mengikut fungsi dan perjawatan yang diluluskan. Pada tahun 2003, sejumlah 1,359 perjawatan telah diluluskan. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2003, hanya 1,090 perjawatan telah diisi dan masih ada 269 kekosongan perjawatan. Daripada jumlah tersebut hanya 2 kekosongan bagi jawatan kumpulan pengurusan dan profesional manakala selebihnya adalah daripada kumpulan sokongan I dan II.

Pada pendapat Audit, struktur organisasi Lembaga adalah bersesuaian dengan fungsi dan peranan Lembaga. Daripada 269 kekosongan perjawatan, sebanyak 80% adalah terdiri daripada kekosongan di bawah kumpulan sokongan II. Bagaimanapun, Lembaga sedang mengkaji semula struktur organisasi yang sedia ada supaya selaras dan bersesuaian dengan fungsi Lembaga yang menghala ke arah pengkorporatan.

48.1.2 Manual Prosedur Kerja

Manual Prosedur Kerja adalah dokumen yang mengandungi antara lain fungsi dan objektif Jabatan serta prosedur kerja yang jelas bagi setiap kakitangan seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991. Semakan Audit mendapati Lembaga ada menyediakan Manual Prosedur Kerja untuk dua Bahagian sahaja iaitu Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Bahagian Kewangan Dan Akaun. Manual Prosedur Kerja bagi 2 Bahagian yang lain tidak disediakan.

48.1.3 Fail Meja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menghendaki semua anggota dan pegawai menyelenggara Fail Meja dengan sempurna dan kemas kini untuk memberi garis panduan yang jelas kepada seseorang pegawai supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap. Pemeriksaan Audit terhadap Fail Meja bagi 16 kakitangan mendapati 13 Fail Meja yang disediakan adalah tidak lengkap dan kemas kini. Perkara seperti senarai tugas, carta organisasi, norma kerja dan peraturan pentadbiran tidak terdapat dalam Fail Meja yang disemak. Selain itu, Fail Meja bagi 3 kakitangan tidak disediakan.

48.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Pekeliling Kewangan Bil. 2 Tahun 2003, menyatakan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu

ditubuhkan di setiap Jabatan termasuk Badan Berkanun Negeri. Tujuan Jawatankuasa ini adalah untuk meningkatkan tahap pengurusan kewangan dan akaun serta pengurusan aset dan stor di Jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan setiap bulan atau sekurang-kurangnya 3 bulan satu kali dan laporan suku tahun hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga masih belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun sebagaimana kehendak Pekeliling yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, Lembaga hendaklah menyediakan Manual Prosedur Kerja untuk 2 Bahagian yang lain dan mengemas kini Fail Meja dari semasa ke semasa. Lembaga juga perlu mengambil tindakan segera untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi memantau dan memantapkan lagi pengurusan kewangannya.

48.2 KAWALAN HASIL

Sumber pendapatan Lembaga terdiri daripada hasil jualan air, lesen *plumber*, pemasangan dan penyambungan bekalan baru, bayaran pengujian dan pendapatan sewa tapak. Sehingga bulan Disember 2003, hasil sebenar yang diperolehi adalah berjumlah RM201.39 juta berbanding hasil sebenar bagi tahun 2002 sejumlah RM166.65 juta. Sejumlah RM186.47 juta atau 92.6% daripada hasil tahun 2003 adalah jualan air. Butiran lanjut hasil adalah seperti **Jadual 36**.

Jadual 36
Hasil Lembaga Air Perak Pada Tahun 2003

Jenis Hasil	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
Jualan Air	161.30	186.47	25.17
Lesen <i>Plumber</i>	0.03	0.01	(0.02)
Sewa Tapak	1.15	1.24	0.10
Pelbagai	4.17	13.67	9.49
Jumlah	166.65	201.39	34.74

Sumber: Rekod Lembaga Air Perak

48.2.1 Kawalan Borang Hasil

Semakan Audit terhadap dokumen kawalan borang hasil adalah seperti berikut:

i) Daftar Stok

Arahan Perbendaharaan 67 menghendaki pemungut menyelenggarakan Daftar Stok bagi maksud merekodkan semua stok borang hasil yang belum guna di bawah kawalannya sendiri atau seorang pegawai lain yang tidak terlibat membuat kutipan hasil. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Stok di Bahagian Stor tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Butiran seperti nombor siri resit, tarikh terimaan atau keluaran serta baki stok resit tidak dicatatkan di Daftar tersebut.

ii) Penyata Borang Hasil Yang Dikawal

Penyata Borang Hasil Yang Dikawal hendaklah disediakan dan dikemukakan bersekali dengan Kira-kira Tunai bulanan kepada Unit Audit Dalam untuk diaudit. Penyata ini hendaklah mencatatkan maklumat resit hasil yang diguna pada bulan tersebut dan baki resit yang belum digunakan. Pemeriksaan Audit mendapati Penyata Borang Hasil Yang Dikawal ada diselenggara tetapi tidak mencatatkan baki resit yang masih belum digunakan.

48.2.2 Buku Tunai

Buku Tunai merupakan rekod utama perakaunan hasil. Rekod utama ini perlu diselenggara dengan teratur dan dikawal selia supaya semua hasil yang diterima diakaunkan dengan sewajarnya. Peraturan berkaitan penyelenggaraan Buku Tunai dan kawal selia dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 72 dan 80. Mengikut Arahan Perbendaharaan 80(b) adalah menjadi tanggungjawab pemungut memastikan bahawa semua akaun adalah betul. Pemungut hendaklah memeriksa dan menyemak setiap hari semua catatan yang dibuat dalam Buku Tunai dan buku akaun yang lain atau laporan berkomputer. Pegawai yang menyemak hendaklah menandatangani ringkas dan mencatat tarikh di tempat setakat mana Buku Tunai disemak. Adalah diperhatikan Buku Tunai tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi bulan Januari hingga November 2003.

48.2.3 Kemasukan Wang Hasil Ke Bank

Arahan Perbendaharaan 80(e) menghendaki slip bayar masuk bank disemak bagi menentukan jumlah diakui terima oleh bank adalah bersamaan dengan jumlah yang tercatat di Buku Tunai dan penyata pemungut. Tandatangan ringkas dan tarikh hendaklah diturunkan bagi membuktikan semakan tersebut telah dilakukan. Pemeriksaan Audit mendapati tidak ada bukti pemeriksaan terhadap slip bayar masuk bank oleh pegawai yang bertanggungjawab.

48.2.4 Penyata Penyesuaian Bank

Arahan Perbendaharaan 146 menghendaki pada hujung setiap bulan, Penyata Bank disemak dengan Buku Tunai dan jika terdapat perbezaan suatu Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab. Penyesuaian hasil dan penyesuaian perbelanjaan telah dibuat bersekali pada setiap bulan dan Penyata Penyesuaian Bank tersebut telah ditandatangani oleh

Pegawai Penyelia. Semakan Audit mendapati Penyata Penyesuaian Bank telah disediakan setiap bulan dengan betul.

48.2.5 Tunggakan Hasil Jualan Air

Jualan air merupakan hasil utama kepada Lembaga. Oleh itu, Lembaga perlu mengambil perhatian serius terhadap tunggakan hasilnya. Semakan Audit mendapati tunggakan hasil jualan air setakat bulan Disember 2003 adalah berjumlah RM26.70 juta. Tunggakan hasil jualan air ini terdiri daripada akaun aktif sejumlah RM14.65 juta, akaun tertunggak sejumlah RM773,584 dan akaun tidak aktif pula sejumlah RM11.28 juta. Bagi tujuan mengurangkan tunggakan hasil terutama untuk akaun tidak aktif dan akaun tertunggak, Lembaga melantik sebuah firma guaman untuk mengutip tunggakan bagi tahun 1999 dan tahun sebelumnya. Perjanjian telah ditandatangani pada bulan September 1998. Yuran pengurusan dibayar oleh Lembaga pada kadar 25% daripada jumlah tunggakan yang berjaya dikutip. Tunggakan hasil jualan air bagi tahun 2000 dan seterusnya dikutip oleh Lembaga. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2003, Lembaga berjaya mengutip tunggakan hasil jualan air sejumlah RM868,616 manakala firma guaman yang dilantik mengutip sejumlah RM947,485. Jumlah keseluruhan tunggakan hasil jualan air yang dikutip sehingga bulan Disember 2003 hanya RM1.82 juta atau 6.8% berbanding tunggakannya berjumlah RM26.70 juta. Namun demikian, kutipan tunggakan hasil sebenar yang diambil kira adalah RM1.58 juta setelah ditolak yuran pengurusan sejumlah RM236,871.

48.2.6 Daftar Mel

Mengikut Arahan Perbendaharaan 71(a), Daftar Mel hendaklah diselenggara bagi merekod wang tunai, dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos. Bagi penerimaan hasil melalui pos, nombor dan tarikh resit yang dikeluarkan hendaklah dicatat di Daftar tersebut. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak menyelenggarakan Daftar ini. Segala cek yang diterima melalui

mel oleh Bahagian Operasi atau Bahagian Pentadbiran dihantar ke Bahagian Kewangan bersama dengan fail mengikut perjenisan perbelanjaan untuk pengeluaran melalui pos tidak dapat ditentukan.

48.2.7 Pemeriksaan Mengejut

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan setiap Ketua Jabatan mengadakan pemeriksaan mengejut secara berkala terhadap peti wang tunai dan bekas wang lain dalam jagaan pegawai bawahannya yang diamanah menyimpan wang awam atau barangan lain yang berharga. Pemeriksaan itu hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga tidak menyelenggarakan Daftar Pemeriksaan Mengejut seperti mana kehendak arahan tersebut. Oleh itu, tiada bukti yang menunjukkan bahawa pemeriksaan mengejut pernah dijalankan.

Pada pendapat Audit, kawalan hasil adalah kurang memuaskan. Pemantauan oleh pihak pengurusan amat penting bagi meningkatkan kawalan dalaman dan pematuhan kepada kehendak peraturan kewangan.

48.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Perbelanjaan Lembaga hanya boleh dilakukan setelah peruntukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurus Besar perlu menguruskan perbelanjaannya mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan perbelanjaan adalah seperti berikut:

48.3.1 Kawalan Peruntukan

Sehingga bulan Disember 2003, perbelanjaan mengurus Lembaga adalah berjumlah RM147.25 juta atau 92.9% berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM158.57 juta. Perbelanjaan pembangunan sebenar sehingga bulan Disember 2003 adalah berjumlah RM118.65 juta atau 65.9% sahaja

berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM180.10 juta. Semakan Audit mendapati rekod kawalan perbelanjaan seperti Buku Vot adalah teratur dan setiap perbelanjaan diperakukan oleh pegawai yang diberi kuasa. Butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Peruntukan Dan Perbelanjaan Lembaga Air Perak
Bagi Tahun 2003

Butiran Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan	
		(RM Juta)	%
Mengurus	158.57	147.25	92.9
Pembangunan	180.1	118.65	65.9
Jumlah	338.67	265.90	78.5

Sumber: Rekod Lembaga Air Perak

48.3.2 Baucar Bayaran

Baucar bayaran merupakan dokumen penting bukti pembayaran. Semakan Audit terhadap 247 daripada 3,361 baucar mendapati penyediaan baucar, penggunaan kod program/aktiviti dan kriteria urusan perolehan/perkhidmatan adalah teratur sebagaimana kehendak peraturan kewangan.

48.3.3 Perolehan

Perolehan barangan, perkhidmatan dan kerja perlu diurus mengikut peraturan kewangan sama ada dibuat secara pembelian terus, sebut harga atau tender. Borang pesanan kerajaan dan inden kerja hendaklah digunakan untuk tujuan tersebut. Dokumen ini perlu disediakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1971. Penemuan Audit terhadap urusan perolehan adalah seperti berikut:

i) Inden Kerja Dan Borang Pesanan Kerajaan

Perolehan hanya boleh dilakukan setelah diluluskan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa. Pemeriksaan Audit mendapati surat penurunan kuasa untuk

meluluskan perolehan ada disediakan tetapi surat tersebut tidak ditandatangani oleh Pengurus Besar yang terdahulu. Semakan lanjut mendapati inden kerja dan borang pesanan kerajaan disediakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

ii) Peti Tawaran

Mengikut Arahan Perbendaharaan 196, dua kunci yang berbeza bagi peti tawaran hendaklah diadakan dan anak kuncinya dipegang secara berasingan oleh dua orang pegawai kanan Jabatan. Pemeriksaan Audit mendapati kehendak peraturan ini telah dipatuhi. Dua kunci yang berasingan telah diadakan dan anak kuncinya dipegang secara berasingan oleh dua orang pegawai kanan Lembaga.

iii) Jawatankuasa Sebut Harga

Arahan Perbendaharaan 170(3) dan 197 menghendaki Jawatankuasa Sebut Harga dan Jawatankuasa Pembuka Tender diwujudkan. Semakan Audit mendapati 2 Jawatankuasa telah diwujudkan sebagaimana kehendak peraturan yang berkuatkuasa. Pemeriksaan Audit mendapati peraturan mengenai membuka dan mengeluarkan sebut harga/tender telah dipatuhi.

48.3.4 Daftar Bil

Daftar Bil merupakan rekod untuk memantau semua bil yang diterima, dibayar dengan segera iaitu tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh ia diterima. Arahan Perbendaharaan 103(b) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1995 telah menyatakan dengan jelas bahawa Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat hendaklah menyelenggara Daftar Bil untuk tujuan tersebut. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak menyelenggara Daftar Bil. Semua bil yang diterima akan terus dihantar ke Bahagian Kewangan untuk proses pembayaran. Semakan lanjut sampel

yang dipilih mendapati tiada berlaku kelewatan pembayaran bil melebihi tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan telah dilaksanakan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.

48.4 PENGURUSAN PELABURAN

Lembaga telah membuat simpanan tetap di 11 buah bank yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pada tahun 2003, sejumlah RM185.56 juta telah dilaburkan dalam simpanan tetap dan faedah yang diterima adalah berjumlah RM739,895. Pada tahun 2003, Lembaga telah mengeluarkan sejumlah RM2 juta daripada Kumpulan Wang Lembaga Air Perak untuk melabur dalam sebuah syarikat subsidiari yang ditubuhkan. Penubuhan syarikat subsidiari adalah melalui kuasa yang diberi di bawah Enakmen Lembaga Air Perak Bil. 12 Tahun 1988 pindaan tahun 2003 dengan modal dibenarkan sejumlah RM10 juta. Penubuhan syarikat subsidiari ini adalah bertujuan melaksanakan pelbagai aktiviti seperti program pengurangan kehilangan air tidak berhasil, perkhidmatan sokongan dan aktiviti lain.

48.4.1 Prosedur Dan Tatacara Pelaburan

Semakan Audit terhadap prosedur dan tatacara pelaburan adalah seperti berikut:

i) Jawatankuasa Pelaburan

Mengikut Seksyen 30 Enakmen Lembaga Air Perak Bil. 12 Tahun 1988, Lembaga dibenarkan membuat pelaburan mengikut cara yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Lembaga tidak menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan untuk mengurus pelaburan yang dibuat dalam simpanan tetap dan syarikat subsidiari. Simpanan tetap di bank adalah atas kelulusan Pengurus Besar dan Akauntan manakala pelaburan dalam syarikat subsidiari diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

ii) Garis Panduan Pelaburan

Garis panduan dan prosedur pelaburan perlu disediakan bagi tujuan pemantauan dan kawalan terhadap pelaburan yang dibuat oleh Lembaga. Garis panduan ini perlu disediakan bagi meningkatkan kawalan pengurusan pelaburan dan memelihara kepentingan Lembaga dalam pelaburannya. Semakan Audit mendapati garis panduan tersebut masih belum disediakan oleh Lembaga.

48.4.2 Rekod Pelaburan

Daftar Pelaburan perlu disediakan untuk tujuan merekodkan segala pelaburan yang dibuat oleh Lembaga. Semakan Audit mendapati rekod pelaburan seperti Sijil Saham, Daftar Simpanan Tetap, Sijil Simpanan Tetap termasuk faedah yang diterima telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan lanjut terhadap pelaburan di syarikat subsidiari mendapati Daftar Pelaburan adalah lengkap dan kemas kini serta disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa. Selain itu, Sijil Simpanan Tetap dan Sijil Saham disimpan di tempat yang selamat.

Pada pendapat Audit, Lembaga Air Perak telah menguruskan simpanan tetap dan pelaburan di syarikat subsidiari dengan baik. Bagaimanapun, Lembaga hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan dan menyediakan Garis Panduan untuk meningkatkan pemantauan dan kawalan terhadap pelaburan yang dibuat oleh Lembaga.

48.5 PENGURUSAN PINJAMAN

Pada tahun 2003, Lembaga mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM594.18 juta, sejumlah RM141 juta daripada Kerajaan Negeri dan Bank Pembangunan Asia pula sejumlah RM17.34 juta. Pinjaman ini terdiri daripada pinjaman bercagar dan pinjaman tidak bercagar.

48.5.1 Kelulusan Dan Perjanjian Pinjaman

Pemeriksaan Audit mendapati pinjaman yang diperolehi oleh Lembaga adalah selaras dengan Seksyen 29 Enakmen Lembaga Air Perak Bil. 12 Tahun 1988. Pada tahun 2003, Lembaga telah menandatangani 6 perjanjian pinjaman dengan Kerajaan Negeri. Pinjaman tersebut bertujuan untuk melaksanakan projek bekalan air di seluruh Negeri Perak.

48.5.2 Bayaran Balik Pinjaman

Pada tahun 2003, bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM17.66 juta telah dijelaskan mengikut jadual dan meninggalkan baki pinjaman berjumlah RM250.70 juta. Sehingga tahun 2003, sejumlah RM108.88 juta daripada RM141 juta jumlah pinjaman diluluskan telah dibayar secara berperingkat kepada Lembaga oleh Kerajaan Negeri. Jadual bayaran balik bagi 5 daripada 6 pinjaman yang berjumlah RM71 juta masih belum diterima daripada Kerajaan Negeri.

48.5.3 Pengurusan Rekod Pinjaman

Lembaga menyelenggara surat perjanjian, daftar dan lejar untuk merekod segala urusan pinjaman. Pemeriksaan Audit terhadap surat perjanjian, lejar dan daftar pinjaman mendapati rekod berkaitan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini dan disemak oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa. Selain itu, penyesuaian antara rekod yang diselenggara oleh Lembaga dengan Perbendaharaan Negeri juga dibuat.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Lembaga adalah memuaskan memandangkan rekod serta dokumen perjanjian yang berkaitan pinjaman telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

48.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Pada tahun 2003 Lembaga menguruskan 4 Akaun Amanah iaitu Akaun Pendahuluan Diri, Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer kepada kakitangannya serta Akaun Cagaran Air. Sehingga bulan Disember 2003, Lembaga telah meluluskan pinjaman kenderaan berjumlah RM2.09 juta dan sejumlah RM908,800 untuk pinjaman komputer.

48.6.1 Pendahuluan Diri

Pendahuluan telah diberi kepada kakitangan Lembaga untuk tujuan urusan rasmi di luar kawasan. Semakan Audit mendapati semua pendahuluan yang diberi kepada pegawai berkenaan telah di akaunkan dalam Lejer Am dan Rekod Subsidiari dengan betul dan kemas kini. Kutipan balik pendahuluan telah dibuat dalam masa yang ditetapkan. Penyesuaian antara 2 rekod itu juga dijalankan dari semasa ke semasa untuk tujuan kawalan.

48.6.2 Pinjaman Kepada Kakitangan

Lembaga memberi kemudahan pinjaman kenderaan dan komputer kepada kakitangannya. Sehingga bulan Disember 2003, Lembaga telah meluluskan pinjaman kenderaan berjumlah RM2.09 juta kepada 105 kakitangannya. Manakala sejumlah RM908,800 telah diluluskan untuk pinjaman komputer kepada seramai 195 kakitangan. Semakan Audit mendapati urusan pinjaman kakitangan adalah memuaskan. Kelulusan pinjaman telah dibuat mengikut syarat yang ditetapkan dan rekod pinjaman diselenggara dengan baik serta disemak oleh pegawai bertanggungjawab dari semasa ke semasa.

48.6.3 Cagaran Air

Lembaga menyelenggara Akaun Cagaran Air bagi mengakaunkan bayaran pendahuluan yang diterima daripada pengguna air. Adalah didapati pungutan cagaran air dan penyelenggaraan rekod cagaran adalah tanggungjawab Pengurus Wilayah manakala Ibu Pejabat hanya bertanggungjawab terhadap pengeluaran cagaran

dan menyesuaikan rekod cagaran untuk tujuan penyediaan penyata kewangan. Semakan Audit mendapati rekod cagaran air telah diselenggarakan dengan memuaskan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pendahuluan diri, pinjaman kepada kakitangan dan Akaun Cagaran Air adalah memuaskan.

48.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Sehingga bulan Disember 2003, sejumlah RM7.87 juta telah dibelanjakan untuk pembelian aset dan inventori. Kebanyakan aset yang dibeli terdiri daripada peralatan pejabat seperti komputer dan alat kelengkapan. Penemuan Audit terhadap pengurusan aset dan inventori adalah seperti berikut:

48.7.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menghendaki semua harta modal dan inventori direkod dalam daftar. Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga menyelenggarakan daftar tersebut melalui satu senarai harta tetap berkomputer. Bagaimanapun, senarai tersebut tidak mengandungi maklumat seperti tandatangan pegawai yang bertanggungjawab, lokasi, tarikh pemeriksaan aset dijalankan, pelupusan aset serta butiran penyelenggaraan aset.

48.7.2 Pemeriksaan Aset

Tatacara Pengurusan Stor perenggan 238 hingga 240, menghendaki pemeriksaan terhadap aset dan inventori dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua tahun. Ini bertujuan untuk menentukan wujudnya kawalan dan pengesanan terhadap aset supaya tidak berlaku pembaziran dan penyelewengan. Semakan Audit mendapati tiada bukti pemeriksaan tersebut dijalankan oleh Lembaga.

48.7.3 Pengurusan Kenderaan

Pada akhir tahun 2003, Lembaga memiliki 12 kenderaan pelbagai jenis yang terdiri daripada 8 pacuan empat roda seperti Ford Ranger, Land Rover dan Pajero, dua Proton Wira, satu Proton Perdana dan satu Volvo. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan kenderaan adalah seperti berikut :

i) Penyelenggaraan Buku Log

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Pegawai Pengangkutan atau pegawai yang diberi kuasa hendaklah menentukan Buku Log diselenggara dengan betul. Semua maklumat yang disediakan perlu diisi bagi memastikan penggunaan kenderaan adalah bagi tujuan rasmi atau bagi tujuan lain yang dibenarkan. Pemeriksaan Audit terhadap penyelenggaraan Buku Log mendapati kelemahan seperti berikut:

- a)** salinan asal Buku Log tidak diasingkan atau disimpan di Pejabat untuk tujuan semakan;
- b)** tiada bukti menunjukkan Buku Log dan salinan asalnya disemak oleh Pegawai Pengangkutan atau pegawai yang diberi kuasa;
- c)** ruangan tandatangan pegawai yang beri kuasa/pegawai yang mengguna tidak diisi;
- d)** pembelian minyak sepanjang bulan tidak dicatatkan dengan kemas kini;
- e)** resit pembelian minyak tidak difailkan tetapi diselitkan di dalam Buku Log;
- f)** ruangan kos penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian di Buku Log tidak diisi; dan
- g)** ringkasan penggunaan bahan api bulanan tidak disediakan.

ii) Pegawai Pengangkutan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, seorang pegawai pengangkutan hendaklah dilantik untuk bertanggungjawab dan memastikan penggunaan serta penyelenggaraan kenderaan Pejabat sentiasa diurus dengan sempurna dan teratur. Pemeriksaan Audit mendapati pegawai pengangkutan yang bertanggungjawab perihal kenderaan tidak dilantik sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan.

iii) Kawalan Terhadap Pembelian Minyak

Kad inden pembelian minyak digunakan bagi membeli bahan api kenderaan dan jentera Kerajaan. Pemeriksaan Audit terhadap penggunaan dan kawalan kad inden mendapati perkara seperti berikut:

a) Daftar Pergerakan Kad Inden

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 buku rekod pergerakan kad inden hendaklah diselenggara sebagai rekod kawalan. Buku ini hendaklah dikemas kini dan diperiksa oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa. Pemeriksaan Audit mendapati buku rekod pergerakan kad inden tidak diselenggara.

b) Penyimpanan Kad Inden Minyak

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 semua kad inden bagi pemandu hendaklah disimpan oleh pegawai yang bertanggungjawab menyelia kenderaan dan akan dibekalkan apabila ada keperluan mengisi minyak dan diserahkan semula kepada pegawai selepas waktu pejabat. Pemeriksaan Audit mendapati kedua kad inden minyak iaitu kad pemandu dan kad kenderaan disimpan oleh pemandu setiap masa. Sebagai kawalan penggunaan, kad inden perlulah disimpan oleh pegawai yang menyelia dan hanya

diserahkan kepada pemandu apabila ada keperluan untuk mengisi minyak sahaja.

c) Penyata Pembelian Minyak Bulanan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 menetapkan supaya penyata pembelian minyak bulanan disemak dengan resit pembelian. Semakan tersebut perlu dijalankan sebagai langkah kawalan dalaman sebelum invoice disahkan untuk pembayaran. Pemeriksaan Audit mendapati tiada bukti pemeriksaan ada dijalankan.

48.7.4 Pelupusan

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1995, pelupusan dan hapus kira perlu diadakan sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh satu tahun. Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga ada menjalankan pelupusan aset seperti meter air, paip, tangki air dan peralatan loji yang lama atau rosak.

48.7.5 Penyelenggaraan Dan Pembaikan

Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 menghendaki setiap Jabatan melaksanakan Sistem Penyelenggaraan Yang Dirancang. Pelaksanaan Sistem Penyelenggaraan Yang Dirancang adalah untuk mewujudkan satu kaedah yang sistematik dalam penyelenggaraan aset Kerajaan. Pemeriksaan Audit mendapati Sistem Penyelenggaraan Yang Dirancang tidak dilaksanakan. Kehendak Pekeliling tersebut iaitu pelantikan pegawai penyelenggaraan aset, penyediaan daftar penyelenggaraan aset serta penyediaan jadual penyelenggaraan untuk setiap aset tidak diambil tindakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset dan inventori Lembaga masih kurang memuaskan. Lembaga perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan dalam usaha untuk meningkatkan kawalan pengurusan asetnya.

49. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Berdasarkan penemuan Audit, tahap pengurusan kewangan Lembaga Air Perak masih perlu dipertingkatkan. Beberapa aspek penting kawalan hasil dan pengurusan aset masih kurang memuaskan. Kelemahan ini adalah berpunca daripada tidak mematuhi peraturan kewangan dan kawalan dalaman yang lemah serta kurang penyeliaan daripada pihak pengurusan. Pihak pengurusan Lembaga perlulah mengambil tindakan segera bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan agar dapat mengelak berlakunya penyelewengan.

MAJLIS DAERAH KINTA SELATAN

PENGURUSAN KEWANGAN

50. LATAR BELAKANG

Majlis Daerah Kinta Selatan (Majlis) ditubuhkan pada 1 Disember 1979 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kawasan operasi Majlis adalah seluas 23.37 km persegi manakala kawasan kawalan pembangunan adalah seluas 86.28 km persegi. Aktiviti utama Majlis adalah mengawal selia penyediaan perkhidmatan asas, menyedia serta mengawal kemudahan ekonomi dan perdagangan. Hasil utama Majlis adalah terdiri daripada cukai taksiran, pengeluaran lesen dan sewaan. Selain itu, Majlis juga memperolehi pendapatan daripada bayaran perkhidmatan serta pemberian Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pada tahun 2003, Majlis menyediakan bajet lebihan berdasarkan anggaran pendapatan berjumlah RM7.29 juta dan perbelanjaan termasuk perbelanjaan pembangunan berjumlah RM6.97 juta.

51. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Tujuan pengauditan pengurusan kewangan Majlis adalah untuk menentukan sama ada peraturan kewangan dipatuhi terhadap kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah dan aset serta rekod kewangan diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan teratur. Semakan dijalankan di Majlis Daerah Kinta Selatan terhadap rekod kewangannya bagi tahun 2003. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dijalankan.

52. PENEMUAN AUDIT

52.1 KAWALAN PENGURUSAN

Sistem kawalan pentadbiran dan prosedur yang baik dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan Majlis. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan aktiviti Majlis dilaksanakan dengan baik melalui penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja serta mewujudkan Jawatankuasa

Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

52.1.1 Struktur Organisasi

Struktur organisasi dan kakitangan adalah penting bagi membolehkan sesebuah Jabatan melaksanakan tanggungjawab dengan cekap dan terancang. Sejumlah 254 jawatan tetap diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi hanya 173 jawatan diisi oleh Majlis. Daripada 81 jawatan kosong, empat jawatan adalah daripada kumpulan pengurusan dan profesional serta bakinya 77 jawatan terdiri daripada kumpulan sokongan. Semakan Audit mendapati tiada tindakan diambil untuk mengisi 4 perjawatan pengurusan dan profesional walaupun telah diluluskan pada tahun 2000. Sebanyak 26 perjawatan kumpulan sokongan telah diisi secara kontrak manakala seramai 55 pekerja sambilan telah dilantik oleh pihak Majlis.

Pada pandangan Audit kedudukan jumlah kakitangan dan perjawatan perlu dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan kesesuaiannya dengan beban tugas supaya aktiviti Majlis dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan cekap.

52.1.2 Manual Prosedur Kerja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menghendaki Manual Prosedur Kerja disediakan bagi tujuan rujukan dan panduan. Selain memberikan gambaran menyeluruh sesebuah Jabatan, ia juga mengandungi maklumat mengenai objektif, fungsi, prosedur dan kakitangan yang bertanggungjawab melaksanakan prosedur kerja. Semakan Audit mendapati Manual Prosedur Kerja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini serta tidak mengikut kehendak Pekeliling. Maklumat seperti carta organisasi Jabatan yang terkini, proses kerja mengikut Sistem Perakaunan Bersepadu Pihak Berkuasa Tempatan dan senarai borang digunakan tidak dimasukkan dalam Manual Prosedur

Kerja. Memandangkan Manual Prosedur Kerja Majlis disediakan pada tahun 1999, tindakan perlu diambil untuk menyemak semula prosedur dan proses kerja yang diamalkan mengikut struktur baru dan perkembangan terkini. Segala perubahan berkaitan struktur organisasi dan proses kerja perlu dikemaskinikan dan dizahirkan di dalam Manual Prosedur Kerja.

52.1.3 Fail Meja

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menghendaki semua anggota dan pegawai menyelenggara Fail Meja dengan sempurna. Fail Meja adalah dokumen rujukan bagi peringkat individu/jawatan. Ia menerangkan panduan terperinci mengenai semua tugas yang dijalankan oleh seseorang individu setiap hari. Semakan Audit terhadap 19 Fail Meja mendapati ia tidak disediakan dengan lengkap kerana tidak mengandungi perkara berikut:

- i)** Carta organisasi yang kemas kini.
- ii)** Peraturan pentadbiran.
- iii)** Senarai semak.
- iv)** Senarai undang-undang/peraturan.
- v)** Senarai Jawatankuasa yang dianggotai.
- vi)** Senarai pelbagai borang yang digunakan.

52.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Mengikut Pekeliling Kewangan Bil. 2 Tahun 2003 yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan Negeri, satu Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun hendaklah ditubuhkan dan bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya satu kali setiap satu bulan. Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan laporan suku tahun kepada Pejabat Kewangan Negeri untuk memantau pengurusan kewangan dan keberkesanan Jawatankuasa tersebut. Semakan Audit mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun diadakan sekali sahaja pada tahun 2003 dan hanya satu laporan disediakan untuk

penggal pertama hingga ketiga dan telah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri.

Pada pendapat Audit, penyeliaan pihak pengurusan perlu dipertingkatkan bagi memantapkan lagi kawalan pengurusan.

52.2 KAWALAN HASIL

Pada tahun 2003, pendapatan Majlis berjumlah RM7.56 juta yang terdiri daripada cukai taksiran, lesen, sewa dan pelbagai hasil lain. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

52.2.1 Kebenaran Memungut Wang

Mengikut Arahan Perbendaharaan 69, Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan surat kuasa kebenaran memungut wang kepada pegawai yang terlibat. Semakan Audit mendapati surat kebenaran tersebut telah dikeluarkan dengan teratur.

52.2.2 Buku Tunai

Mengikut Arahan Perbendaharaan 144, pemungut yang menerima wang awam hendaklah memastikan Buku Tunai diselenggara dengan betul. Pemungut hendaklah memastikan catatan dalam Buku Tunai dibuat mengikut susunan berlakunya urusan dengan memeriksa dan menyemak setiap hari semua catatan serta menurunkan tandatangan ringkas. Semakan Audit mendapati Buku Tunai yang disediakan melalui Sistem Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan disemak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

52.2.3 Penyata Penyesuaian Bank

Arahan Perbendaharaan 146 menyatakan bahawa pada tiap-tiap hujung bulan, Penyata Bank hendaklah disemak dengan Buku Tunai dan jika terdapat perbezaan, Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan. Pemeriksaan Audit mendapati Penyata

Penyesuaian Bank tahun 2003 telah disediakan dengan sempurna.

52.2.4 Kawalan Borang Hasil

i) Daftar Stok

Mengikut Arahan Perbendaharaan 67, suatu Daftar Stok perlu diselenggarakan untuk merekod borang hasil yang diterima dan dikeluarkan. Tiap-tiap catatan keluaran mestilah ditandatangani oleh pegawai yang kepadanya keluaran itu dibuat. Borang hasil yang digunakan oleh Majlis adalah Resit Kew. 38, kupon letak kereta dan buku kompaun. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

a) Buku Resit

Pihak Majlis menggunakan resit jika berlaku gangguan sistem kutipan komputer. Adalah didapati semua buku resit yang belum guna telah direkod dan disimpan selamat di tempat berkunci oleh seorang pegawai kanan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati ruangan dalam Daftar Stok Hasil tidak diisi dengan lengkap. Maklumat seperti tarikh buku resit dibekalkan, tarikh buku resit dikeluarkan dan nama penerima tidak dicatat serta buku resit tidak dikeluarkan mengikut siri.

b) Kupon Letak Kereta

Majlis telah menswastakan kutipan letak kereta pada tahun 2002. Bagaimanapun, kontrak tersebut ditamatkan kerana pihak swasta tidak mematuhi syarat perjanjian. Berikutan itu, pihak swasta telah menyerahkan kesemua stok kupon letak kereta kepada pihak Majlis pada bulan Ogos 2003. Semakan Audit mendapati Daftar Stok Hasil telah diselenggara untuk merekod kesemua buku kupon diterima dan buku kupon yang dijual kepada agen kutipan letak kereta. Bagaimanapun, adalah didapati kesemua buku kupon letak kereta tidak disimpan dengan selamat. Buku

kupon ini disimpan di bilik komputer yang sentiasa digunakan oleh kakitangan Majlis Daerah Kinta Selatan.

c) Buku Kompaun

Unit Penguatkuasaan adalah bertanggungjawab untuk mengenakan kompaun kepada pesalah letak kereta dan para penjaja yang berniaga tanpa lesen di sekitar kawasan Majlis. Semakan Audit mendapati Unit Pentadbiran menyerahkan stok buku kompaun kepada Unit Penguatkuasaan pada awal tahun 2003 tetapi tidak ada bukti surat penyerahan stok buku kompaun disediakan. Selain itu, adalah didapati Unit Penguatkuasaan tidak menyelenggara Daftar Stok Buku Kompaun selepas menerima stok tersebut.

ii) Menandatangani Resit

Semakan Audit mendapati buku resit disediakan dan ditandatangani oleh orang yang sama. Amalan ini adalah bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 70(a) yang menyatakan resit mestilah ditandatangani dengan berkarbon oleh pegawai yang menerima wang itu tetapi mestilah ditulis oleh seorang pegawai yang lain.

52.2.5 Daftar Mel

Mengikut Arahan Perbendaharaan 71, Daftar Mel hendaklah diselenggarakan bagi merekod wang dan dokumen atau barangan berharga yang diterima melalui pos. Bagi terimaan melalui pos, nombor resit dan tarikh resit dikeluarkan hendaklah dicatat dalam Daftar Mel. Daftar ini hendaklah disemak tiap-tiap hari dengan Buku Tunai oleh seorang pegawai penyelia. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Mel telah diselenggara tetapi nombor resit bagi wang tunai dan cek yang diterima melalui pos tidak dicatat sebagai bukti ia telah diakui terima dan diakaunkan oleh Majlis. Selain itu, adalah didapati tiada bukti tandatangan pegawai yang menyemak.

52.2.6 Pemeriksaan Mengejut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 309, Ketua Jabatan atau wakilnya hendaklah menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap segala wang yang dipegang oleh pegawai bawahannya sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. Semakan Audit terhadap Daftar Pemeriksaan Mengejut mendapati pihak Majlis hanya mengadakan pemeriksaan terhadap panjar wang runcit pada bulan September 2003. Tiada pemeriksaan mengejut dibuat terhadap kutipan hasil.

52.2.7 Hasil Cukai Taksiran

Pada tahun 2003 Majlis telah berjaya mengutip cukai taksiran sejumlah RM2.78 juta. Hasil semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Notis Cukai Taksiran

Semakan Audit terhadap 47 Sijil Layak Menduduki yang dikeluarkan pada bulan Julai 2002 hingga bulan April 2003 mendapati Notis Cukai Taksiran telah dikeluarkan kepada 29 pemilik manakala 18 pemilik masih belum dikeluarkan Notis tersebut. Semakan lanjut mendapati Sijil Layak Menduduki dikeluarkan kepada 7 daripada 18 pemilik tersebut pada akhir tahun 2002 dan awal tahun 2003 yang sepatutnya dikenakan cukai taksiran pada penggal kedua tahun 2003. Kelewatan mengenakan cukai taksiran akan mengurangkan sumber utama pendapatan pihak Majlis.

ii) Tunggakan Cukai Taksiran

Semakan terhadap 10 sampel akaun yang mempunyai tunggakan melebihi RM9,000 mendapati usia tunggakannya adalah di antara 4 hingga 20 tahun. Tunggakan bagi 10 akaun tersebut berjumlah RM218,090. Majlis haruslah berusaha mengutip tunggakan hasil tersebut supaya tunggakan dapat dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan Majlis.

52.2.8 Hasil Sewaan

Hasil sewaan merupakan sumber pendapatan Majlis yang kedua terbesar. Hasil sewa Majlis adalah terdiri daripada sewa bangunan, gerai dan pasar. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Tunggakan Sewa

Sebanyak 45 akaun penyewa mempunyai tunggakan sewa berusia antara 1 hingga 36 bulan berjumlah RM47,228. Pihak Majlis perlu meningkatkan usaha agar tunggakan sewaan dapat dikutip.

ii) Surat Perjanjian

Perjanjian sewa merupakan dokumen penting yang boleh mengikat pihak penyewa dan Majlis kepada syarat tertentu bagi melindungi kepentingan kedua pihak terlibat. Sebarang tindakan terhadap penyewa adalah bergantung kepada kesahihan surat perjanjian sewa yang ditandatangani. Semakan Audit terhadap 23 fail individu penyewa lama dan 15 fail individu penyewa tahun semasa mendapati sejumlah 12 daripada 23 penyewa lama tidak memperbaharui surat perjanjian yang telah tamat tempoh antara tahun 1999 hingga 2003 manakala surat perjanjian bagi 15 penyewa baru telah disediakan. Pihak Majlis perlu mengambil tindakan segera untuk menyediakan surat perjanjian bagi menjaga kepentingan Majlis.

Pada pendapat Audit, keseluruhannya kawalan hasil adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi terutamanya dari aspek penyelenggaraan rekod kewangan.

52.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Seksyen 57, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyatakan semua perbelanjaan hendaklah dilakukan mengikut anggaran yang telah diluluskan serta diperakaukan dengan betul dalam rekod Majlis. Pada tahun 2003

sejumlah RM5.58 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

52.3.1 Buku Vot

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Buku Vot hendaklah diselenggara dengan sempurna dan kemas kini. Pegawai yang memperakui bayaran hendaklah memeriksa ketepatan catatan dalam Buku Vot dan menurunkan tandatangan ringkas. Majlis menyelenggara Buku Vot secara berkomputer untuk perbelanjaan mengurus. Adalah diperhatikan Buku Vot berkomputer tidak ditandatangani ringkas oleh pegawai yang bertanggungjawab sebagai bukti semakan manakala Buku Vot Projek yang disediakan secara manual tidak mencatatkan tarikh sesuatu pembayaran dilakukan. Pegawai yang bertanggungjawab perlu menurunkan tandatangan ringkas di Buku Vot berkomputer untuk mengawal perbelanjaan dan mengelakkan bayaran yang tidak sah.

52.3.2 Daftar Bil

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002 menghendaki suatu Daftar Bil diselenggara dengan kemas kini dan disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya sekurang-kurangnya sebulan sekali. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Bil yang diselenggarakan secara berkomputer tidak mengandungi maklumat yang lengkap. Maklumat penting seperti tarikh bil diterima dan tarikh bil dibayar tidak dicatatkan. Selain itu, tiada bukti menunjukkan semakan dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab untuk menentukan bil dijelaskan tanpa kelewatan. Pihak Majlis perlu menyemak semula format Daftar Bil yang digunakan dan memastikan maklumat yang penting dicatat.

52.3.3 Pembayaran Bil

Menurut Arahan Perbendaharaan 103(a), kesemua bil hendaklah dibayar tidak lewat daripada sebulan dari tarikh ia diterima. Semakan Audit mendapati sebanyak 14 keping bil yang diterima

tidak dicap tarikh terima dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan lanjut mendapati 13 daripada 14 bil tersebut tidak mencatat tarikh bil dikeluarkan. Bagaimanapun, bil telah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.

52.3.4 Pengurusan Perolehan

Borang pesanan kerajaan dan inden kerja adalah dokumen yang digunakan untuk memesan barangan atau perkhidmatan. Perolehan hanya boleh dilakukan setelah kelulusan diperolehi daripada pegawai pengawal. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Pesanan Kerajaan

Sebelum sesuatu perolehan dibuat, pihak Majlis perlu memesan barangan tertentu kepada pihak pembekal terlebih dahulu. Ia bertujuan untuk mendapatkan kelulusan daripada pegawai yang bertanggungjawab sebelum sesuatu perbelanjaan dilaksanakan. Semakan Audit mendapati pesanan kerajaan lewat dikeluarkan antara 30 hingga 43 hari. Perkara ini menunjukkan kelulusan tidak diperolehi daripada Pegawai Pengawal sebelum sesuatu perbelanjaan dilakukan. Untuk meningkatkan kawalan dalaman dan mengelakkan peruntukan lebih dibelanjakan, pesanan kerajaan perlu dikeluarkan dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal sebelum sesuatu pembelian dilakukan.

ii) Perakuan Dalam Salinan Pesanan Kerajaan

Semakan Audit terhadap pesanan kerajaan untuk pembelian bekalan pejabat mendapati ruangan 'Perakuan' telah dilengkapkan tetapi catatan tidak dilakukan di Daftar Stok Bekalan Pejabat. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai yang menerima stok mengemas kini Daftar Stok berkenaan supaya baki fizikal sama dengan rekod yang diselenggarakan. Selain daripada itu, adalah didapati semua ruangan salinan

ketiga pesanan kerajaan yang patut dipenuhi oleh pegawai bertanggungjawab telah tidak dilengkapkan.

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan perlu ditingkatkan daripada aspek penyeliaan dan penyelenggaraan rekod.

52.4 PENGURUSAN PELABURAN

Pada akhir tahun 2003, Majlis telah membuat simpanan tetap berjumlah RM3.62 juta di bank tempatan. Semakan Audit mendapati sijil simpanan tetap disimpan dalam peti besi tetapi tempoh matang terkini tidak dikemaskinikan. Selain itu, semakan lanjut mendapati Daftar Simpanan Tetap yang dijana oleh Sistem Perakaunan Bersepadu Pihak Berkuasa Tempatan tidak dapat mengeluarkan laporan mengenai jumlah sebenar simpanan tetap pada satu tarikh yang dikehendaki.

52.5 PENGURUSAN PINJAMAN

Majlis telah membuat pinjaman sejumlah RM600,000 daripada Kerajaan Negeri Perak pada bulan Disember 1996 untuk membiayai pelarasan saraan anggota di bawah Sistem Saraan Baru. Bayaran balik bermula pada bulan Disember 1999 iaitu sejumlah RM120,000 setahun selama 5 tahun. Pihak Majlis telah membuat bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati rekod pinjaman dan pembayaran balik telah disimpan dan diselenggara dengan sempurna dan kemas kini.

52.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Majlis menyelenggarakan satu Akaun Deposit, Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Kumpulan Wang Pinjaman Komputer serta Tabung Pinjaman Pendidikan. Pemeriksaan Audit menunjukkan perkara berikut:

52.6.1 Akaun Deposit

Pada akhir tahun 2003, Majlis telah mengutip wang deposit berjumlah RM927,669. Deposit yang dikutip adalah untuk tujuan menyewa gerai dan pasar, deposit bekalan air, tender dan sebagainya. Semakan Audit mendapati rekod deposit diselenggara dengan memuaskan. Senarai individu disediakan dan tindakan telah diambil oleh Majlis untuk mewartakan deposit yang lama tidak dituntut dan tidak diperlukan lagi.

52.6.2 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan

Sejumlah RM200,000 diperuntukan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Majlis. Semakan Audit terhadap Daftar Pinjaman Kenderaan dan 10 fail individu peminjam yang berjumlah RM110,500 mendapati perkara berikut:

- i)** Daftar Pinjaman tidak diselenggarakan dengan lengkap. Ia hanya mengandungi maklumat nombor rujukan fail peminjam dan nama peminjam sahaja;
- ii)** salinan sijil perlindungan insurans tahun semasa bagi 7 kenderaan tidak disimpan dalam fail peribadi peminjam;
- iii)** sijil perlindungan insurans kenderaan yang diambil bagi 3 kenderaan adalah bagi pihak ketiga;
- iv)** salinan resit pembelian bagi 5 buah kenderaan tidak disimpan di dalam fail peminjam;
- v)** sebanyak 5 pinjaman yang diluluskan pada tahun 2003 melebihi harga jualan kenderaan; dan
- vi)** salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan seorang peminjam tidak disimpan dalam fail.

52.6.3 Kumpulan Wang Pinjaman Komputer

Sejumlah RM50,000 diperuntukan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Komputer. Pemeriksaan Audit terhadap Daftar Pinjaman Komputer dan 5 fail peminjam mendapati Daftar tersebut tidak mempunyai maklumat yang lengkap. Ia hanya merekodkan nama peminjam dan nombor rujukan fail pinjaman sahaja. Selain itu, salinan resit pembelian tidak disimpan dalam 4 fail peminjam.

52.6.4 Tabung Pinjaman Pendidikan

Tabung Pinjaman Pendidikan mempunyai peruntukan sejumlah RM50,000. Sehingga akhir tahun 2003 sejumlah RM13,500 telah diluluskan kepada 2 peminjam. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

- i) syarat pinjaman seperti tempoh pinjaman, bayaran balik pinjaman, cara pembayaran balik, had pinjaman yang dibenarkan serta perkara lain berkaitan pinjaman ini masih belum diputuskan oleh Panel Tabung Pendidikan Majlis;
- ii) Surat Perjanjian untuk peminjam masih belum disediakan; dan
- iii) Daftar Pinjaman pendidikan tidak diselenggara oleh Majlis.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod pinjaman kenderaan, komputer dan Tabung Pinjaman Pendidikan adalah memuaskan. Pihak Majlis perlu memastikan Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan dipatuhi dengan sepenuhnya.

52.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Pada akhir tahun 2003, nilai bersih harta tetap Majlis adalah berjumlah RM16.53 juta dan susut nilai terkumpul adalah berjumlah RM5.95 juta. Pada tahun 2003, sejumlah RM209,093 telah dibelanjakan daripada peruntukan Majlis untuk perolehan aset manakala sejumlah RM1.01 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk pembinaan bangunan rumah kedai, pasar dan peralatan. Hasil pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

52.7.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, Daftar Harta Modal dan Inventori hendaklah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi tujuan kawalan terhadap penggunaan, penyelenggaraan, gantian dan pelupusan. Semakan

Audit mendapati Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Maklumat seperti kos, tarikh pembelian dan lokasi harta tidak dicatat. Daftar Harta Modal tidak ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.

52.7.2 Daftar Induk Harta Modal Dan Inventori

Semakan Audit mendapati Unit Pentadbiran ada menyelenggara Daftar Induk untuk harta modal dan inventori Majlis tetapi tidak diselenggara dengan kemas kini. Adalah didapati salinan Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori untuk tambahan harta modal dan inventori pada tahun 2003 tidak dikemukakan kepada Unit Pentadbiran untuk disimpan dalam Daftar Induk.

52.7.3 Baki Stok

Mengikut peraturan, baki stok hendaklah bersamaan dengan baki yang ditunjukkan di Daftar Stok. Semakan terhadap stok alatulis pada pertengahan bulan Oktober mendapati baki stok berbeza dengan baki dalam Daftar Stok Bekalan Pejabat. Perbezaan stok adalah disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak mengemas kini Daftar apabila pembelian stok baru diterima dan dikeluarkan. Pihak Majlis perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab menyelenggara stok dan rekod dengan betul.

52.7.4 Jawatankuasa Pemeriksaan

Tatacara Pengurusan Stor perenggan 238 hingga 240 menghendaki pemeriksaan dibuat terhadap harta modal dan inventori sekurang-kurangnya satu kali dalam masa 2 tahun. Ini bertujuan untuk mengawal dan mengesan harta modal berkenaan supaya tidak berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemeriksaan bagi tahun 2003 masih belum ditubuhkan.

52.7.5 Pengurusan Kenderaan

Pengauditan telah dijalankan untuk menentukan kawalan penggunaan, penyenggaraan dan pengurusan kenderaan Majlis adalah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, adalah menjadi tanggungjawab pegawai yang diberi kuasa memastikan bahawa Buku Log disediakan bagi setiap kenderaan di bawah jagaannya dengan teratur dan kemas kini supaya segala urusan berkenaan dengan penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan dibuat secara cekap dan berkesan. Semakan Audit terhadap 11 Buku Log kenderaan mendapati 2 Buku Log telah mematuhi pekeling manakala 9 yang lain tidak lengkap kerana butiran seperti maklumat kenderaan, jadual penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian tidak dicatatkan. Ringkasan bulanan penggunaan bahan api juga tidak disediakan dan tiada bukti semakan dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab.

52.7.6 Pelupusan Harta Modal

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1995 menghendaki program pelupusan dan hapus kira diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun dan perenggan 226 Tatacara Pengurusan Stor menghendaki Pegawai Pengawal menentukan semua harta benda Kerajaan yang tidak boleh digunakan diperiksa dengan segera dan dilupuskan secara yang paling berfaedah. Semakan Audit mendapati beberapa barangan buruk serta rosak perlu tindakan pelupusan. Antaranya 17 *monitor*, tiga pencetak resit, sebuah van dan satu unit penghawa dingin. Tarikh terakhir pelupusan dijalankan oleh Majlis tidak dapat ditentukan kerana fail pelupusan tidak dikemukakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset boleh dipertingkatkan sekiranya pegawai yang diberi tugas menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna. Majlis perlu memastikan pegawai bertanggungjawab menyelenggara rekod aset dengan kemas kini

memandangkan nilai aset adalah besar serta nilai aset yang diambil kira dalam penyata kewangan Majlis mestilah tepat.

53. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pengurusan kewangan Majlis Daerah Kinta Selatan masih mempunyai kelemahan yang perlu dibaiki terutamanya aspek pematuhan peraturan kewangan bagi pengurusan hasil dan perbelanjaan. Majlis perlu mengambil tindakan untuk meningkatkan penyeliaan terhadap penyelenggaraan rekod kewangan. Penglibatan Pegawai Pengawal dalam pengurusan kewangan Majlis adalah penting bagi memastikan semua peraturan kewangan dipatuhi. Dengan adanya kerjasama daripada semua pihak, pihak Audit berpendapat Majlis berupaya menambah baik prestasi pengurusan kewangannya.

YAYASAN PERAK

PENGURUSAN PINJAMAN PELAJARAN

54. LATAR BELAKANG

Yayasan Perak (Yayasan) telah ditubuhkan pada bulan Julai 1979 melalui Enakmen Yayasan Perak Bil. 2 Tahun 1979 yang kemudiannya telah dipinda menjadi Enakmen Yayasan Perak Bil. 6 Tahun 1994. Penubuhan Yayasan adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap pendidikan, sukan, sosial dan kebudayaan di Negeri Perak. Bidang pendidikan sentiasa diberi perhatian utama oleh Yayasan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan generasi berilmu dan berpengetahuan tinggi. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah memberi bantuan dan pinjaman pelajaran kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat rendah, Institut Pengajian Tinggi tempatan dan luar negara. Pinjaman pelajaran yang ditawarkan oleh Yayasan tidak dikenakan sebarang faedah atau bayaran perkhidmatan.

Bagi tujuan pengurusan pinjaman pelajaran, Yayasan telah menubuhkan Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak (Tabung) pada bulan Mei 1985 melalui peruntukan dalam Enakmen Yayasan Perak Bil. 6 Tahun 1994. Pengurus Besar Yayasan bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran Tabung dengan dibantu oleh seorang Penolong Pengurus Kewangan dan 2 orang Pembantu Tadbir. Selain itu, sebuah Lembaga Pentadbir Tabung yang dianggotai oleh 6 orang ahli telah ditubuhkan untuk membantu mentadbirnya selaras dengan peruntukan Perintah Tabung atau Arahan Amanahnya. Penubuhan Tabung bertujuan untuk menggalakkan syarikat, agensi dan individu memberi derma untuk menambah sumber kewangan Tabung. Semua derma melalui Tabung akan mendapat pengecualian cukai di bawah peruntukan Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pada tahun 2003, sejumlah RM5.80 juta telah diperuntukkan bagi pembiayaan pinjaman, biasiswa dan bantuan pelajaran peringkat rendah, menengah dan tinggi. Bagi tujuan pinjaman pelajaran peringkat tinggi, sejumlah RM3.72 juta telah diperuntukkan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.44 juta

telah dikeluarkan bagi skim pinjaman belajar dalam dan luar negara serta kursus kemahiran di Institut Teknologi Perak.

55. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pinjaman pelajaran oleh Yayasan Perak adalah cekap dan teratur serta mencapai matlamatnya.

56. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop kajian Audit adalah meliputi aktiviti pengurusan pinjaman pelajaran tinggi. Pemilihan dibuat berdasarkan jumlah yang diperuntukkan adalah besar berbanding dengan bantuan pelajaran yang lain. Semakan dijalankan di Yayasan terhadap rekod bagi pinjaman pelajaran yang dikeluarkan pada tahun 2000 hingga 2003 serta rekod bayaran balik pinjaman dari tahun 1998 hingga 2001. Pengauditan secara pensampelan telah dijalankan merangkumi semua peringkat pengajian Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta dalam dan luar negara. Bagi tujuan ini sebanyak 113 daripada 1,123 fail individu permohonan pinjaman dan sebanyak 137 daripada 1,091 fail individu bayaran balik pinjaman telah dipilih. Selain itu, pihak pengurusan dan pegawai yang terlibat turut ditemu bual untuk mendapatkan penjelasan.

57. PENEMUAN AUDIT

57.1 PERANCANGAN

Perancangan adalah penting bagi melaksanakan sesuatu aktiviti/program supaya matlamat yang telah ditetapkan tercapai. Bagi tujuan tersebut, perkara seperti struktur organisasi dan guna tenaga, keperluan kewangan, sasaran, syarat kelayakan, kadar pinjaman, prosedur permohonan dan kaedah pembayaran balik perlu dipertimbangkan semasa peringkat perancangan.

57.1.1 Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga

Struktur organisasi dan guna tenaga merupakan perkara penting yang perlu dirancang sebelum penubuhan sesebuah organisasi. Ini adalah kerana struktur organisasi yang kukuh dan bilangan keanggotaan yang sesuai akan menggerakkan organisasi ke arah matlamat penubuhannya. Semakan Audit mendapati pada peringkat awal penubuhan Tabung, Yayasan tidak merancang untuk mewujudkan unit tertentu dan menyediakan guna tenaga yang berasingan khusus untuk mengendalikan operasi pinjaman pelajaran yang melibatkan proses permohonan pinjaman dan membuat pembayaran, kutipan bayaran balik pinjaman serta penguatkuasaan. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit adalah didapati pihak Pengurusan sedang dalam proses penstrukturan semula organisasi. Adalah diharapkan dengan adanya struktur organisasi yang baru ini akan dapat mempertingkatkan tahap kecekapan pengurusan pinjaman ini.

57.1.2 Keperluan Kewangan

Keperluan kewangan perlu dirancang untuk menggerakkan aktiviti pengurusan pinjaman. Pada setiap tahun, Yayasan memperuntukkan sejumlah dana dalam bajet tahunan untuk tujuan pemberian pinjaman. Selain daripada peruntukan tersebut, Yayasan memperoleh sumber kewangan daripada derma atau sumbangan individu atau syarikat serta kutipan bayaran balik daripada peminjam. Bagi tahun 2000 hingga 2003, Yayasan merancang keperluan kewangan berjumlah RM16.16 juta bagi kemudahan pinjaman pengajian tinggi. Butiran lengkap adalah seperti **Jadual 38**.

Jadual 38

Keperluan Kewangan Pinjaman Pelajaran Yayasan

Anggaran	Tahun				Jumlah (RM Juta)
	2000 (RM Juta)	2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	
Yayasan Perak	1.24	3.10	2.68	2.57	9.59
Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran	1.51	1.69	1.64	1.59	6.43
Lain-lain	0.06	0.06	0.01	0.01	0.14
Jumlah	2.81	4.85	4.33	4.17	16.16

Sumber: Rekod Kumpulan Wang Tabung

Pada pendapat Audit, Yayasan merancang sumber kewangan yang mencukupi bagi memberi kemudahan pinjaman kepada pelajar yang memenuhi syarat kelayakan.

57.1.3 Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan ini adalah sebagai satu aku janji dan garis panduan kepada kakitangan untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan iaitu pelajar. Bagaimanapun, Yayasan ada mempunyai piagam pelanggan berkenaan pengurusan pinjaman pelajaran.

57.1.4 Kumpulan Sasaran

Sebelum pelaksanaan sesuatu aktiviti, sasaran merupakan perkara penting yang perlu ditetapkan terlebih dahulu. Semakan Audit mendapati perancangan terhadap kumpulan sasaran ada dilakukan iaitu melalui pemberian pinjaman pengajian tinggi kepada anak Perak atau sekiranya bukan anak Perak, ibu/bapa telah bermastautin di Negeri Perak melebihi 10 tahun dan pemohon telah mendapat tawaran belajar ke Institut Pengajian yang ditetapkan. Bilangan sasaran pemohon setahun adalah antara 630 hingga 760 pelajar. Bilangan lengkap sasaran

pemohon mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2000 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Sasaran Pemohon Mengikut
Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	2000	2001	2002	2003
Sijil	230	350	350	350
Diploma	300	300	300	250
Ijazah Sarjana Muda	100	110	110	105
Jumlah	630	760	760	705

Sumber: Rekod Yayasan

57.1.5 Syarat Permohonan Dan Kadar Pinjaman

Setiap pinjaman perlu mempunyai syarat permohonan, kriteria kelayakan dan kadar pinjaman yang tertentu. Syarat permohonan dan kriteria kelayakan serta kadar pinjaman Yayasan adalah seperti berikut:

i) Syarat Permohonan

Yayasan telah menetapkan syarat permohonan dan kriteria kelayakan yang perlu dipenuhi sebelum pinjaman dapat diberikan kepada setiap pemohon. Syarat permohonan ialah seperti berikut :

- a)** Pemohon atau ibu bapa lahir di Negeri Perak.
- b)** Sekiranya pemohon atau ibu bapa tidak dilahirkan di Negeri Perak, pemohon dan keluarga hendaklah bermastautin tidak kurang dari 10 tahun dengan mendapatkan pengesahan bermastautin daripada Pegawai Daerah atau Penghulu.
- c)** Telah mendapat tempat/tawaran melanjutkan pengajian mengikuti kursus pengajian sepenuh masa di Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta yang termasuk di dalam senarai Institusi yang diluluskan.

- d) Pemohon tidak mendapat pinjaman daripada badan penaja yang lain.
- e) Semua salinan dokumen yang dilampirkan bersama borang permohonan hendaklah disahkan oleh pegawai yang berkeelayakan terlebih dahulu.
- f) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat tidak akan dilayan.

ii) Kadar Pinjaman

Kadar pinjaman pelajaran yang ditawarkan telah disemak semula pada tahun 2000 dan diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perak. Ia adalah dalam lingkungan kadar pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Kadar pinjaman yang ditawarkan oleh Yayasan adalah sama kepada semua pelajar sama ada Bumiputera atau Bukan Bumiputera yang melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta di dalam dan luar negara. Kadar pinjaman yang diberikan adalah mengikut peringkat pengajian yang ditawarkan seperti **Jadual 40**.

Jadual 40
Kadar Pinjaman Pengajian

Bil.	Peringkat Pengajian Di Institusi Pengajian Awam/Swasta	Kadar Pinjaman Setahun (RM)
1.	Sijil	1,500
2.	Diploma	4,000
3.	Ijazah Sarjana Muda Dalam Negeri	5,000
4.	Ijazah Sarjana Muda Luar Negara	10,000

Sumber: Rekod Yayasan

Perbandingan juga dilakukan terhadap kadar pinjaman yang ditawarkan oleh badan penaja yang lain. Perbandingan adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Kadar Pinjaman Setahun Yayasan Perak Berbanding
Badan Penaja Yang Lain

Peringkat Pengajian	Yayasan Perak (RM)	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (RM)	Kerajaan Negeri Perak (RM)
Sijil	1,500	2,500	-
Diploma	4,000	3,500 hingga 4,500	3,000 hingga 4,500
Ijazah Sarjana Muda Dalam Negara	5,000	5,800 hingga 6,500	5,000 hingga 5,500
Ijazah Sarjana Muda Luar Negara	10,000	-	6,000 hingga 12,000

Sumber: Rekod Yayasan, Kerajaan Negeri Dan Laporan Audit Persekutuan 2001

Pada pendapat Audit, pinjaman yang ditawarkan oleh Yayasan Perak kecuali peringkat sijil adalah bersesuaian jika dibandingkan dengan kadar pinjaman yang ditawarkan oleh badan penaja yang lain.

57.1.6 Permohonan Pinjaman

Tatacara permohonan pinjaman pelajaran adalah seperti berikut:

i) Prosedur Pemilihan

Prosedur pemilihan adalah bermula daripada peringkat permohonan sehingga penyempurnaan surat perjanjian. Pinjaman pelajaran ditawarkan sebanyak 2 kali setahun. Tawaran pinjaman akan diiklan dalam 2 surat khabar utama. Setiap permohonan akan dikenakan bayaran pengurusan sejumlah RM10. Butiran permohonan ini akan dimasukkan ke komputer dan pemohon akan dimaklumkan bahawa status permohonan mereka sedang diproses. Senarai nama pemohon yang memenuhi syarat kelayakan akan disediakan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan Skim Pinjaman Pelajaran Yayasan Perak. Setelah berjaya dipilih,

surat tawaran akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya untuk disempurnakan surat perjanjian. Bagi permohonan yang tidak berjaya, borang dilupuskan selepas 3 bulan dari tarikh permohonan diterima.

ii) Surat Perjanjian Pinjaman

Perjanjian pinjaman merupakan dokumen yang perlu ditandatangani oleh pelajar yang mendapat pembiayaan daripada Yayasan. Ia adalah dokumen penting yang mengikat peminjam dengan tanggungjawab untuk menjelaskan pinjaman dan boleh menjadi bukti penting dalam proses mendapatkan balik pinjaman sama ada peminjam sendiri atau 2 orang yang menjadi penjamin sekiranya peminjam gagal membayar balik pinjaman. Penjamin bersama pelajar yang dijamin adalah bertanggungjawab terhadap semua tuntutan oleh Yayasan sekiranya berlaku pelanggaran syarat. Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian dirangka lebih awal iaitu sebelum permohonan diluluskan.

iii) Kaedah Pembayaran Pinjaman

Pinjaman yang diluluskan perlu dibayar berasaskan 2 kaedah seperti berikut:

- a)** Wang pinjaman dikreditkan terus ke akaun bank pelajar.
- b)** Wang pinjaman dibayar kepada Institusi Pengajian Tinggi bagi bayaran yuran dan baki dibayar kepada pelajar .

Pada pandangan Audit, Yayasan mempunyai perancangan yang baik terhadap prosedur permohonan pinjaman pelajaran ini.

57.1.7 Prosedur Bayaran Balik Pinjaman

Pihak Yayasan menetapkan bahawa pinjaman pelajar hendaklah dibayar balik selepas 6 bulan seseorang pelajar menamatkan pengajiannya. Pembayaran adalah berdasarkan tarikh pembayaran balik yang ditetapkan dalam surat perjanjian. Jika berlaku kematian pelajar, pegawai yang bertanggungjawab akan membawa perkara ini kepada pihak Lembaga Pentadbir Tabung untuk tujuan hapus kira.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, Yayasan mempunyai perancangan yang baik. Adalah disarankan agar Yayasan memperkemaskan lagi prosedur bayaran balik pinjaman bagi mengelakkan berlakunya tunggakan bayaran balik pinjaman.

57.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan pengurusan pinjaman pelajar dibuat berdasarkan kepada Perintah Tabung atau Arahan Amanahnya. Pada tahun 2001, Yayasan telah menyemak semula prosedur pengurusan pinjaman dan telah mendapat pengiktirafan Sijil ISO 9002. Semakan Audit terhadap pelaksanaan pengurusan pinjaman mendapati perkara seperti berikut:

57.2.1 Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga

Pengurus Besar Yayasan adalah bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran Tabung dan beliau dibantu oleh seorang Penolong Pengurus Kewangan dan 2 orang Pembantu Tadbir. Semakan Audit mendapati Yayasan tidak mengwujudkan unit tertentu yang khusus untuk mengendalikan pinjaman pelajar ini. Tanggungjawab utama iaitu menguruskan permohonan pinjaman dan menguruskan pembayaran balik pinjaman hanya dijalankan oleh dua Pembantu Tadbir. Semakan seterusnya mendapati pengagihan tugas yang diberikan kepada kedua Pembantu Tadbir ini adalah tidak seimbang dengan permohonan yang diterima dan diuruskan iaitu antara 630 hingga 760 permohonan setahun.

Pada pendapat Audit, kekurangan guna tenaga ini adalah antara sebab berlakunya tunggakan kerja seperti kelewatan mengemas kini data peminjam, surat tuntutan tidak dikeluarkan dan tiada tindakan penguatkuasaan dijalankan. Oleh itu, Yayasan perlu mengwujudkan satu unit berasingan untuk mengendalikan pengurusan pinjaman pelajaran beserta dengan bilangan kakitangan dan pegawai yang seimbang dengan beban tugas yang perlu dilaksanakan.

57.2.2 Proses Permohonan Dan Kelulusan Pinjaman

Prosedur Kualiti Yayasan telah menetapkan arahan kerja yang perlu diikuti untuk setiap permohonan pinjaman. Prosedur tersebut merangkumi peringkat permohonan sehingga penyempurnaan surat perjanjian. Sebanyak 113 sampel fail individu telah dipilih dan yang hanya melibatkan pinjaman yang dikeluarkan pada tahun 2000 dan 2001. Hasil semakan Audit mendapati kedudukan seperti berikut:

i) Penerimaan Borang Permohonan

Tarikh tutup permohonan pinjaman dinyatakan dalam borang permohonan supaya proses pengurusan pinjaman akan dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Oleh itu, setiap borang permohonan yang diterima oleh Yayasan perlu mencatatkan tarikh penerimaan borang tersebut. Ini akan dapat memudahkan pegawai yang bertanggungjawab untuk menolak permohonan yang diterima lewat daripada tarikh yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 99 daripada 113 permohonan telah dicatatkan tarikh penerimaan borang permohonannya.

ii) Dokumen Sokongan Permohonan

Syarat permohonan menghendaki setiap pemohon menghantar borang permohonan beserta salinan dokumen sokongan yang telah disahkan. Sekiranya borang permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, permohonan tersebut tidak akan diproses. Semakan Audit mendapati sebanyak 104 daripada 113 permohonan menyertakan dokumen sokongan yang lengkap dan disahkan. Dokumen sokongan tersebut adalah salinan kad pengenalan ibu bapa, salinan sijil kelahiran pemohon serta ibu bapa, keputusan peperiksaan dan surat tawaran pengajian.

iii) Pemilihan Pemohon / Kelulusan Pinjaman

Senarai pemohon yang layak dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan Skim Pinjaman Pelajaran Yayasan Perak untuk tujuan pemilihan pelajar dan kelulusan pinjaman. Jawatankuasa terdiri daripada seorang Pengerusi dan 3 orang ahli. Jawatankuasa ini bertanggungjawab meneliti dan menyemak senarai permohonan pinjaman dan meluluskan permohonan kepada mereka yang memenuhi syarat kelayakan. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan bulan Oktober setiap tahun untuk tujuan pemilihan dan Laporan Jawatankuasa disediakan bagi memberi senarai permohonan yang diterima, permohonan yang memenuhi syarat dan permohonan yang ditolak. Selain itu, senarai calon yang berjaya dan calon simpanan turut dilaporkan. Semakan Audit terhadap 113 permohonan yang dipilih mendapati perkara berikut:

- a)** Seramai 107 pemohon telah diluluskan pinjaman selaras dengan syarat kelayakan yang ditetapkan.
- b)** Enam permohonan yang diluluskan pinjaman tidak memenuhi kelayakan yang disyaratkan iaitu 5 kepujian mata pelajaran termasuk Bahasa Malaysia. Empat pemohon tidak mempunyai kepujian Bahasa Malaysia dan

2 pemohon masing-masing hanya mendapat 1 dan 3 kepujian sahaja.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya proses pemilihan pemohon telah dilaksanakan dengan memuaskan.

57.2.3 Perjanjian Pinjaman

Setiap pelajar yang menerima tawaran pinjaman daripada Yayasan dikehendaki menandatangani surat perjanjian. Surat perjanjian merupakan dokumen penting yang perlu disempurnakan dan disimpan dengan selamat. Surat perjanjian ini akan memudahkan pihak Yayasan mengambil tindakan terhadap peminjam yang gagal membuat bayaran balik pinjaman. Semakan Audit mendapati syarat perjanjian yang ditetapkan adalah memuaskan kerana ia telah mengambil kira kepentingan Yayasan secara keseluruhannya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pengurusan surat perjanjian mempunyai kelemahan seperti berikut:

i) Penyempurnaan Surat Perjanjian

Semakan terhadap 113 surat perjanjian mendapati kesemuanya kecuali 2 surat perjanjian telah disempurnakan dengan ditandatangani oleh peminjam. Selain itu, sebanyak 104 surat perjanjian yang dihantar tidak didaftarkan dalam Daftar Surat yang boleh dijadikan sebagai bukti surat perjanjian telahpun dihantar kepada peminjam jika berlaku kehilangan surat perjanjian.

ii) Penghantaran Surat Perjanjian Kepada Pelajar

Surat Perjanjian merupakan satu dokumen yang menetapkan syarat antara peminjam dengan Yayasan. Satu salinan surat perjanjian perlu dikemukakan kepada pelajar yang telah menandatangani. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a) Surat perjanjian tidak dihantar kepada 7 pelajar. Ini menyebabkan pelajar tersebut walaupun telah menamatkan pengajiannya masih belum membuat sebarang bayaran balik kepada Yayasan. Jumlah pinjaman yang terlibat ialah RM45,000.
- b) Mengikut peraturan, bagi pelajar yang memohon menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan ingin meneruskan pinjaman dengan Yayasan adalah dikehendaki menandatangani surat perjanjian yang baru. Adalah didapati seramai 20 daripada 38 orang pelajar yang diluluskan penangguhan pembayaran balik pinjaman kerana menyambung pengajian tidak menandatangani surat perjanjian yang baru.

iii) Penguatkuasaan

Syarat perjanjian menyatakan tindakan boleh diambil terhadap peminjam dan penjamin sekiranya pelajar melanggar syarat perjanjian. Selain itu, Yayasan boleh membuat perundingan dengan majikan pelajar supaya gajinya dipotong dengan sewajarnya untuk tujuan bayaran balik pinjaman. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tindakan penguatkuasaan terhadap pelajar dan penjamin lewat diambil dan pemotongan gaji bulanan tidak dilaksanakan oleh Yayasan.

Pada pandangan Audit, penyediaan surat perjanjian adalah memuaskan. Adalah disyorkan supaya surat perjanjian yang dihantar kepada peminjam didaftarkan sebagai bukti surat tersebut telah dihantar kepada peminjam. Penguatkuasaan terhadap peminjam juga boleh dibuat memandangkan terdapat klausa membolehkan tindakan diambil terhadap peminjam yang melanggar perjanjian. Selain itu, adalah disyorkan kandungan surat perjanjian ditambahbaik dengan

dimasukkan syarat yang membolehkan peminjam yang gagal membayar balik pinjaman dikenakan denda.

57.2.4 Pengurusan Bayaran Pinjaman Pelajaran

Pengurusan bayaran pinjaman kepada pelajar perlu dilakukan secara teratur kerana ia akan memberi kesan kepada pembelajaran pelajar tersebut. Prosedur Kualiti Pembayaran Pinjaman Pelajaran yang dikeluarkan telah menetapkan kaedah bayaran pinjaman pelajaran ini adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian pinjaman. Semakan Audit mendapati Yayasan melaksanakan 2 kaedah bayaran pinjaman pelajaran kepada pelajar iaitu:

- i)** Bayaran dibuat terus kepada pelajar dengan dikreditkan ke dalam akaun bank masing-masing; atau
- ii)** Bayaran kepada pelajar dibuat melalui Institusi Pengajian Tinggi terlibat. Pelajar hanya akan mendapat baki pinjaman setelah dipotong bayaran yang perlu dibayar ke pihak Institusi Pengajian Tinggi terlibat. Semakan Audit mendapati beberapa perkara seperti berikut:
 - a)** Penerimaan bayaran pembiayaan daripada Yayasan adalah teratur dan mengikut masa yang ditetapkan.
 - b)** Pihak Yayasan telah memasukkan syarat dalam surat perjanjian bahawa pelajar adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan secara bertulis sekiranya pelajar tersebut menerima apa-apa pemberian biasiswa, dermasiswa atau pinjaman daripada badan penaja yang lain. Selain itu, pihak Yayasan juga mendapat maklumat daripada pihak bank atau Institut Pengajian Tinggi yang berkenaan untuk memastikan bahawa pelajar yang ditawarkan pinjaman tersebut pada masa yang sama tidak mendapat pembiayaan daripada badan penaja yang lain.

Pada pandangan Audit, bayaran kepada pelajar telah dibuat dengan memuaskan.

57.2.5 Prestasi Pengeluaran Pinjaman Pelajaran

Bagi tempoh tahun 2000 sehingga 2003, Yayasan telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM5.94 juta. Pinjaman ini telah diberi kepada seramai 1,130 pelajar yang melanjutkan pelajaran ke 13 Institusi Pengajian Tinggi Awam dan 9 Institusi Pengajian Tinggi Swasta Tempatan. Berikut di **Jadual 42** adalah jumlah peruntukan dan pinjaman yang dikeluarkan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2003.

Jadual 42
Peruntukan Dan Pengeluaran Pinjaman Bagi
Tahun 2000 Hingga 2003

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM Juta)	Jumlah Pengeluaran Pinjaman (RM Juta)	Peratusan Pengeluaran Pinjaman (%)
2000	3.19	1.40	43.8
2001	3.87	1.38	35.6
2002	3.71	1.72	46.3
2003	3.72	1.44	38.7
Jumlah	14.49	5.94	40.9

Sumber: Rekod Yayasan

Daripada Jadual di atas, adalah diperhatikan pengeluaran pinjaman hanya sekitar 35.6% hingga 46.3%. Perkara ini berlaku disebabkan Yayasan telah memperuntukkan kuota pinjaman kepada seramai antara 630 hingga 760 orang pelajar satu tahun. Bagaimanapun, bilangan pelajar yang menerima tawaran adalah antara 226 hingga 467 orang pelajar sahaja kerana pelajar telah menerima tawaran daripada badan penaja yang lain.

i) Kuota Berbanding Permohonan Pinjaman

Daripada **Jadual 43**, adalah didapati bahawa bilangan permohonan yang diterima bagi semua peringkat pengajian adalah dalam kuota yang ditetapkan. Pada tahun 2002 dan 2003, adalah didapati bilangan permohonan yang diterima bagi peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda melebihi masing-masing 80.3% dan 82.0%. Daripada bilangan permohonan yang diterima, peratus bilangan yang diluluskan adalah antara 67% hingga 97.9%.

Jadual 43
Bilangan Kuota, Permohonan Dan Kelulusan
Pinjaman Bagi Tahun 2000 Hingga 2003

Peringkat Pengajian	2000			2001			2002			2003		
	Kuota	Mohon	Lulus	Kuota	Mohon	Lulus	Kuota	Mohon	Lulus	Kuota	Mohon	Lulus
Sijil	230	249	240	350	242	207	350	244	188	350	174	145
Diploma	300	264	264	300	229	212	300	195	199	250	348	284
Ijazah Sarjana Muda	100	89	74	110	65	55	110	137	129	105	128	86
Lain-lain	-	-	-	-	32	-	-	49	-	-	7	-
jumlah	630	602	578	760	568	474	760	625	516	705	657	515

Sumber: Rekod Yayasan

Nota : Kuota adalah Bilangan Pelajar yang disasarkan akan diberi pinjaman
Lulus adalah Bilangan Pelajar yang diluluskan pinjaman

ii) Permohonan Diluluskan Berbanding Penerimaan Tawaran

Daripada **Jadual 44**, adalah didapati bilangan pelajar yang menerima tawaran adalah kurang daripada jumlah permohonan yang diluluskan. Antara faktor yang menyebabkan ia berlaku adalah disebabkan pelajar telah mendapat tawaran daripada badan penaja yang lain. Peratus permohonan yang diluluskan berbanding bilangan pelajar yang menerima tawaran adalah antara 29.3% hingga 88.8%.

Jadual 44
Permohonan Yang Diluluskan Berbanding Pelajar Yang Menerima
Tawaran Bagi Tahun 2000 Hingga 2003

Peringkat Pengajian	2000		2001		2002		2003	
	Lulus	Terima Tawaran	Lulus	Terima Tawaran	Lulus	Terima Tawaran	Lulus	Terima Tawaran
Sijil	240	213	207	135	188	55	145	58
Diploma	264	224	212	128	199	162	284	131
Ijazah Sarjana Muda	74	30	55	19	129	48	86	37
Jumlah	578	467	474	282	516	265	515	226

Sumber: Rekod Yayasan

Pada pandangan Audit, pinjaman yang telah diluluskan telah dikeluarkan kepada pemohon yang berkelayakan dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun, bilangan pelajar yang menerima tawaran pinjaman adalah kurang berbanding dengan bilangan pinjaman yang diluluskan kerana pelajar yang ditawarkan telah mendapat tawaran daripada badan penaja yang lain. Oleh itu, Yayasan perlu mengkaji semula kaedah pemberian pinjaman dan kadar pinjaman supaya ia berdaya saing dengan kaedah dan kadar pinjaman yang dikeluarkan oleh badan penaja yang lain.

57.2.6 Bayaran Balik Pinjaman

Kutipan bayaran balik pinjaman yang cekap adalah penting bagi memastikan dana pinjaman tidak kekurangan. Mengikut Fasal 3 Surat Perjanjian, pinjaman hendaklah dibayar balik kepada Yayasan setelah 6 bulan pelajar menamatkan atau meninggalkan kursus pengajiannya. Semakan Audit terhadap 137 fail pelajar mendapati perkara berikut:

i) Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman

Seramai 41 orang pelajar telah diluluskan penangguhan bayaran balik pinjaman kerana pelajar menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu sama ada Sijil Ke Diploma dan Diploma ke Ijazah Sarjana Muda dan pelajar tidak dapat menamatkan pengajian. Jumlah pinjaman yang terlibat ialah RM188,084.

ii) Bayaran Balik Pertama Melebihi Tempoh

Seramai 32 orang pelajar hanya membuat bayaran balik pertama antara 7 ke 52 bulan selepas tamat pengajian. Jumlah pinjaman yang terlibat ialah RM249,457.

iii) Notis Tuntutan Masih Belum Dikeluarkan

Mengikut Fasal 3 Surat Perjanjian, pinjaman hendaklah dibayar balik setelah 6 bulan pelajar menamatkan pengajian. Yayasan hendaklah mengambil tindakan bagi mengeluarkan satu notis tuntutan bagi mendapatkan bayaran balik pinjaman. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a) Notis tuntutan tidak dihantar kepada pelajar yang telah menamatkan pengajian melebihi tempoh 6 bulan. Sehingga ke tarikh pengauditan iaitu bulan Oktober 2003, surat tuntutan masih belum dikeluarkan kepada 48 orang pelajar yang melibatkan pinjaman berjumlah RM283,339.
- b) Surat tuntutan tidak dikeluarkan kepada 36 orang pelajar yang tidak membuat bayaran seperti yang ditetapkan di Jadual dalam surat perjanjian. Jumlah pinjaman yang terlibat ialah RM227,739.

Pada pandangan Audit, pengurusan bayaran balik pinjaman pelajaran memerlukan pemerhatian yang lebih dari pihak Yayasan

57.2.7 Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Sehingga akhir tahun 2003, tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.52 juta iaitu sebahagian daripada sejumlah RM2.43 juta yang dikeluarkan kepada 452 orang pelajar. Semakan Audit terhadap 137 fail individu yang menerima pinjaman pelajaran antara tahun 1996 hingga 1998 menunjukkan perkara seperti berikut:

i) Penghantaran Surat Peringatan Kepada Peminjam

Surat peringatan tidak dihantar oleh pegawai yang bertanggungjawab kepada peminjam yang gagal membuat bayaran mengikut amaun yang telah ditetapkan dalam surat perjanjian.

ii) Kerjasama Daripada Agensi Kerajaan

Tiada tindakan daripada pihak Yayasan untuk mendapatkan kerjasama daripada agensi Kerajaan yang lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk mengesan alamat terkini peminjam tersebut.

Pada pandangan Audit, tindakan perlu diambil untuk memastikan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman pelajaran tidak mencecah tahap yang tidak terkawal.

57.2.8 Prestasi Bayaran Balik Pinjaman

Prestasi bayaran balik pinjaman Yayasan menunjukkan penurunan bayaran balik pinjaman berbanding anggaran yang ditetapkan. Prestasi bayaran balik pinjaman bagi tempoh 2000 sehingga bulan Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Mengikut Tahun
Sehingga Disember 2003

Tahun	Anggaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Peratus (%)
2000	1.51	1.48	98.0
2001	1.69	1.44	85.2
2002	1.64	1.14	69.5
2003	1.58	0.83	52.5
Jumlah	6.43	4.89	76.0

Sumber: Rekod Yayasan

Semakan Audit mendapati tiada Unit Penguatkuasaan yang bertindak sebagai pemantau bayaran balik pinjaman ini. Pengurusan kutipan bayaran balik pinjaman adalah bergantung kepada 2 orang Pembantu Tadbir yang diamanahkan. Pembantu Tadbir yang berkenaan juga terlibat dalam tugas lain dan tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya berkaitan perkara ini. Ini juga menyebabkan bebanan kerja dan surat tuntutan kepada pelajar lewat atau tidak dihantar untuk mendapatkan semula baki pinjaman. **Pada pandangan Audit, Unit Penguatkuasaan ini seharusnya boleh mengambil tindakan segera terhadap peminjam sekiranya berlaku pelanggaran syarat perjanjian.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan pinjaman pelajaran kepada pelajar dilaksana dengan memuaskan. Pemilihan calon yang layak dan pengendalian surat perjanjian adalah teratur. Bagaimanapun, adalah didapati guna tenaga melaksanakan pengurusan pinjaman kurang memuaskan memandangkan data peminjam tidak dapat dikemaskinikan atas sebab kekurangan kakitangan.

57.3 PEMANTAUAN

Pengurusan Pinjaman Yayasan hanya dipantau oleh pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perak melalui penyediaan penyata kewangan Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak (Tabung). Penyata kewangan serta operasi pinjaman pelajaran hanyalah dibentang di Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perak dan dihantar ke Lembaga Hasil Dalam Negeri. Adalah diperhatikan Yayasan telah mula mengambil tindakan melalui undang-undang terhadap peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman yang lama.

Pada keseluruhannya, Pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan merupakan unit yang memantau dan mengawal selia pengendalian proses dan bayaran balik . Lembaga perlu mewujudkan satu kaedah pemantauan bagi mengesahkan status pinjaman, tunggakan bayaran balik serta mengambil tindakan susulan. Pengawasan terhadap rekod dan dokumen juga perlu bagi memastikan maklumat peminjam tepat dan kemaskini.

58. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pengurusan pinjaman pelajaran Yayasan masih perlu diperkemas lagi supaya ia akan menjadi lebih cekap dan teratur. Bagaimanapun, adalah diperhatikan Yayasan telah mengambil inisiatif mendapatkan Sijil Pengiktirafan ISO terhadap pengurusan pinjaman pelajarannya dan ia akan menjadi asas yang kukuh untuk memperbaiki pengurusan pinjaman pelajaran. Namun begitu, peringkat pelaksanaannya masih ada kelemahan terutamanya disebabkan kekurangan kakitangan. Jabatan Audit Negara mengesyorkan supaya perkara berikut diteliti oleh Yayasan untuk memperbaiki pengurusan pinjaman pelajaran.

- i) Memberi kemudahan penyelesaian bayaran balik pinjaman secara *online* melalui laman web Yayasan dengan mendapat kerjasama daripada pihak bank;
- ii) Menyediakan kemudahan pembayaran secara kad kredit;

- iii)** Menyediakan kemudahan pembayaran dengan melantik agen pusat pembayar seperti Pejabat Pos dan institusi kewangan lain;
- iv)** Mendapatkan kerjasama daripada agensi Kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk mengesan tempat bekerja peminjam yang terlibat;
- v)** Menyiarkan nama peminjam serta penjamin di akhbar tempatan; dan
- vi)** Memberi diskaun kepada peminjam yang menjelaskan pinjaman sekaligus.

MAJLIS DAERAH LENGGONG

PROJEK PEMBINAAN DEWAN DAN CHALET DI KAWASAN TASIK RABAN FASA II

59. LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri bersetuju memajukan kawasan Tasik Raban sebagai pusat pelancongan semasa RMK6. Pemilihan Tasik Raban sebagai satu pusat pelancongan adalah kerana terdapat tempat semula jadi yang menarik seperti tasik, gua, tempat sejarah, sungai dan hutan tropika yang dijangka menjadi tarikan pelancong yang berminat menghayati keindahan alam semula jadi. Kawasan Tasik Raban terletak berhampiran dengan jalan utama Gerik - Kuala Kangsar menjadikan kawasan ini mudah dihubungi dan berada dalam lingkungan 14 kilometer dari pekan Lenggong. Sehubungan itu, Majlis Daerah Lenggong merancang menyediakan kemudahan asas pelancongan bagi menarik pelancong ke Daerah ini. Selaras dengan pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara, pihak Majlis membuat permohonan peruntukan daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan yang bertanggungjawab mengubal, menyelaras, mengawas, memantau serta menilai program pelancongan kebangsaan. Perancangan pembangunan kawasan Tasik Raban dilaksanakan secara berperingkat. Projek Pembangunan Kawasan Tasik Raban Fasa I yang terdiri daripada pembinaan 5 buah gerai, sebuah restoran, sebuah surau dan tempat letak kereta dilaksanakan di bawah RMK6. Projek pembangunan Fasa II yang terdiri daripada pembinaan 5 buah chalet berkembar, dua chalet sesebuah dan sebuah dewan dilaksanakan di bawah RMK7.

60. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pembinaan dewan dan chalet telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat mengikut maksud yang diluluskan.

61. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pembinaan dewan dan chalet dari aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Pengauditan dijalankan di Majlis Daerah Lenggong dan di Unit Perancang Ekonomi Negeri yang bertindak sebagai penyelaras projek dengan Kementerian. Pengauditan meliputi tempoh pelaksanaan projek semasa RMK7 iaitu mulai tahun 1997 sehingga 2003. Semakan dijalankan terhadap dokumen kontrak, fail projek, rekod kewangan, laporan kewangan kerja, minit mesyuarat kerja, buku harian tapak serta membuat lawatan ke tapak bina. Selain itu, temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai yang terlibat secara langsung dengan projek.

62. PENEMUAN AUDIT

62.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan perkara penting yang perlu dilakukan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Ia dapat membantu kelancaran pelaksanaan projek dan pencapaian matlamat. Perancangan yang baik perlu merangkumi elemen seperti pemilihan lokasi, penggunaan dan penyelenggaraan peralatan, selain memastikan guna tenaga dan peruntukan kewangan adalah mencukupi.

62.1.1 Struktur Pengurusan

Majlis Daerah Lenggong adalah bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek pembangunan kawasan Tasik Raban. Projek pembangunan ini termasuk pengindahan kawasan, pembinaan bangunan dan kemudahan infrastruktur. Yang Dipertua Majlis adalah Pegawai Penguasa yang mengawasi pelaksanaan projek. Setiausaha Majlis selaku Ketua Pentadbir adalah bertanggungjawab terhadap segala urusan pentadbiran dan pengurusan Majlis. Beliau juga bertanggungjawab mengawal

pelaksanaan dan pemantauan projek dan dibantu oleh Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa dan seorang Juruteknik .

62.1.2 Keperluan Kewangan

Di bawah RMK6, Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan telah meluluskan sejumlah RM1.15 juta untuk Projek Pembinaan Fasa I di kawasan Tasik Raban. Bagi meneruskan projek Fasa II, sejumlah RM2 juta dipohon di bawah RMK7 dan sejumlah RM3.40 juta dipohon di bawah RMK8 daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri.

62.1.3 Komponen Dan Fasa Projek

Majlis merancang untuk melaksanakan projek pembangunan di kawasan Tasik Raban secara berperingkat seperti berikut:

- i) Fasa I: Pembinaan 5 buah gerai, sebuah restoran, sebuah surau dan tempat letak kereta.
- ii) Fasa II: Pembinaan 5 buah chalet berkembar, dua chalet sesebuah dan sebuah dewan.

Dalam perancangan projek, pihak Majlis bercadang menyediakan kemudahan bekalan air dan elektrik serta bekalan peralatan dan kelengkapan untuk kegunaan selepas projek siap.

62.1.4 Kaedah Pelaksanaan Projek

Bagi menjamin kesempurnaan dan kualiti projek yang akan dibangunkan, perkhidmatan kepakaran teknikal adalah diperlukan.

i) Perkhidmatan Juruperunding

Memandangkan Majlis tidak mempunyai tenaga kepakaran teknikal, Majlis merancang memohon bantuan daripada Jabatan Kerja Raya, Hulu Perak Gerik atau memperolehi perkhidmatan Juruperunding dengan kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan untuk pelaksanaan projek.

ii) Pemilihan Kontraktor

Sistem pelawaan tender akan digunakan semasa pemilihan kontraktor dan kelulusan akan diperolehi daripada Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri. Majlis akan melantik Jawatankuasa Pembuka Tender dan Jawatankuasa Penilaian Tender. Laporan Penilaian Tender akan disediakan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender dan akan dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri untuk pertimbangan dan keputusan.

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan projek yang dirancang adalah bersesuaian.

Pada pandangan Audit, perancangan projek pembinaan di kawasan Tasik Raban adalah baik. Bagaimanapun, Majlis perlu meneliti pelan reka bentuk yang disediakan dan memastikan kajian tanah dibuat sebelum sesuatu projek pembinaan dilaksanakan untuk memastikan ia selaras dengan kehendak peraturan dan matlamat Majlis.

62.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan projek yang sejajar dengan pelan perancangan adalah penting bagi memastikan ia berjalan lancar dan mencapai matlamatnya.

62.2.1 Pemilihan Tapak Projek

Lokasi projek yang dikenal pasti dan dipilih kerana mempunyai bentuk keindahan alam semula jadi. Tindakan pengambilan balik tanah seluas 7.46 hektar bagi projek Fasa II dibuat semasa projek Fasa I sedang dilaksanakan. Pampasan sejumlah RM155,670 telah dibayar pada tahun 1993 daripada peruntukan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan. Tujuan pengambilan balik tanah serentak dengan pembangunan projek Fasa I adalah untuk mengelakkan kos projek meningkat. Dalam melaksanakan

sesuatu projek pembinaan, satu kajian tanah perlu dilaksanakan untuk menentukan tapak projek yang dipilih adalah selamat untuk didirikan sesuatu bangunan. Kajian ini perlu bagi membolehkan pereka bentuk memilih jenis asas serta melakukan reka bentuk asas yang baik, selamat dan berekonomi. Semasa pemeriksaan Audit, tiada maklumat/dokumen mengenai kajian tanah dikemukakan untuk rujukan. Jika sesuatu yang tidak diingini berlaku seperti tanah runtuh, jerlus dan lain-lainnya, pihak Majlis tidak dapat memberikan rujukan ataupun laporan untuk menjaga kepentingan Majlis tanpa kajian tanah dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, tindakan pengambilan balik tanah serentak dengan pembangunan projek Fasa I adalah langkah yang baik. Bagaimanapun, Majlis perlu membuat kajian tanah sebelum sesuatu projek pembinaan dilaksanakan untuk menjaga kepentingan Majlis dan awam.

62.2.2 Pengambilan Balik Tanah

Projek ini melibatkan pengambilan balik tanah seluas 7.46 hektar dengan kos pampasan berjumlah RM155,670. Pampasan telah dibayar pada tahun 1993, melalui peruntukan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan. Walaupun bayaran pampasan dan premium tanah telah dijelaskan oleh pihak Majlis, namun hakmilik tanah masih atas nama Kerajaan Negeri. Ini disebabkan pihak Majlis tidak mampu untuk membayar cukai tanah yang tinggi setiap tahun.

Pada pendapat Audit, pihak Majlis perlu membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri supaya tanah tersebut didaftarkan sebagai rezab Majlis Daerah Lenggong.

62.2.3 Kaedah Pelaksanaan Projek

Jabatan Kerja Raya, Hulu Perak Gerik telah menolak permohonan Majlis untuk pelaksanaan projek kerana beban kerja Jabatan sendiri. Majlis seterusnya merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk memperolehi perkhidmatan Juruperunding bagi pelaksanaan projek. Untuk pelaksanaan projek Fasa II, dua kontraktor telah dilantik kerana kontraktor pertama gagal menyiapkan kerja dalam tempoh ditetapkan.

i) Pelantikan Juruperunding

Dalam urusan pelantikan Juruperunding pihak Majlis telah memperolehi 3 profail syarikat Juruperunding. Setelah mengkaji profail Juruperunding, pihak Majlis telah memperakukan sebuah syarikat sebagai Juruperunding projek untuk pertimbangan serta kelulusan Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan asas pemilihan Majlis untuk memperakukan syarikat Juruperunding tersebut sebab dokumen mengenai pelantikan ini tidak dikemukakan untuk semakan.

ii) Pemilihan Kontraktor

Jawatankuasa Penilaian Tender Majlis yang dilantik terdiri daripada Yang Dipertua Majlis dan 4 orang Ahli Majlis. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyediakan Laporan Penilaian Tender berdasarkan bidang teknikal dan kedudukan kewangan penender. Laporan tersebut perlu dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri untuk pertimbangan dan keputusan pemilihan penender. Kaedah pemilihan kontraktor adalah melalui tender terbuka.

a) Kontrak Pertama

Sebanyak 4 penender mengemukakan tawaran untuk pelaksanaan projek. Pemilihan kontraktor adalah berdasarkan kepada kos terendah.

b) Kontrak Kedua

Sebanyak 5 penender mengemukakan tawaran untuk pelaksanaan projek. Pemilihan kontraktor adalah berdasarkan kepada kos terendah.

Adalah diperhatikan Jawatankuasa Penilaian Tender Majlis tidak mempunyai ahli yang berpengalaman dalam bidang teknikal dan pembinaan. Laporan Penilaian Tender yang disediakan adalah berdasarkan kepada kos terendah. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada penilaian dibuat dari sudut prestasi kerja yang lepas, kedudukan kewangan dan pengalaman dalam kerja kontrak semasa kontraktor diperakukan kerana maklumat berkenaan tidak dikemukakan untuk rujukan.

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Penilaian Tender peringkat Majlis hendaklah juga dianggotai oleh ahli yang mempunyai pengetahuan dalam bidang teknikal dan pembinaan. Kriteria penilaian tender hendaklah dibuat berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman dan kerja kontrak semasa dan tidak kepada faktor harga terendah sahaja untuk memastikan kontraktor yang dipilih mempunyai kemampuan sebenar untuk menyiapkan kerja.

62.2.4 Perjanjian Kontrak

Untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek dan pencapaian matlamatnya, syarat perjanjian perlu disediakan dengan teliti dan sempurna untuk menjaga kepentingan Majlis. Syarat perjanjian perlu menyatakan dengan terperinci obligasi Juruperunding, *propriety rights* Majlis terhadap dokumen, tempoh lantikan, bayaran Juruperunding jika projek ditangguhkan, ditamatkan atau ditender semula dan sebagainya. Pegawai

Penguasa adalah bertanggungjawab untuk memastikan syarat perjanjian dipatuhi oleh kontraktor.

i) Perkhidmatan Juruperunding

Pemeriksaan Audit terhadap perjanjian yang ditandatangani antara syarikat Juruperunding dengan Majlis pada bulan Disember 1997 mendapati jenis perkhidmatan yang diberikan adalah seni binaan, juruukur bahan dan kejuruteraan sivil dan struktur sahaja. Semakan lanjut terhadap perjanjian mendapati tiada jenis perkhidmatan yang terperinci dicatatkan bagi perkhidmatan yang sepatut dibuat terhadap sesuatu pembinaan seperti kajian kemungkinan, kajian tanah dan contoh ujian yang akan dibuat bagi penentuan spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, adalah didapati perjanjian tidak menyatakan tentang obligasi Juruperunding, *propriety rights* Majlis terhadap dokumen, tempoh lantikan, bayaran Juruperunding jika projek ditangguhkan, ditamatkan atau ditender semula dan sebagainya.

Pihak Audit berpendapat bahawa perjanjian yang ditandatangani antara syarikat Juruperunding dengan Majlis tidak menyatakan dengan jelas tanggungjawab syarikat Juruperunding yang dilantik bagi menentukan perkhidmatan syarikat digunakan sepenuhnya.

ii) Perkhidmatan Kontraktor

Perjanjian kontrak bagi perkhidmatan kontraktor melibatkan 2 kontraktor seperti berikut :

a) Kontraktor Pertama

Kontrak pertama ditamatkan pada bulan April 2002 kerana kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Setelah kontrak ditamatkan, Majlis telah mengambil tindakan untuk menuntut baki kos siap kerja bagi kerugian atau ganti rosak berjumlah RM443,395

selepas menolak rampasan bon pelaksanaan sejumlah RM82,708 daripada kontraktor pertama. Pada pertengahan bulan Oktober 2002, surat tuntutan telah dihantar menerusi alamat kontraktor tetapi telah gagal disampaikan. Tiada bukti menunjukkan tindakan susulan telah diambil oleh pihak Majlis untuk menuntut bayaran tersebut.

Pada pendapat Audit pihak Majlis seharusnya meminta pandangan serta nasihat daripada Penasihat Undang-undang Negeri mengenai tindakan lanjut yang wajar diambil.

b) Kontraktor Kedua

Di bawah perjanjian Kontraktor Kedua, Klausula 40 kontrak menjelaskan bahawa sekiranya kontraktor tidak menyiapkan kerja pada tarikh siap kerja yang telah diperakui secara bertulis oleh Pegawai Penguasa, kontraktor hendaklah membayar ganti rugi kepada Kerajaan selama tempoh kerja yang tidak disiapkan itu. Selaras dengan itu, satu notis "Perakuan Kerja Tidak Siap" hendaklah dikeluarkan untuk menentukan jumlah denda yang harus dibayar. Semakan Audit mendapati tempoh lanjutan masa yang diluluskan kepada kontraktor kedua adalah sehingga akhir bulan Ogos 2003. Lawatan Audit pada bulan November 2003 mendapati kerja kontrak masih belum siap dan tiada bukti menunjukkan lanjutan masa diluluskan kepada pihak kontraktor. Adalah didapati satu notis 'Perakuan Kerja Tidak Siap' dikeluarkan kepada kontraktor oleh Juruperunding pada awal bulan September 2003. Kontraktor berkenaan akan dikenakan bayaran ganti rugi sejumlah RM322 satu hari sepanjang tempoh kerja kontrak tidak disiapkan sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, tindakan mengeluarkan 'Perakuan Kerja Tidak Disiapkan' untuk mengesahkan kerja tidak dapat disiapkan dan dikenakan denda terhadap kontraktor adalah selaras dengan syarat kontrak. Perakuan kerja tidak siap tersebut hendaklah dikeluarkan untuk mengesahkan bahawa kerja tidak dapat disiapkan dan dikenakan denda terhadap kontraktor.

62.2.5 Prestasi Pembinaan Projek

Semakan Audit mendapati prestasi kemajuan pembinaan adalah tidak memuaskan. Walaupun lanjutan masa telah diluluskan kepada kedua kontraktor namun prestasi kerja pembinaan tidak menunjukkan peningkatan.

i) Kontraktor Pertama

Kontrak pertama bermula pada pertengahan bulan Jun 1999 dan tarikh siap kerja adalah pada akhir bulan Oktober 2000. Bagaimanapun, mengikut penilaian kerja yang dibuat pada akhir bulan Oktober 2000, peratusan kerja siap adalah 22.1% sahaja yang melibatkan pembinaan dewan dan chalet berbanding dengan Jadual Pelaksanaan Projek yang patut disiapkan sepenuhnya. Lanjutan masa sebanyak 3 kali mulai dari awal bulan November 2000 hingga akhir bulan Februari 2002 telah diluluskan tetapi peratusan kerja siap pada akhir bulan Februari 2002 adalah 72% sahaja. Walaupun surat peringatan, nasihat dan teguran telah dibuat, namun kontraktor masih tidak dapat menyiapkan kerja projek. Oleh itu, pihak Majlis mengambil tindakan menamatkan kontrak pada akhir bulan April 2002.

ii) Kontraktor Kedua

Kontrak kedua bermula pada awal bulan November 2002 sehingga akhir bulan Mac 2003. Kontraktor kedua juga gagal menyiapkan kerja kontrak dalam masa yang ditetapkan. Mengikut Penyata Bayaran bulan Mac 2003, peratusan kerja siap adalah 27% sahaja. Lanjutan masa sebanyak 4 kali

diluluskan mulai dari akhir bulan Mac 2003 sehingga akhir bulan Ogos 2003 iaitu selama 5 bulan 6 hari tetapi peratusan kerja siap pada akhir bulan Ogos 2003 adalah 89.7% sahaja. Semakan Audit terhadap Penyata Bayaran bulan September 2003 mendapati peratusan kerja siap adalah 96.8%. Lawatan Audit pada bulan November 2003 mendapati kerja pembinaan 5 buah chalet berkembar dan 2 chalet sesebuah telah siap dan kerja kemasan sedang dilaksanakan. Manakala kerja pembinaan dewan masih belum disiapkan dengan sempurna. Tiada bukti menunjukkan lanjutan masa diluluskan selepas bulan Ogos 2003 atau tindakan diambil terhadap kontraktor mengikut klausa 40 kepada syarat kontrak. **Foto 11** berikut menunjukkan Bangunan Dewan yang hampir siap dibina.

Foto 11

Bangunan Dewan Tasik Raban



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 10 November 2003*

Pada pendapat Audit, Majlis tidak menyelia dengan rapi kerja kontraktor untuk memastikan kerja disiapkan mengikut jadual.

62.2.6 Kualiti Kerja

Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan November 2003 mendapati kualiti kerja adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak seperti berikut:

i) Laluan Pejalan Kaki

Mengikut spesifikasi dalam kontrak, pembinaan laluan pejalan kaki hendaklah berdasarkan *Bills of Quantity* (BQ6/1) yang menyatakan "*Construction and completion of Walkway including PC Slab and 150mm thick crusher run (aggregates size of 20mm diameter) all as per detail drawing*" dan lukisan pelan. Pemeriksaan Audit mendapati sebahagian daripada pembinaan laluan pejalan kaki tidak menggunakan *PC Slab*. Ada juga laluan pejalan kaki yang telah retak dan pecah. **Foto 12** menunjukkan laluan pejalan kaki yang telah retak dan pecah.

Foto 12
Laluan Pejalan Kaki Yang Telah Retak Dan Pecah



Sumber: Fail foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 09 Disember 2003

ii) Pembinaan Sistem Kumbahan

Mengikut spesifikasi kontrak, pembinaan sistem kumbahan seperti lukisan pelan hendaklah mempunyai 600 x 600 mm *manhole*, *separation tank*, *aeration tank*, 600 x 600 mm *discharging manhole* dan longkang. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor tidak membina 600 x 600 mm *discharging manhole* dan longkang. Air yang keluar dari *aeration tank* akan mengalir melalui *outlet pipe* sebagai saluran akhir dan jatuh ke cerun kerana *drain* tidak dibina. Keadaan ini akan mengakibatkan hakisan berlaku kerana air mengalir terus ke cerun/tebing.

iii) Pembinaan Tandas Dewan Persidangan

Mengikut Seksyen 43(a) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, tandas atau jamban pam, dengan pasangan jamban duduk, tidak kurang daripada 1.5 meter panjang dan 0.75 meter lebar. Berdasarkan spesifikasi lukisan pelan, kontraktor dikehendaki membina tandas wanita dengan keluasan 1.6 meter panjang dan 0.72 meter lebar. Pemeriksaan Audit mendapati ukuran sebenar yang dibina adalah 1.32 meter panjang dan 0.74 meter lebar yang mana tidak menepati spesifikasi kontrak dan juga tidak mematuhi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Keadaan ini menjadikan ruang tandas sempit. Pintu tandas yang dibuka hampir mengenai mangkuk tandas.

iv) Pembinaan Longkang

Adalah diperhatikan longkang laluan air yang dibina di sekeliling dewan persidangan tidak sampai ke gigi air. Longkang yang dibina terletak di tebing tasik dan air mengalir menghakis cerun. Pemeriksaan Audit mendapati longkang tersebut telah pecah dan jatuh ke tepi tebing kerana air yang mengalir menghakis cerun dan secara langsung merobohkan longkang yang dibina. Kerja tambahan seperti meletakkan

gabion iaitu batu dalam sangkar ataupun cerucuk besi untuk menyokong longkang perlu dibina segera untuk mengelakkan hakisan. **Foto 13** menunjukkan longkang yang telah pecah akibat hakisan.

Foto 13
Longkang Pecah Akibat Hakisan



Sumber: Fail foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 09 Disember 2003

Pada pendapat Audit, Juruperunding yang diberi tanggungjawab untuk menyediakan pelan projek dan menyelia kerja kontrak tidak menjalankan tugasnya dengan memuaskan. Kegagalan Juruperunding memastikan pelan disediakan mengikut kehendak undang-undang dan menyelia kerja kontrak dengan sempurna mengakibatkan kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang sepatutnya.

62.2.7 Bekalan Peralatan Dan Kelengkapan

Mengikut spesifikasi kontrak, pihak kontraktor hendaklah membekalkan peralatan dan kelengkapan untuk chalet dan dewan. Semasa lawatan Audit pada bulan November 2003 mendapati kontraktor telah membekalkan kesemua peralatan dan

kelengkapan untuk chalet dan dewan walaupun kerja pembinaan masih belum siap sepenuhnya. Peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan oleh kedua kontraktor adalah seperti berikut:

i) Kontraktor Pertama

Peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan pada bulan Januari dan bulan Oktober 2001 adalah kerusi dan meja bankuet, tilam dan diva kecil/besar, *sette double seat*, *sette single seat*, kerusi meja solek dan kerusi plastik serta televisyen .

ii) Kontraktor Kedua

Peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan pada bulan Jun dan Ogos 2003 adalah kerusi dan meja mesyuarat, kerusi dewan, sofa dengan meja kaca kayu jati, *sette* untuk pentas, kabinet televisyen, PA sistem untuk dewan dan bilik mesyuarat, alat karaoke, sistem telefon PABX, peti sejuk serta set peralatan dan kelengkapan chalet.

Semakan Audit mendapati beberapa perkara berkaitan bekalan peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan oleh kedua kontraktor seperti berikut:

- a) Peralatan telah dibekalkan oleh kontraktor pertama sebelum projek siap; dan
- b) Peralatan elektrik seperti televisyen dan peti sejuk disimpan di stor yang menyimpan alat pertukangan, alat pembersihan dan alat ganti kenderaan. **Foto 14** menunjukkan televisyen dan peti sejuk yang masih berada dalam kotak di stor Majlis.

Foto 14
Televisyen Dan Peti Sejuk Yang Masih Dalam
Kotak Di Simpan Di Stor Majlis



*Sumber: Fail foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 09 Disember 2003*

- c) Sebanyak 13 buah televisyen yang diterima pada akhir bulan Oktober 2001 belum digunakan lagi tetapi telah tamat tempoh jaminannya. Semasa penerimaannya hanya satu set sahaja yang diuji untuk memastikan ia berfungsi dengan baik.
- d) Sistem telefon PABX berserta set telefon yang dibekalkan untuk kegunaan chalet dan dewan persidangan telah digunakan di pejabat Majlis.
- e) Pihak Majlis masih belum merekod sistem telefon PABX dan set telefon dalam daftar kad harta modal.
- f) Pihak Majlis tidak mempunyai tempat yang mencukupi untuk menyimpan peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan. Adalah didapati peralatan dan kelengkapan disimpan di Dewan Astaka, Dewan Merdeka, stor dan pejabat Majlis. Kelengkapan seperti perabot dan set

sofa tidak disusun dengan teratur seperti yang ditunjukkan dalam **Foto 15**.

Foto 15
Perabot Tidak Disusun Dengan Teratur



*Sumber: Fail foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 09 Disember 2003*

Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan adalah tidak memuaskan. Rekod peralatan dan kelengkapan perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

62.2.8 Perbelanjaan Projek

Hasil pengauditan yang dijalankan terhadap perbelanjaan projek adalah seperti berikut :

i) Prestasi Perbelanjaan

Pada akhir tahun 2003, daripada RM4.42 juta yang diluluskan hanya sejumlah RM2.51 juta atau 56.7% telah dibelanjakan. Perkara ini berlaku kerana kerja kontrak tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan di bawah perjanjian kontrak. Perbandingan antara peruntukan yang diterima dengan perbelanjaan sebenar adalah seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Peruntukan Yang Diterima Dan Perbelanjaan Sebenar

Tahun	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
1993	155,500	155,500	100
1997	15,000	15,000	100
1998	100,000	44,175	44.2
1999	500,000	256,096	51.2
2000	1,042,930	170,471	16.3
2001	800,000	682,967	85.4
2002	400,000	113,738	28.4
2003	1,410,000	1,072,286	76.4
Jumlah	4,423,430	2,510,233	56.7

Sumber : Rekod Majlis

Pada pendapat Audit, pihak Majlis mungkin menghadapi masalah untuk memohon peruntukan daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan jika peruntukan yang disediakan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya pada tahun kewangan yang diluluskan.

ii) Peningkatan Kos Projek

Sejumlah RM1.16 juta telah dibayar kepada kontraktor pertama sebelum kontrak ditamatkan pada bulan April 2002. Baki kerja kontrak yang belum siap bersama dengan penambahan bekalan kelengkapan dan perabot ditender semula pada bulan November 2002. Nilai kontrak kedua adalah sejumlah RM1.29 juta. Perbandingan terhadap *Final Summary* kontrak pertama dengan kontrak kedua mendapati kos projek meningkat selepas projek ditender semula. Butiran maklumat kerja yang ditender semula adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Maklumat Kerja Yang Ditender Semula

Bil.	Perkara	Nilai Kontrak Pertama (RM)	Kerja Siap (%)	Jumlah Telah Dibayar (RM)	Baki (RM)	Nilai Ditender Semula (RM)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM)
1.	Syarat Am dan Kerja Permulaan	78,500	95.6	75,040	3,460	36,100	32,640
2.	Pembersihan Tapak / Kerja Tanah	50,000	20	15,000	35,000	20,000	(15,000)
3.	<i>Surface Water Drainage</i>	10,000	0	0	10,000	0	(10,000)
4.	<i>Water Reticulation</i>	20,000	97.5	19,500	500	13,500	13,000
5.	<i>Walkway</i>	10,000	100	10,000	0	18,000	18,000
6.	Kerja Bangunan						
	i.Dewan Persidangan	500,036	73.3	366,598	133,438	317,950	184,512
	ii.Chalet Sesebuah	135,703	99.1	134,516	1,187	12,785	11,598
	iii.Chalet Berkembar	400,000	99.6	398,313	1,687	58,740	57,053
7.	Kerja Elektrikal Dan Mekanikal						
	i.Dewan Persidangan	216,669	4.1	8,971	207,698	279,205	71,507
	ii.Chalet Sesebuah	39,530	96.9	38,294	1,236	25,820	24,584
	iii.Chalet Berkembar	93,725	96.9	90,710	3,015	131,900	128,885
8.	Lain-lain	100,000	0	0	100,000	374,000	274,000
9.	<i>Material on site</i>			5,662			
Jumlah		1,654,162	-	1,162,604	497,221	1,288,000	840,797

Sumber : Rekod Majlis Daerah Lenggong

Analisis terhadap kerja dan nilai kontrak yang ditender semula mendapati kos projek bagi butiran di **Jadual 48** meningkat sejumlah RM523,779 berbanding dengan kos asal projek selepas mengambil kira kerja yang dikeluarkan daripada kontrak dan kos kerja yang dikurangkan.

Jadual 48
Maklumat Nilai Kerja Yang Meningkatkan

Bil.	Perkara	Nilai Tambahan (RM)
1.	Syarat Am dan Kerja Permulaan	32,640
2.	<i>Water Reticulation</i>	13,000
3.	Kerja Bangunan	
	i. Dewan Persidangan	184,512
	ii. Chalet Sesebuah	11,598
	iii. Chalet Berkembar	57,053
4.	Kerja Elektrikal dan Mekanikal	
	i. Dewan Persidangan	71,507
	ii. Chalet Sesebuah	24,584
	iii. Chalet Berkembar	128,885
Jumlah		523,779

Sumber : Rekod Majlis Daerah Lenggong

Semakan lanjut mendapati pihak Majlis telah memasukkan tambahan bekalan peralatan serta perabot dewan dan chalet sejumlah RM274,000 di bawah item “lain-lain”.

Pada pendapat Audit, peningkatan kos merupakan kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pihak Majlis kerana kegagalan kontraktor menyiapkan kerja mengikut jadual yang ditetapkan. Namun demikian, mengikut klausa 51(c)(v) syarat kontrak, tuntutan ganti rugi berjumlah RM526,103 boleh dituntut daripada kontraktor pertama.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan. Tanggungjawab Juruperunding yang dilantik tidak dinyatakan dengan jelas mengakibatkan kerja penyeliaan tidak dilaksana dengan memuaskan. Kegagalan memilih kontraktor dengan betul telah mengakibatkan kerja projek tidak dapat disiapkan bagi tempoh yang ditetapkan. Majlis terpaksa menanggung kos tambahan projek kerana projek lewat disiapkan.

62.3 PEMANTAUAN

Yang Dipertua Majlis adalah Pegawai Penguasa untuk mengawasi pelaksanaan projek manakala Unit Perancang Ekonomi Negeri merupakan penyelarass projek dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan. Semakan Audit mendapati pemantauan pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

62.3.1 Buku Harian Tapak Bina

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 4 Tahun 1988 menyatakan Buku Harian Tapak Bina merupakan dokumen penting yang boleh membantu semasa penilaian tuntutan kontraktor, menilai kerja tambahan dan penyelesaian masalah pentadbiran kontrak. Ia hendaklah sentiasa dikemaskinikan. Pemeriksaan Audit mendapati tiada maklumat dan rekod menunjukkan Buku Harian Tapak Bina diselenggara oleh kontraktor pertama manakala kontraktor kedua hanya menyelenggarakan *daily report* bagi bulan November dan Disember 2002 sahaja. Bagaimanapun, adalah didapati pihak Majlis ada menyelenggara Buku Harian Tapak Bina tetapi tidak diselenggara dengan memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah tiada tandatangan di ruangan tandatangan kontraktor/agen tapak bina, bilangan pekerja dan jenis kerja dilaksanakan tidak dicatat.

Pada pendapat Audit, kegagalan pihak Majlis memastikan Buku Harian Tapak Bina diselenggara dengan lengkap dan kemas kini mengakibatkan proses pelaksanaan projek tidak dapat diawasi dan dinilai dengan berkesan.

62.3.2 Mesyuarat Tapak

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 3 Tahun 1991 para 3.1(b) menyatakan kekerapan mesyuarat tapak bagi kontrak yang bernilai RM500,000 ke atas dan tidak melebihi RM2 juta adalah sekurang-kurangnya satu kali bagi tempoh sebulan. Pemeriksaan Audit mendapati mesyuarat tapak tidak diadakan mengikut kehendak Pekeliling tersebut. Bagi kontrak pertama mesyuarat tapak diadakan sebanyak 25 kali bagi tempoh 32 bulan sebelum kontrak ditamatkan pada bulan April 2002. Bagi kontrak kedua pula hanya 7 mesyuarat tapak diadakan bagi tempoh 10 bulan.

Pada pendapat Audit, mesyuarat tapak merupakan salah satu pemantauan yang penting dan jika ia tidak dilaksanakan dengan berterusan maka masalah yang timbul berkaitan dengan pembinaan dan pengurusan tidak dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan.

62.3.3 Laporan Daripada Majlis Terhadap Juruperunding

Mengikut surat daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan pada bulan November 1997, Majlis hendaklah mengemukakan Laporan Prestasi Juruperunding kepada Urusetia Jawatankuasa Pemilihan Dan Pelantikan Juruperunding Peringkat Agensi, Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan setiap enam bulan dari tarikh pelantikan sehingga tamat projek. Pemeriksaan Audit mendapati tiada rekod dan maklumat menunjukkan laporan tersebut disediakan dan dihantar kepada Urusetia Jawatankuasa tersebut.

Pihak Majlis hendaklah mematuhi arahan tersebut iaitu menyediakan dan menghantar laporan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan supaya prestasi Juruperunding yang telah dilantik dapat dipantau.

62.3.4 Pemantauan Oleh Juruperunding

Syarat kontrak menyatakan wakil Pegawai Penguasa hendaklah bertanggungjawab kepada Pegawai Penguasa dan tugasnya ialah menjaga dan menyelia kerja, menguji dan memeriksa bahan atau barangan yang akan digunakan atau mutu hasil kerja yang digunakan berhubung dengan kerja. Pemeriksaan Audit mendapati tiada maklumat dan rekod menunjukkan kerja berkaitan dilaksanakan.

Pada pandangan Audit, Juruperunding hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Penguasa terhadap setiap tugas yang telah dijalankan di tapak dan menghantar laporan kepada Pegawai Penguasa untuk rujukan pada masa hadapan.

Pada pandangan Audit, pemantauan yang dijalankan oleh Majlis dan Juruperunding adalah tidak memuaskan. Untuk memastikan kejayaan projek, Majlis hendaklah mempertingkatkan kaedah pemantauan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

63. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Asas dan tujuan pembinaan kemudahan di kawasan Tasik Raban adalah baik dan menepati kehendak Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan di samping menambah hasil Majlis. Bagaimanapun, semasa perancangan projek pihak Majlis kurang teliti dan tidak membuat kajian mendalam mengenai pelan yang disediakan dan keupayaan kontraktor mengakibatkan kerja pembinaan tidak disiapkan bagi tempoh yang ditetapkan. Pelantikan Juruperunding tanpa menyatakan tanggungjawab yang jelas mengakibatkan penyeliaan kerja tidak memuaskan. Pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak Majlis adalah tidak berkesan dan tidak dapat membantu menyiapkan projek. Pihak Majlis terpaksa menanggung kos tambahan projek dan kerugian hasil disebabkan projek lewat

disiapkan. Adalah disyorkan Majlis memperbaiki kelemahan yang dinyatakan supaya projek yang akan dilaksanakan pada masa hadapan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.

BAHAGIAN V PERKARA AM

64. PENDAHULUAN

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 dan tahun sebelumnya. Pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2002. Bahagian ini juga melaporkan mengenai pembentangan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2002 di Dewan Undangan Negeri serta Laporan dan aktiviti Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri.

65. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2002

65.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

Pada tahun 2002, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Batu Gajah, Jabatan Pertanian Daerah Hilir Perak, Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Kangsar, Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Perak dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Daerah Perak Tengah. Beberapa perkara yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- i)** Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.
- ii)** Daftar Stok resit tidak kemas kini, baki stok resit yang belum digunakan tidak dicatat dalam Penyata Borang Hasil Yang Dikawal. Buku borang hasil tidak disimpan dengan teratur.
- iii)** Daftar Mel tidak diselenggara dengan baik dan pemeriksaan mengejut tidak dijalankan sekurang-kurangnya 6 bulan satu kali. Slip bayar masuk wang ke bank tidak disemak oleh pegawai yang menyelia.

- iv) Daftar Bil tidak diselenggara atau tidak kemas kini serta tidak diperiksa oleh pegawai penyelia. Daftar Pembayaran tidak diselenggara dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan bulanan tidak teratur.
- v) Buku Tunai dan Lejar Deposit tidak diselenggara dengan kemas kini. Tindakan belum diambil untuk menutup akaun deposit yang tidak aktif.
- vi) Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara dengan lengkap. Pemeriksaan harta modal sekurang-kurangnya satu kali bagi tempoh 2 tahun tidak dijalankan. Pegawai Pengangkutan tidak dilantik bagi mengurus kenderaan Pejabat. Manakala Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan tidak diperiksa oleh pegawai yang menyelia. Harta modal dan inventori yang rosak dan tidak boleh digunakan belum dilupus.

Kedudukan Masa Kini.

Berdasarkan penerangan dan jawapan bertulis daripada Jabatan atau Pejabat terlibat, tindakan telah diambil untuk menyelenggara dan mengemas kini semua rekod kewangan supaya lengkap dan teratur. Pemeriksaan terhadap rekod kewangan serta pemeriksaan mengejut juga dijalankan oleh ketua pejabat atau pegawai yang diberi kuasa sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan. Bagi harta modal dan inventori yang rosak atau tidak digunakan, tindakan pelupusan telah diambil.

65.2 AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

65.2.1 PEJABAT KEWANGAN NEGERI

Perolehan Kerja/Barangan

Pejabat Kewangan Negeri berperanan sebagai pembiaya terhadap sebahagian kos Perolehan Kerja/Barangan yang memerlukan perbelanjaan segera, kecemasan dan luar jangka. Pelaksanaannya pula melalui Pejabat/Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Pejabat Kewangan Negeri tidak mempunyai sebarang kriteria yang khusus ditetapkan dalam kaedah pemilihan Perolehan Kerja/Barangan.

Kedudukan Masa Kini

Pejabat Kewangan Negeri masih menggunakan kaedah memproses setiap permohonan daripada Pejabat/Agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan sebelum ia diluluskan berdasarkan kepada keperluan, kecemasan dan luar jangka. Permohonan akan dipertimbangkan sebelum kelulusan diberi mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

65.2.2 PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI PERAK

Pelbagai Rancangan Kemajuan Nelayan Luar Bandar

Secara keseluruhannya aktiviti Pelbagai Rancangan Kemajuan Nelayan Luar Bandar adalah kurang menepati matlamat dan sasaran disebabkan ketiadaan perancangan yang sempurna. Perancangan yang sempurna seharusnya merangkumi satu kajian khusus untuk mengenal pasti aktiviti atau projek yang perlu dilaksanakan supaya dapat meningkatkan taraf ekonomi golongan nelayan luar bandar. Ketidadaan perancangan sedemikian secara langsung menjejaskan pelaksanaan aktiviti yang juga didapati kurang memuaskan hinggan pada tahun 2002 keseluruhan peruntukan langsung tidak dibelanjakan. Laporan penilaian terhadap keberkesanan projek kepada golongan sasaran juga tidak disediakan. Namun dari aspek pemantauan adalah didapati Pejabat Pembangunan Negeri telah menjalankannya dengan memuaskan.

Kedudukan Masa Kini

Daripada maklum balas yang diterima, Pejabat Pembangunan Negeri menegaskan yang ia tidak dipertanggungjawabkan membuat perancangan. Ini bermakna Pejabat Pembangunan Negeri hanyalah menguruskan peruntukan bagi Program Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar meliputi menyelaras, mengawal dan menguruskan pengeluaran peruntukan mengikut permohonan yang diterima. Pejabat Pembangunan Negeri juga menjelaskan yang agensi ini tidak menyediakan laporan penilaian keberkesanan projek sebaliknya tugas ini dibebankan kepada

Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah. Setakat ini, Pejabat Pembangunan Negeri belum menetapkan agensi mana yang sepatutnya membuat perancangan sama ada ia perlu dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi atau Pejabat Daerah. Dalam hal ini, Pejabat Daerah hanyalah bertindak sebagai wakil/pejabat kecil atau agensi pelaksana. Pihak Audit berpendapat perancangan seharusnya disediakan oleh peringkat/pihak atasan dan bukannya di peringkat agensi pelaksana. Namun, input atau idea yang baik dan bermanfaat kepada golongan nelayan luar bandar boleh diperolehi daripada agensi pelaksana. Pengasingan tugas, kuasa dan tanggungjawab antara Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Daerah hendaklah digariskan dengan lebih jelas dan tepat. Kerajaan Negeri disarankan untuk lebih serius dalam usaha membantu meningkatkan taraf ekonomi golongan nelayan luar bandar

65.2.3 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PERAK

Pengurusan Pemberian Bantuan

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak telah mengurus pemberian bantuan dengan memuaskan serta mencapai matlamat untuk memberi perkhidmatan sosial dan kewangan kepada masyarakat. Namun begitu, kelemahan penyelenggaraan rekod bantuan dan pemantauan kes perlu diatasi supaya tindakan segera dapat diambil terhadap setiap permohonan yang diterima disertai dengan tindakan susulan mengikut dasar yang ditetapkan.

Kedudukan Masa Kini

Tindakan telah diambil untuk mengemas kini rekod yang berkaitan bagi membantu mengatasi kelewatan memproses permohonan bantuan baru, siasatan, ulang kaji kes serta pemantauan. Bagi mengelakkan kelewatan, Jabatan akan melaksanakan siasatan dan kaji semula secara berkelompok dan menggabungkan pegawai untuk menyiasat pelbagai kes yang terlibat. Pemantauan

terhadap projek Bantuan Geran Pelancaran akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

65.3 BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

65.3.1 MAJLIS DAERAH SELAMA

Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2002, pengurusan kewangan Majlis Daerah Selama masih mempunyai kelemahan sistem kawalan dalaman dan penguatkuasaan. Memandangkan Majlis menuju ke arah dianugerahkan MS ISO 9002 terhadap kawalan perniagaan, tindakan segera perlu diambil untuk memperkemaskan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan rekod lain yang berkaitan. Dengan adanya kerjasama daripada semua pihak, Jabatan Audit Negara berpendapat Majlis berupaya menambah baik prestasi pengurusan kewangannya dengan mengambil langkah yang disyorkan.

Kedudukan Masa kini

Pengurusan kewangan Majlis Daerah Selama telah bertambah baik hasil daripada tindakan segera yang diambil oleh pihak pengurusan Majlis terhadap teguran Audit.

65.3.2 MAJLIS DAERAH TAPAH

Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2002, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Majlis Daerah Tapah. Pemeriksaan Audit mendapati kawalan pengurusan kewangan Majlis adalah tidak memuaskan. Antara perkara berbangkit adalah seperti berikut:

- i)** Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- ii)** Rekod perakaunan tidak disediakan dengan memuaskan. Akaun tidak ditutup pada setiap akhir bulan, Buku Tunai Cerakinan tidak disediakan dengan kemas kini dan tiada

bukti menunjukkan slip bayar masuk bank dan Buku Tunai disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

- iii) Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan pada setiap akhir bulan.
- iv) Daftar Bil tidak disediakan dengan lengkap dan tiada semakan oleh pegawai yang diberi kuasa. Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan dan bil lewat dijelaskan.
- v) Bil telefon bimbit tidak dibayar balik oleh pegawai yang berkenaan.
- vi) Daftar Wang Amanah tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Wang deposit penyewa tidak dilaraskan untuk bayaran tunggakan sewa.
- vii) Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori tidak diselenggarakan dengan lengkap. Buku log tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Kedudukan Masa Kini

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis masih tidak memuaskan terutamanya dari segi kawalan terimaan dan perbelanjaan. Rekod perakaunan masih tidak diselenggara dengan memuaskan dan tiada semakan dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab. Penyata penyesuaian bank masih tidak disediakan pada setiap akhir bulan. Daftar Bil tidak disediakan dengan lengkap dan masih berlaku kelewatan memproses bayaran. Tindakan masih belum diambil untuk memperkemas rekod wang amanah. Bagaimanapun, Majlis telah mengambil tindakan untuk mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja pegawai serta memungut balik bayaran telefon bimbit daripada pegawai berkenaan. Tindakan sedang diambil oleh pihak Majlis untuk mengemas kini Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori. Walaupun tindakan telah diambil untuk mengemas kini Buku Log tetapi masih ada maklumat tidak diisi dengan sempurna.

65.3.3 MAJLIS DAERAH KINTA BARAT

Pengurusan Projek Pembangunan Usaha Sama

Pada keseluruhannya pembangunan projek Taman Batu Gajah Perdana secara usaha sama antara Majlis Daerah Kinta Barat dengan pihak swasta mencapai matlamat untuk membangunkan kawasan tersebut seperti yang dirancang. Bagaimanapun, persetujuan terhadap pindaan kaedah pembayaran pulangan dalam bentuk hartanah wajar dikaji dengan lebih teliti bagi mendapat faedah yang maksimum.

Kedudukan Masa Kini

Majlis Daerah Kinta Barat telah menerima pulangan yang dipersetujui mengikut kadar semasa. Walaupun begitu, status penjualan unit hartanah oleh pihak swasta perlu diperolehi untuk mengetahui jumlah sebenar hasil yang diterimanya setelah semua unit hartanah dalam projek ini selesai dijual. Tindakan ini adalah bagi memastikan pihak Majlis dibayar perbezaan pulangan daripada jumlah keseluruhan hasil jualan hartanah yang diperolehi oleh pihak swasta seperti yang disyaratkan dalam Surat Perjanjian. Juruaudit swasta perlu dilantik untuk menyemak dan mengesahkan akaun serta laporan jualan yang patut dikemukakan kepada pihak Majlis.

65.3.4 PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK

Projek Pertanian Ladang Rakyat

Projek Pertanian Ladang Rakyat yang diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Negeri Perak telah diusahakan secara efektif, memperolehi keuntungan dan berjaya mengagihkan keuntungan ini kepada kumpulan sasar yang layak. Bagaimanapun, 49% keuntungan yang sepatutnya diagihkan mengikut konsep asal Ladang Rakyat tidak diagihkan sepenuhnya.

Perbadanan telah melantik sebuah syarikat peladangan utama di Malaysia sebagai Juruperunding melalui surat tawaran. Juruperunding ini akan memberi khidmat nasihat peladangan dan agronomi serta menganalisa prestasi Ladang Rakyat berhubung dengan pencapaian hasil, permintaan tenaga buruh, penggunaan baja dan nasihat berkaitan dengan ladang. Polisi Ladang Perbadanan menetapkan pusingan menuai hendaklah dilakukan 24 hingga 36 pusingan satu tahun. Ada Ladang Rakyat yang tidak mencapai pusingan penuaian ini disebabkan oleh kekurangan penuai, selain daripada faktor hujan dan banjir.

Kedudukan Masa Kini

Baki keuntungan yang tidak diagihkan kepada kumpulan sasaran akan ditunjukkan dalam akaun Perbadanan pada tahun 2003 sebagai Rezab Pembangunan. Baki ini akan digunakan untuk tujuan pembangunan ladang atau pengagihan keuntungan ketika ladang mengalami kemerosotan hasil. Perbadanan telah melantik Juruperunding yang sama melalui surat perjanjian yang disaksikan oleh peguam. Walaupun usaha telah diambil untuk menggantikan penuai yang meninggalkan Ladang, tetapi masalah penuai meninggalkan Ladang sukar dibendung kerana sikap manusia sukar diramal. Oleh itu pengambilan penuai daripada negara jiran dibuat apabila adanya keperluan.

66. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002 tindakan sewajarnya telah diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan terhadap semua perkara yang dibangkitkan.

**67. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN**

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentang seberapa segera dalam Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2002 masih belum dibentang di sidang Dewan Undangan Negeri.

68. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2000 dan 2001 sedang diperiksa oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri. Sepanjang tahun 2003, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 3 kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 1999 hingga 2000. Butiran mesyuarat adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Mesyuarat Dan Lawatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri
Sepanjang Tahun 2003

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
6 Februari 2003	Jabatan Pertanian Penasihat Undang-undang Negeri	<p>Perbincangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 1999.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program Membaiki Pengeluaran Padi. Ahli Jawatankuasa telah mengadakan lawatan ke jelapang padi yang berjaya dan yang bermasalah untuk dibuat perbandingan. Satu sesi perbincangan diadakan dengan semua agensi Kerajaan yang terlibat. • Mesyuarat mengadakan perbincangan dengan Penasihat Undang-undang Negeri secara terperinci berkaitan kuasa dan peranan Jawatankuasa dalam draf Peraturan Khas Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri.
13 Mac 2003	Pejabat Tanah Hilir Perak	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan sesi soal jawab dengan Pegawai Daerah Hilir Perak berhubung dengan kehilangan wang di Pejabat Tanah Hilir Perak seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 1999. Mesyuarat bersetuju Pejabat Tanah mendapat maklumat lengkap tentang pembayar cek dan mengeluarkan resit sementara. Setelah diakui sah pembayarannya resit rasmi hendaklah dikeluarkan.
24 April 2003	Jabatan Pertanian Pejabat Tanah Hilir Perak	<ul style="list-style-type: none"> • Semasa mengadakan sesi perbincangan dengan Pengarah Pertanian dan agensi Kerajaan, Mesyuarat merumuskan tindakan yang perlu diambil iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i) Mengadakan program tahunan dan memastikan program ini berjalan dengan lancar. ii) Mengadakan jadual lawatan berkala dan <i>visiting agent</i>. iii) Mematuhi secara berterusan prosedur kerja yang ditetapkan dalam Persijilan ISO yang telah diterima oleh Jabatan Pertanian. • Rumusan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa berhubung dengan kehilangan wang di Pejabat Tanah Hilir Perak adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Memastikan kawalan berterusan di Unit Hasil Tanah supaya perkara ini tidak berulang. ii) Memohon pendahuluan daripada Pegawai Kewangan Negeri mengganti kehilangan wang berjumlah RM100,045. iii) Mengadakan pemeriksaan mengejut lebih kerap di Unit Hasil Tanah.

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

PENUTUP

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad dan kekurangan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya


2 September 2004



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2003 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2003.


(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

2 September 2004

KERAJAAN NEGERI PERAK

LEMBARAN IMBANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER, 2003

Penyata	Nota	2003 RM	2002 RM
ASET			
A WANG TUNAI	7	709,683,083.28	745,468,023.93
B PELABURAN	8	41,650,000.00	41,650,000.00
		751,333,083.28	787,118,023.93
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI:			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	9	595,215,407.82	595,100,240.12
D AKAUN AMANAH DISATUKAN	10	76,822,915.46	145,266,883.81
E AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	11	79,294,760.00	46,750,900.00
		751,333,083.28	787,118,023.93

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan



DZULKIFLI BIN AHMAD
Bendahari Negeri

28 Julai 2004




ZURAIDA BT ARSHAD
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri

KERAJAAN NEGERI PERAK

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003


Perihal	Nota	2003 RM	2002 RM
<u>ASET</u>			
F1 Pinjaman Boleh Dituntut	12	221,326,402.78	146,068,198.39
F2 Tunggakan Hasil	12	158,455,038.80	149,502,646.55
<u>TANGGUNGAN</u>			
G1 Hutang Awam	13	325,390,533.17	253,985,806.41

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan



DZULKIFLI BIN AHMAD
Bendahari Negeri

28 Julai 2004



ZURAIDA BT ARSHAD
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p pegawai Kewangan Negeri

KERAJAAN NEGERI PERAK

C PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2003

Perihal	2003			2002	
	Belanjawan RM	Sebenar RM	Belanjawan %	Sebenar RM	Belanjawan %
BAKI PADA 1 JANUARI		595,100,240.12		592,725,853.62	
C1 HASIL					
Hasil Cukai	169,250,500.00	171,935,051.57	101.59	147,186,137.38	86.64
Hasil Bukan Cukai	190,333,000.00	181,408,535.34	95.31	172,521,878.25	83.88
Terimaan Bukan Hasil	102,179,500.00	101,278,443.73	99.12	122,609,340.25	151.59
Jumlah Hasil	461,763,000.00	454,622,030.64	98.45	442,317,355.88	96.90
C2 PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	153,668,273.00	145,251,252.69	94.52	143,644,503.09	95.95
Perkhidmatan Dan Bekalan	112,436,744.56	107,893,734.73	95.96	102,103,382.76	97.15
Aset	27,610,424.00	26,401,164.30	95.62	21,831,248.03	85.59
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	166,378,186.00	173,412,852.40	104.23	170,360,230.23	95.66
Perbelanjaan Lain	1,651,200.00	1,547,858.82	93.74	2,003,605.27	105.18
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	461,744,827.56	454,506,862.94	98.43	439,942,969.38	95.57
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun (C1-C2)	18,172.44	115,167.70		2,374,386.50	
BAKI PADA 31 DISEMBER		595,215,407.82		595,100,240.12	

* Butir Lanjut: Penyata C1 dan C2

**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
Agensi Kerajaan Sehingga 31 Julai 2004**

Bil.	Nama Agensi	Penyata Kewangan Yang Telah Disahkan	Penyata Kewangan Yang Telah Diterima	Penyata Kewangan Belum Diterima
	(A) Badan Berkanun			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	2000	2001	2002-2003
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	2001-2002	-	2003
3.	Lembaga Air Perak	2001-2002	-	2003
4.	Yayasan Perak	2002	-	2003
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	2001	2002	2003
6.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak- anak Melayu Negeri Perak	2001-2002	-	2003
7.	Kumpulan Wang Biasiswa Rakyat Negeri Perak (Bukan Melayu)	2002	-	2003
8.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Perak Amanah, Agama dan Khairat Sultan Idris	2002	-	2003
9.	Kuala Kangsar Lembaga Muzium Negeri Perak	2002	-	2003
10.	Majlis Sukan Negeri Perak	2002	-	2003
11.	Kolej Islam Darul Ridzuan	2003	-	-
12.		2002	-	2003
	(B) Pihak Berkuasa Tempatan			
	Majlis Bandaraya Ipoh			
1.	Majlis Perbandaran Taiping	2002	-	2003
2.	Majlis Perbandaran Manjung	2002	2003	-
3.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	2003	-	-
4.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	2002	2003	-
5.	Majlis Daerah Kerian	2003	-	-
6.	Majlis Daerah Tapah	2003	-	-
7.	Majlis Daerah Gerik	2002	-	2003
8.	Majlis Daerah Perak Tengah	2003	-	-
9.	Majlis Daerah Selama	2002	2003	-
10.	Majlis Daerah Tanjung Malim	2002	2003	-
11.	Majlis Daerah Kinta Barat	2002	-	2003
12.	Majlis Daerah Kinta Selatan	2002	2003	-
13.	Majlis Daerah Lenggong	2002	2003	-
14.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	2002	2003	-
15.		2002	2003	-
	(C) Majlis Agama Islam			
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	2001-2002	2003	-

**Akaun Agensi Negeri Belum Dibentangkan
Di Dewan Undangan Negeri Sehingga 31Julai 2004**

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan Belum Dibentangkan
(A) Badan-Badan Berkanun Negeri		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	1997-2000
2.	Perbadanan Stadium Sukan Dan Kebudayaan Perak (Pembubaran)	1997
3.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	2000-2002
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	2001
5.	Yayasan Perak	1998 dan 2002
6.	Lembaga Air Perak	2002
7.	Lembaga Kemajuan Penanam-penanam Padi Perak	2001-2002
8.	Lembaga Muzium Negeri Perak	2002
9.	Kolej Islam Darul Ridzuan	2001-2002
(B) Pihak Berkuasa Tempatan		
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	2002
2.	Majlis Perbandaran Taiping	2002
3.	Majlis Perbandaran Manjung	2002
4.	Majlis Daerah Kuala Kangsar	2002
5.	Majlis Daerah Hilir Perak	2002
6.	Majlis Daerah Kerian	2002
7.	Majlis Daerah Tapah	2002
8.	Majlis Daerah Gerik	2002
9.	Majlis Daerah Perak Tengah	2002
10.	Majlis Daerah Selama	2002
11.	Majlis Daerah Tanjung Malim	2002
12.	Majlis Daerah Kinta Barat	2002
13.	Majlis Daerah Kinta Selatan	2002
14.	Majlis Daerah Lenggong	2002
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	2002

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara